



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)
- Menimbang Semula Suatu Rang Undang-undang (Halaman 2)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 16)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2004 (Halaman 16)
- Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004 (Halaman 55)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. ” Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. ” Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Mulia Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lepar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

17. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. " Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titawangsa) - UMNO
13. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) - UMNO
19. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) - MCA
26. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) - UPKO

-
28. Yang Berhormat Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Tuan Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. ” Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO

-
71. Yang Berhormat Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. ” Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO

-
110. Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mat Thani
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Mohd. Izhar bin Hashim

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 1 September 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004;
2. Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2003 dan
3. Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat, melainkan Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 dengan sedikit pindaan dalam Sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"29 Julai 2004

**Perutusan Daripada Dewan Negara
Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004;
2. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004; dan
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004.

Dewan Negara juga telah meluluskan dengan pindaan Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004 dalam Fasal 8 dan Fasal 9 seperti yang tertera dalam kertas pindaan.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA".

MENIMBANG SEMULA SUATU RANG UNDANG-UNDANG

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang dibacakan oleh Setiausaha Dewan sekejap tadi, berkenaan dengan Rang Undang-undang Racun Makhhluk Perosak (Pindaan) 2004 yang telah dipersetujui oleh Dewan Negara dengan pindaan kepada Fasal 8 dan Fasal 9. Saya telah menimbang pindaan-pindaan itu di bawah Peraturan Mesyuarat 73(1) dan saya mendapati bahawa pindaan-pindaan itu adalah menepati tujuan Dewan ini. Oleh yang demikian, saya dengan ini memaklumkan kepada Majlis akan hal itu dan memohon Majlis memerintahkan supaya pindaan-pindaan itu terus ditimbang. Saya memerintah perkara ini hendaklah ditimbang pada suatu hari yang akan ditetapkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada benar pencemaran bahasa Melayu semakin menjadi-jadi dan
- (b) langkah-langkah kerajaan bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang betul.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Gombak yang ditimbulkan pada 23 September 2004 berhubung isu penyalahgunaan atau pencemaran bahasa Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tuan Yang di-Pertua, kesalahan bahasa atau pencemaran bahasa ditakrifkan sebagai penggunaan bahasa yang tidak baku oleh masyarakat sama ada dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Penggunaan bahasa yang tidak baku ini dikesan daripada pelbagai aspek termasuklah ejaan, istilah, perbendaharaan kata, tata bahasa, sebutan dan penamaan. Contoh kesalahan dapat dikesan pada papan iklan, papan tanda, papan tunjuk arah, papan kenyataan, penamaan jalan, taman perumahan, bangunan dan pelabelan produk.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pemantauan yang telah dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2003 dan 2004, jika mengikut takrifan yang diberi, memang berlaku penyalahgunaan bahasa dalam empat sektor yang meliputi pelbagai bidang. Sektor-sektor tersebut ialah sektor perdagangan dalam negeri iaitu kompleks beli-belah, francais makanan, produk makanan dan minuman, produk telekomunikasi elektrik dan elektronik, industri khusus seperti perhotelan dan pelancongan, perkhidmatan kewangan, syarikat kewangan, insurans dan pasaran modal dan sektor media massa. Daripada hasil pemantauan dan kajian, status yang dilaksanakan juga, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengenal pasti kesilapan bahasa pada bahan dan medium yang dipantau, sama ada dari segi ejaan, sebutan, kosa kata umum dan khusus, frasa ataupun cogan kata.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gopeng yang mengutarakan soalan ini dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan. Tetapi, saya hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat manakah kerajaan, Dewan Bahasa dan Pustaka dapat mengawal supaya bahasa Malaysia digunakan dengan sebaik-baiknya? Ini kerana, kadang-kadang media massa milik kerajaan sendiri membenarkan bahasa-bahasa yang cacamarba, bahasa-bahasa rojak digunakan.

Kadang-kadang juga dalam televisyen, temu duga dengan seseorang itu, separuh bahasa Inggeris separuh bahasa Malaysia. Jadi, orang yang tahu bahasa Inggeris, dia faham. Yang tidak tahu bahasa Malaysia dia kelam-kabut. Dia ini kata apa? Sekerat jalan ataupun yang faham bahasa Melayu tetapi tidak faham bahasa Inggeris, dia tidak faham apa yang Menteri ataupun persoalan-persoalan yang dikemukakan.

Adakah kerajaan ingin mencadangkan supaya kita tubuh satu atau Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri sebagai tempat diberi kuasa kepada mereka, supaya kalau kelas, hotel atau siapakah hendak buat apa-apa mesti rujuk, *clearance* daripada

mereka tentang bahasa supaya jangan bangsa kita tidak lama atau bangsa Malaysia ini bercakap bahasa rojak seperti saya tengok baru-baru ini, yang SMS itu [*Bertanya kepada beberapa orang Ahli Kerajaan*] yang Akademi Fantasia, hakim itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan ini. Saya hendak bagi Timbalan Menteri faham pasal dia dok kalut dengan MKT dia.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia faham. Yang Berhormat, dia faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, hendak bagi faham bahawa Akademi Fantasia itu, hakim itu dia guna bahasa "*suara bukan main sedap, naik giler*". Ini apa ini? "*Naik giler*"?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat. Soalan memang banyak untuk hari ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Jadi, adakah pihak Kementerian Yang Berhormat akan memastikan bahasa-bahasa seperti ini dihentikan kerana sebagai rakyat Malaysia kita kena menghormati bahasa kita. Tengok, Yang Berhormat bagi Gopeng dia ambil berat itu. Walaupun dia bukan orang Melayu, tetapi dia ambil berat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada soalan, boleh duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan dia, adakah Yang Berhormat akan bertindak untuk mempertahankan supaya bahasa jangan dicemarkan. Terima kasih. [*Tepuk*] [*Ketawa*]

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Kita tetap mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa Malaysia atau bahasa Kebangsaan. [*Tepuk*] [*Ketawa*]. Itu tetap. Dasar kerajaan tidak berubah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini jawapankah? Kalau ini jawapan, sudahlah, bolehlah. Tidak, dia tumbuk meja belah sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapankah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya pun kena tumbuk meja juga. Bagi pendirian kerajaan mesti tegas dan tetap. Itu kita pastikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Jadi, saya terus-terang saya katakan, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjalankan tugas mereka dengan baik dan pantas. Mereka boleh beri teguran, mereka tidak ada kuasa untuk menangkap. Kita tidak bagi kuasa. Oleh yang demikian, ia bergantung kepada pengguna, termasuk Yang Berhormat sendiri. Penggunalah yang akan mendaulatkan bahasa itu. Penggunalah yang akan sama ada mencemar ataupun tidak mencemar. Oleh itu, saya katakan, di sini marilah kita sebagai warganegara Malaysia, kita pastikan bahasa kita tetap berdaulat dan digunakan seluas-luasnya. Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Kementerian kerana memang cukup komited dalam untuk memastikan pencemaran bahasa ini tidak berterusan. Tetapi, kita lihat juga banyak juga agensi kerajaan yang menggunakan bahasa-bahasa yang memberi satu kekeliruan kepada rakyat Malaysia. Contohnya, seperti Cif Inspektor. Ia Cif sahaja, Cif Inspektor, Assistant Superintendan dan baru-baru ini Kementerian Penerangan juga gunakan *Infotainment*. Oleh itu, saya hendak dapat kepastian daripada Yang Berhormat, siapa yang sepatutnya mengawal pencemaran bahasa ini ataupun siapa yang berwibawa dalam bidang ini.

Kalau kita katakan Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak ada kuasa, maka hanya memberi nasihat sahaja. Ini, tidak akan dapat memastikan bahawa pencemaran bahasa ini tidak akan berlarutan. Oleh itu, apakah tindakan selanjutnya daripada Kementerian untuk memastikan bahawa penggunaan bahasa yang betul agar kita mempunyai satu *benchmark* bagi semua pelajar, terutamanya di bangku sekolah bahawa penggunaan bahasa Malaysia ini adalah bahasa yang bakulah, yang standard agar tidak ada kekeliruan lagi berlaku. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, bahawa pihak Dewan Bahasa dan Pustaka tetap menjalankan peranan mereka dengan sebaiknya dan saya katakan tadi bahawa balik kepada pengguna, kalau dari segi sektor awam, pihak agensi-agensi tertentu untuk memastikan dan sekali gus kalau mereka ragu-ragu berkenaan dengan pemakaian dan penggunaan bahasa dan sebagainya, mereka boleh dapat khidmat nasihat daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka hanya boleh mengeluarkan pandangan dan pendapat mereka, sekiranya pihak-pihak tertentu hendak menggunakan dia boleh guna, kalau dia hendak ketepikan pun boleh ketepikanlah.

Jadi, perkara yang kedua yang harus saya timbulkan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini ialah bahawa dari masa ke semasa harus kita menerima mengenai dengan perkembangan dan bahasa-bahasa lain yang masuk ke dalam bahasa Malaysia kita.

Dengan yang demikian, saya sekali lagi tegaskan di sini bahawa perkara-perkara seperti ini tetap berlaku tetapi saya berterima kasih kepada pihak Ahli Yang Berhormat untuk membuat teguran kepada kita supaya Dewan Bahasa dan Pustaka sekali lagi macam saya katakan, kita boleh memberi khidmat nasihat tetapi untuk memastikan sama ada orang ikut ataupun tidak, itu soal kedua.

Seperkara lagi mengenai dengan sekolah, kita tetap daripada sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah, kita tetap memastikan penggunaan bahasa dengan betul dilakukan dalam buku-buku teks kita, malah guru-guru juga diberi nasihat supaya mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Terima kasih.

2. Dato' Firdaus bin Harun [Rembau] minta Perdana Menteri menyatakan strategi dan program jangka panjang yang akan dijalankan oleh kerajaan bagi memupuk serta meningkatkan lagi perpaduan dan integrasi nasional di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini dan di dalam masa yang sama tidak menjejaskan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan tumbuk meja walaupun Ahli Yang Berhormat bagi Jerai ada tumbuk meja sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order*, saya tidak tumbuk meja. *[Ketawa]*

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tadi saya nampak ada sedikit-sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Itu semua bersemangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan jawapan Yang Berhormat.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa merancang dan merangka strategi -strategi ini bukan melakukan pencemaran bahasa - dan pendekatan yang menyeluruh dalam mengatur beberapa program bagi meningkatkan lagi perpaduan dan integrasi nasional di kalangan rakyat majmuk di negara ini.

Program-program termasuklah:

(1) Program Integrasi Negara –

Program ini bertujuan untuk merapatkan masyarakat negeri-negeri dalam Malaysia khususnya di antara masyarakat Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan masyarakat dari negeri-negeri di Semenanjung.

Antara aktiviti-aktiviti di bawah program ini ialah:

- (a) Lawatan integrasi sempena perasmian penggal.

- (b) Lawatan integrasi sempena Pertabalan Seri Paduan Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- (c) Lawatan integrasi sempena Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa dan bermacam-macam lagi perasmian yang berbentuk kebangsaan.

(2) Program Titian Integrasi -

Di bawah Program ini, kerajaan cuba merapatkan jurang perbezaan dari segi bahasa, keturunan, sosial, ekonomi dan budaya di antara penduduk di Wilayah Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan di bawah program ini antara program baru yang dapat dilaksanakan ialah:

- Program Titian Integrasi yang menerapkan konsep anak angkat mahasiswa dan mahasiswi di IPTA dan IPTS.
- Selain daripada itu, pelbagai aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan dari masa ke semasa melalui Skim Rukun Tetangga yang mana merupakan satu institusi di peringkat akar umbi yang digunakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk membantu mengeratkan lagi perhubungan antara kaum melalui aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan komuniti khususnya di kawasan-kawasan kejiranan ataupun perumahan.
- Program ke arah menggalakkan interaksi dan memperkasakan masyarakat pelbagai kaum yang meliputi bidang sosial, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, kebajikan, kesihatan, sukan, alam sekitar, agama, keselamatan dan juga rekreasi telah disusun dan diselenggarakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk dilaksanakan di semua kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara.

(3) Program Promosi Perpaduan -

Program ini bertujuan melibatkan penyertaan masyarakat pelbagai kaum yang lebih ramai di peringkat kebangsaan. Objektif setiap aktiviti di bawah program ini adalah untuk mengekalkan perhubungan kaum, meningkatkan tahap perpaduan, memantapkan integrasi nasional dan ke arah mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Antara aktiviti di bawah program ini ialah sambutan bulan perpaduan, sambutan hari kebesaran dan perayaan kaum dan sebagainya.

Selain daripada program-program yang telah disebut tadi, bagi memupuk perpaduan dan semangat setiakawan serta mengeratkan lagi hubungan antara kaum, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga menerbitkan antologi cerpen, buletin jiran dan majalah perpaduan untuk bacaan umum.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga sentiasa mengambil kira cadangan dan teguran yang diterima daripada pelbagai pihak termasuklah yang ditimbulkan dalam konvensyen dan seminar yang diadakan oleh mana-mana agensi dan jabatan sendiri bagi meningkatkan usaha-usaha mengintegrasikan penduduk antara wilayah dari pelbagai aspek dan juga ke arah pencapaian matlamat perpaduan negara yang mana ia merupakan asas penting kepada usaha pembentukan sesuatu corak sosioekonomi yang saksama di kalangan semua kaum selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terutamanya Salam Merdeka untuk semua Ahli Parlimen 47 tahun merdeka. Di antara ciri integrasi nasional atau ciri integrasi antarabangsa, antara kaum ialah hubungan yang intim antara satu bangsa, satu kaum, penduduk daerah dalam kepelbagaian dan kemudahan untuk berhubung.

Soalan tambahan saya ialah, kita sudah 47 tahun merdeka, saya pun sebut Salam Merdeka, sampai bilakah sekatan di antara penduduk daripada Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak untuk berhubung secara intim harus disekat, kerana setiap kali kita rakyat dari Semenanjung mahu ke Sabah atau ke Sarawak, kita perlu membuktikan diri kita rakyat Malaysia, mesti sekurang-kurangnya tunjuk IC tetapi dari Sabah dan Sarawak untuk datang ke Semenanjung diterima secara terbuka, maknanya integrasinya sudah intim di sini tetapi tidak di sana.

Apakah kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan perkara ini kerana kita sudah 47 tahun merdeka, belum intim lagikah kita, setelah 47 tahun? Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan soalan ini di luar tanggungjawab kementerian saya kerana ini adalah menyentuh Perlembagaan negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, saya tahu Kerajaan Negeri Sarawak sedapat-dapatnya telah melonggarkan keperluan ini dan walaupun Perlembagaan memberi peruntukan supaya kita menggunakan pasport misalnya tetapi pelawat-pelawat ataupun orang-orang yang datang dari luar Sarawak cuma diperlu mengisi borang sahaja dan menunjukkan kad pengenalan mereka dan tidak seperti yang betul-betul diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Dan setakat ini, setahu saya tidak ada pelan ataupun rancangan hendak menghapuskan penggunaan keperluan tersebut.

Dato' Firdaus bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap jawapan kepada soalan saya yang asal. Soalan tambahan, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan kayu pengukur bagi mengukur tahap kualiti perpaduan di kalangan rakyat sama seperti, dengan izin, *Key Performance Index* untuk mengukur prestasi sesuatu organisasi?

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, dari awal lagi menteri baru yang telah dipertanggungjawabkan mengenai hal integrasi dan perpaduan ini dilantik dahulu dalam satu mesyuarat awal kita telah mencadangkan supaya mengadakan *benchmark* ataupun *Key Performance Index* untuk Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk dijadikan sebagai pengukur. Setakat ini belum lagi dibincangkan secara teliti dan menunggu masa yang sesuai dan apabila sudah mendapat input yang mencukupi, kemungkinan kita akan melaksanakan rancangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kesal bahawa dalam perkara yang begitu penting, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada di sini sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk menjawab*[Beberapa Ahli Dewan menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Satu isu yang begitu penting, kosong sekali dalam Kabinet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Seorang pun tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hari ini Kabinet!

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu hari ini ada Kabinet, tetapi inilah Parlimen, *first world Parliament*, Kabinet yang kedua. Parlimen yang utama. Saya harap bahawa Kabinet boleh tukar masa mesyuarat supaya semua Menteri

Seorang Ahli: Soalan tambahan, soalan tambahan!

Tuan Lim Kit Siang: datang untuk jawab soalan ini.

Seorang Ahli: Soalan tambahan!

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini? Tidak rasional, bagaimana ... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

[Beberapa Ahli menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: *[Terus berucap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah!

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of Order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: ...semua *blind*[bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Ipoh Timur. Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: [Terus bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *Point of Order*, Yang Berhormat, *Point of Order*. Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kena mengikut arahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Apabila Tuan Yang di-Pertua memberi arahan. Ini *Point of Order*. Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, dia seronok lebih. Lim Guan Eng sudah terlepas dari ISA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah Yang Berhormat, duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah cukup, sudah cukuplah ya. Baik, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ketiga.

Seorang Ahli: Tidak payah jawablah soalan dia.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar apa soalan tambahan itu. [Ketawa]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Ohh, sorry! [Ketawa]

3. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan cadangan-cadangan yang terkandung di dalam laporan interim Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Pengurusan dan Perjalanan PDRM serta respons dan tindakan susulan kerajaan demi mewujudkan satu pasukan polis yang bertaraf antarabangsa.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini punya standard Ketua Pembangkang, buang masa Perdana Menteri menjawab, Timbalan Menteri sudah boleh jawab dah. [Tepuk] [Ketawa] Standard Ketua Pembangkang ini saya ingat lebih kurang saya punya standard sahaja.

Seorang Ahli: Setaraf Pengerusi JKK sahaja, Pengerusi JKK lagi tinggilah. [Ketawa]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bertarikh 30 November 2004 kerana ia mengenai perkara yang sama.

Laporan awal Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia, telah disebarkan maklum kepada Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6 Ogos 2004 dan laporan tersebut juga telah diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9 Ogos 2004.

Laporan ini bertujuan memaklumkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, mengenai tugas-tugas yang telah dijalankan dan penemuan hasil siasatan Suruhanjaya Diraja mengenai organisasi Polis Diraja Malaysia untuk tempoh enam bulan yang pertama. Cadangan dan syor penambahbaikan akan menyusul di dalam laporan akhir Suruhanjaya Diraja pada bulan Februari 2005.

Di dalam memahami masalah yang dihadapi oleh orang ramai dengan PDRM, beberapa pendekatan telah diambil bagi membantu Suruhanjaya Diraja mengemukakan laporan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Antara pendekatan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan sesi enquiry awam dan sehingga kini sebanyak 26 enquiry awam telah diadakan di seluruh negara;
- (ii) menerima maklum balas di dalam maklum melalui surat, memorandum dan juga laman web yang telah diwujudkan;
- (iii) mengadakan lawatan ke formasi-formasi polis;
- (iv) mendengar taklimat daripada jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan profesional dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) mengenai isu dan bidang yang tertentu dan khusus;
- (v) mengadakan *inquiry* khas untuk mengkaji kes tertentu secara terperinci dengan melihat aspek undang-undang tatacara pelaksanaan kerja dan kelemahan sistem; dan
- (vi) mendapatkan taklimat daripada PDRM serta pelbagai jabatan dan cawangan di dalamnya.

Daripada maklumat dan maklum balas yang diterima daripada orang ramai PDRM, jabatan dan juga agensi kerajaan yang lain, badan-badan profesional dan juga badan-badan NGO serta lawatan-lawatan yang telah dibuat, maka suruhanjaya ini menerima hakikat dan mengambil maklum perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) PDRM telah memainkan peranan sebagai agensi penguat kuasa yang utama di negara ini bagi menjaga keselamatan dan juga ketenteraman awam;
- (ii) mendapati PDRM menghadapi masalah yang menghalangnya daripada berfungsi sebagai agensi penguat kuasa undang-undang yang efektif. Kekurangan sumber manusia, kewangan dan alat-alat kelengkapan yang mencukupi telah menjejaskan prestasi mereka;
- (iii) peningkatan kadar jenayah, globalisasi jenayah, jenayah rintang sempadan dan kecanggihan sindiket jenayah mengemukakan cabaran dan tekanan baru kepada PDRM;
- (iv) terdapat juga aduan orang ramai mengenai penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang dilakukan oleh segelintir pegawai dan anggota polis. Aduan-aduan ini akan diteliti oleh suruhanjaya untuk tindakan selanjutnya; dan
- (v) nisbah anggota polis kepada penduduk yang rendah terutamanya di kawasan kepadatan tinggi seperti di Lembah Klang, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Ipoh. Ini mengakibatkan tahap dan kualiti perkhidmatan PDRM kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, penemuan-penemuan awal hasil siasatan suruhanjaya ini telah dimaklumkan kepada Ketua Polis Negara. Selaras dengan hasrat dan permintaan Y.A.B. Perdana Menteri supaya apa-apa cadangan penambahbaikan yang tidak melibatkan pindaan undang-undang dan juga peruntukan kewangan perlu dilaksanakan tanpa menunggu Laporan Akhir Suruhanjaya di Raja. Sehubungan dengan ini, PDRM telah mengeluarkan tujuh (7) arahan pentadbiran mengenai perkara-perkara berikut:-

1. **Arahan Pentadbiran 12/2004 Ketua Polis Negara (DR) 63/5**
Kegagalan polis memaklumkan dan memberi kebenaran kepada keluarga terdekat melawat setelah penahanan *suspect* dan layanan buruk di dalam lokap.
2. **Arahan Pentadbiran 13/2004 Ketua Polis Negara 87/6/1**
Eggan menerima *report* daripada orang awam.
3. **Arahan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah No. 6/2004**

Arahan Pelaksanaan pelupusan barang-barang kes.

4. **Arahan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah No. 7/2004**
Arahan mengenai pengelasan laporan polis dan memaklumkan pengadu ataupun mangsa mengenai kedudukan laporan dan siasatan polis.
5. **Arahan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah No. 8/2004**
Arahan berkaitan tahanan dan juga tangkapan *suspect*.
6. **Arahan Pengarah Jabatan KDNKA**
Kegiatan sebagai "*tout*" kes kemalangan jalan raya (Penglibatan anggota trafik sebagai *tout* kepada syarikat insurans syarikat guaman, bengkel kenderaan dan pengusaha *tow truck* – dihentikan)
7. **Borang Kod Utusan PDRM (Kod Utusan Polis Di Raja Malaysia – 3.3.2004)**
Tidak meletakkan pesalah juvana bersama dengan pesalah dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM telah memberikan kerjasama yang baik di dalam mewujudkan mekanisme untuk memantau dan memastikan arahan-arahan tersebut dilaksanakan oleh semua pegawai dan anggota polis. Tindakan dan kerjasama PDRM ini dilihat sebagai satu detik permulaan era pembaharuan di dalam perjalanan dan pengurusan PDRM.

Kerajaan juga mengambil berat serta maklum akan kekurangan dan masalah yang dihadapi oleh PDRM seperti keperluan logistik, peruntukan kewangan dan sumber manusia. Oleh yang demikian, untuk perancangan jangka masa panjang, kerajaan telah meluluskan pindaan Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan dan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel yang melibatkan kenaikan dan juga penyelarasan gaji serta elaun, khususnya bagi anggota-anggota polis berpangkat rendah.

Kedua, kerajaan telah meluluskan tambahan peruntukan kewangan sebanyak RM150 juta untuk PDRM bagi tahun 2004 ini. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi pengurusan organisasi PDRM serta meningkatkan mutu perkhidmatan polis sejajar dengan aspirasi rakyat dan negara masa kini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat keluarkan soalan tambahan perlahan-lahan, ya?

Tuan Lim Kit Siang: Perlahan-lahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan emosi.

Tuan Lim Kit Siang: Perlahan-lahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Emosi mudah sakit.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sakit susah kerana kita ada empat tahun lagi jaga kawasan, ya? Ipoh Timur, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih. Inilah sebabnya kenapa kita mahu Perdana Menteri dan Menteri yang berkenaan datang untuk menjawab oleh kerana jawapan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengelak daripada soalan yang pokok, khasnya tidak menyebut langsung mengenai satu perkara dalam Laporan Interim Suruhanjaya Polis Di Raja Malaysia iaitu mengenai rasuah yang melanda setiap peringkat polis – di semua peringkat langsung tidak disebut.

Bukankah ini satu isu yang pokok? Adakah dengan kenyataan yang dibuat oleh pegawai-pegawai tinggi pihak polis baru-baru ini, bahawa perkara ini merupakan satu *police passing* mengenai kenyataan berhubung rasuah di kalangan polis? Adakah ini merupakan satu *retreat* pihak kerajaan mengenai *political will* untuk memerangi dan membasmi rasuah di kalangan polis dan di semua peringkat polis, oleh kerana rasuah di kalangan polis ialah sebab yang utama kenapa rasuah di Malaysia begitu bermaharajalela?

Bukankah ini ditunjukkan di dalam siasatan ACA, kajian yang dibuat mengenai korupsi di Malaysia mengapa *Transparency International Corruption Perceptions Index* jatuh ke tempat 37 oleh kerana rasuah dalam pihak polis? [Disampuk] Dan akhirnya bukankah kenapa dalam perkara ini satu penubuhan Suruhanjaya PDRM ialah membuka satu bab yang baru mengenai lebih ketelusan (*transparency*), laporan interim ini tidak diumumkan tetapi kerajaan dilanda oleh *secrecy syndrome*? Adakah kerajaan rela untuk mengumumkan laporan interim ini supaya ada *public feedback consultation* dalam proses ini? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai isu rasuah yang dibangkitkan, saya sudah jawab tadi memang kita tidak menafikan bahawa ada segelintir pegawai polis yang terlibat dalam rasuah. Ini juga telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat sendiri bahawa pihak Badan Pencegah Rasuah akan mengambil tindakan kepada mana-mana anggota yang terlibat dalam rasuah. Sudah ada di dalam undang-undang kita, yang mana tidak ada berkaitan dengan undang-undang – sebab itu PDRM telah mengeluarkan tujuh (7) arahan yang baru, yang perlu kita perbaiki perkhidmatan polis.

Mengenai rahsia, laporan ini adalah laporan interim – tidak ada rahsia. Bukunya telah pun dibukukan seperti ini. Kalau Yang Berhormat kata hendak baca, tiada masalah. Kita boleh bagi kepada Yang Berhormat. Selepas ini saya bagi Yang Berhormat satu. Benda ini tidak ada rahsia. Kerajaan kita kerajaan yang telus, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak sembunyikan apa yang berlaku dalam polis, tidaklah kerajaan membuat arahan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menubuhkan suruhanjaya ini? Ini menunjukkan keikhlasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat perkhidmatan polis ini boleh kita pertingkatkan untuk melihat bahawa ketelusan dalam urusan polis ini boleh dilihat oleh rakyat. Oleh itu tuduhan Yang Berhormat mengatakan kita cuba menunjukkan rasa, itu hanya fitnah dan politik Yang Berhormat semata-mata.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya boleh berikan laporan ini kepada Yang Berhormat - tiada apa-apa masalah. Ya. ya. Saya boleh bagi Yang Berhormat. Ini tidak ada rahsia. Ini adalah laporan yang pertama dan laporan yang kedua nanti akan ada lagi pada bulan lima (Mei) nanti.

Jadi, daripada tindakan ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa suruhanjaya ini telah pun menubuhkan tiga *working committee* untuk melihat segala masalah yang ditimbulkan oleh orang ramai. Yang antara tiga itu, Tuan Yang di-Pertua.

Jawatankuasa ini telah menubuhkan *Work Ethic and Operation Procedures* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Mohd. Salleh Abas. Kumpulan ini kerjanya ditugaskan untuk menyiasat peranan dan tanggungjawab PDRM dalam menguatkuasakan undang-undang negara serta etika dan tatacara kerja bagi anggotanya. Ia juga akan mengkaji hak rakyat di bawah Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang negara.

Working Committee yang kedua ialah mengenai *Organisation Structure* dan juga *Human Resource Development*. Ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Lim Ah Lek. Kumpulan kerja ini telah ditugaskan untuk membuat siasatan mengenai struktur organisasi pengagihan dan juga pembangunan sumber manusia. Ia akan merangkumi aspek disiplin polis, latihan dan juga pengambilan, kewangan, logistik, projek pembangunan, perhubungan awam dan juga pendidikan Polis Di Raja Malaysia.

Kumpulan Kerja yang ketiga telah ditubuhkan iaitu *Human Rights and Police Duties*. Ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Zaki bin Tun Azmi. Objektif kumpulan ini ditubuhkan ialah untuk menyiasat dan melihat peranan polis dalam menjalankan tugas seharian mereka mengenai pelaksanaan prinsip-prinsip dan amalan hak asasi manusia. Artinya, Suruhanjaya ini telah mengambil langkah-langkah yang begitu baik untuk memperbaiki perkhidmatan polis, tidak seperti sangkaan buruk yang dibuat oleh Ketua Pembangkang. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz [Sri Gading]: [Masih berdiri]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua..... Sri Gading, duduk dahululah. Ada peluang yang ketiga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada laporan yang begitu penting akan dibentangkan sebagai “kertas putih” di Dewan yang mulia ini, dan seterusnya mengenai janji sebelum menubuhkan Suruhanjaya Di Raja yang sudah pun dicadangkan oleh pihak kita bertahun-tahun, baru sahaja sedar itu penting. Adakah pelaksanaan iaitu inisiatif Yang Amat Berhormat untuk menambahkan 21,000 anggota terlatih baru PDRM?

Yang kedua, memberi insentif dan mengkaji semula emolumen yang diberi kepada polis iaitu termasuk elaun perumahan dan sebagainya.

Yang ketiga, mempertingkatkan peralatan di dalam polis termasuk kenderaan-kenderaan yang uzur, yang ketinggalan zaman dan balai polis seperti Balai Polis Jinjang yang bangunannya adalah bangunan penjajahan British lagi. Inilah inisiatif yang diadakan oleh pihak Yang Amat Berhormat beberapa bulan yang lepas, apakah pelaksanaannya iaitu inisiatif ini? Untuk itu kita adakan inisiatif sementara kita tubuhkan Suruhanjaya Di Raja [Disampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana? Itu berkaitan satu soalan sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukup.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi bahawa laporan ini adalah laporan interim. Ianya adalah laporan akhir enam bulan kedua yang akan tamat pada 2005 bulan dua (Februari). Tunggulah laporan itu siap dahulu.

Mengenai masalah yang Yang Berhormat bangkit mengenai elaun-elaun polis, saya ingin memaklumkan bahawa polis telah pun menghantarkan 19 jenis elaun - kita telah pun menghantar kepada kerajaan 19 jenis elaun untuk diberikan pertimbangan. Yang Berhormat cakap tadi 4 – 5 jenis elaun tetapi yang kita minta adalah 19 jenis elaun untuk menjaga polis, termasuk Yang Berhormat cakap tadi 19 jenis elaun yang kita pohon. Sebelum Yang Berhormat bercakap pun kita sudah memintanya, Yang Berhormat.

Yang kedua mengenai peralatan. Kita telah pun menambah bilangan kereta contohnya baru-baru ini sebanyak 500 buah kereta telah kita hantar. Mengenai balai polis, memang di dalam perancangan kita dan termasuklah Balai Polis Jinjang seperti mana Yang Berhormat nyatakan, sekarang ini di peringkat kita mendapatkan reka bentuk yang terakhir. Ini telah pun ada peruntukan untuk kita membuat Balai Polis Jinjang. Kita terpaksa mengubah suai Balai Polis Jinjang ini kerana kita hendak letakkan sekali dengan *central lockup* di Balai Polis Jinjang. Bila ada lokap yang besar, Yang Berhormat nanti pun senang hati, kalau apa-apa hal senang boleh masuk dalam lokap. [Ketawa] Lagi selesa Yang Berhormat nanti.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang akhirnya tentang Latihan Anggota Polis. Kita sedar, kita perlukan 23,000 anggota polis. Memang kita kekurangan, tetapi masalah yang kita hadapi ialah tempat untuk kita melatih anggota-anggota polis. Dalam satu tahun kita hanya boleh melatih anggota polis di PULAPOL atau pusat latihan ini hanya seramai 6,000 orang. Bermakna kalau perlukan 23,000, bermakna kita mengambil masa sekurang-kurangnya empat tahun baru kita boleh dapat 24,000. Dalam masa yang sama setiap tahun polis akan bersara seramai 2,000 orang. Ertinya kita tambah seramai 6,000 tetapi 2,000 lagi bersara. Bermakna setiap tahun kita hanya boleh tambah anggota polis seramai 4,000 orang sahaja. Ini bermakna kalau kita hendak cukupkan 24,000 orang, maka kita kena kalikan 4,000 x 6 iaitu lebih kurang enam tahun.

Walau bagaimanapun, polis sedang berusaha untuk kita membuat sistem pengambilan, sistem latihan yang secara terbaik untuk kita mengatasi segera masalah kekurangan anggota PDRM. Terima kasih.

4. **Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Kesihatan menyatakan status pelan persediaan menghadapi “Pandemik Influenza” oleh kementerian. Ini adalah kerana ancaman menularnya Pandemic Influenza ke seluruh dunia semakin ketara apabila virus selesema burung (H5 N1) masih menular di rantau Asia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Draf Pelan Persediaan “Pandemik Influenza Kebangsaan atau dengan izin, *National Influenza Pandemic Preparedness Plan (NIPPP)*” telah siap dan telah diedarkan ke semua Jabatan Kesihatan Negeri, bahagian-bahagian di Ibu pejabat kementerian untuk mendapat maklum balas sebelum pelaksanaannya.

Walaupun begitu, beberapa sistem *surveillance* telah dijalankan oleh pihak kementerian bagi pengesanan awal wabak influenza iaitu seperti:

- (i) Sistem *surveillance influenza-like illness*, dengan izin;
- (ii) *Atypical pneumonia*;
- (iii) *Syndromic notification* kes jangkitan *respiratory acute*;
- (iv) Berita-berita mengenai kejadian *influenza* dalam dan luar negara; dan juga
- (v) Makmal bagi virus influenza.

Sistem *surveillance* ini dijalankan di semua peringkat perkhidmatan kesihatan termasuk di poliklinik komuniti, hospital, makmal dan kesihatan awam. Ianya adalah selari dengan apa yang disarankan oleh standard Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada pengawasan penyakit (*the disease surveillance*) dengan izin, yang dijalankan telahkah Kementerian Kesihatan mengenal pasti golongan-golongan yang dikatakan berisiko tinggi terhadap penyakit influenza dan adakah cadangan hendak dibuat untuk memberi vaksinasi influenza secara percuma kepada golongan-golongan yang berisiko tinggi kerana golongan-golongan yang berisiko tinggi ini boleh menjadi sumber kepada *pandemic* nanti. Setidak-tidaknya kalau tidak diberi vaksinasi percuma, sekurang-kurangnya diberikan pendidikan kesihatan secara agresif dengan izin. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak yang pakar dalam jangkitan virus ini, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pelan tindakan dalam menangani isu-isu yang sangat berkait rapat dengan influenza ditangani oleh kerjasama tiga kementerian iaitu:

- (i) Kementerian Pertanian;
- (ii) Kementerian Kesihatan; dan juga
- (iii) Kementerian Sumber Manusia kerana ada satu jabatan iaitu Jabatan JKKP.

Ekoran daripada itu, dalam kita menangani kes jangkitan selesema burung di Tumpat baru-baru ini iaitu H5 N1 di Kelantan, kita sebenarnya sudah pun menjalankan *surveillance* serta mengesan golongan-golongan yang berisiko tinggi.

Oleh kerana tindakan kita begitu drastik dan komprehensif, maka jangkitan H5 N1 kes selesema burung yang pasti di Kelantan hanya dijangkiti oleh ayam, tidak dijangkiti oleh manusia dan ekoran daripada itu, WHO memberi pengiktirafan kepada usaha-usaha ketiga-tiga kementerian tersebut.

Yang Berhormat juga menyatakan adakah kita ingin menjalankan vaksinasi kepada golongan-golongan yang berisiko tinggi. Memang dalam draf ini memang ada tetapi buat masa ini belum ada lagi vaksin yang spesifik yang diperkenalkan oleh mana-mana organisasi bagi menangani isu influenza pandemik ini.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini bagaimanakah influenza selesema ayam ini telah menjejaskan penternak kerana selain daripada Singapura, adakah mana-mana yang telah menghalang pengeksporan ayam dari negara kita dan sama ada kerajaan telah bertemu dengan pihak Singapura supaya ayam di negara kita boleh dieksport ke negara itu. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan dari Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Kementerian Kesihatan menjaga kesihatan manusia, tidak menjaga kesihatan ayam serta penternak-penternak ayam. [Ketawa].

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat sedia maklum, memang ada kesan kepada persepsi pengguna kerana bila ada jangkitan ini maka walaupun kita kawal, kita bunuh semua ayam-ayam yang kita *suspect* terlibat di Tumpat, tetapi persepsi

manusia tentang virus ini amat tinggi. Oleh yang demikian, usaha-usaha telah pun dibuat oleh Jabatan Pertanian kerana mengikut WHO, dia ada *time limit* 21 hari. Kalau tidak silap saya pada 6 September akan datang habis, jadi barulah kita boleh yakinkan kepada orang ramai bahawa tidak menjadi masalah. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, silalah makan ayam. Ayam kita masih selamat.

5. Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus] minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai dan kakitangan kerajaan berjawatan sementara atau kontrak sekarang. Bilakah kerajaan akan menyerapkan kesemua kakitangan kerajaan yang berjawatan sementara ke jawatan tetap. Adakah Kerajaan Pusat bersedia memberi kebebasan kepada kerajaan negeri untuk melantik kakitangan kerajaan negeri ke jawatan tetap tetapi tidak berpencen tanpa perlu mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam terlebih dahulu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai yang dilantik secara sementara sehingga 31 Disember 2003 ialah seramai 12,435 orang manakala pegawai yang dilantik secara kontrak melalui JPA pada tahun 2002 dan 2003 ialah seramai 3,012 orang. Perlantikan secara sementara dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu:

- (i) perlantikan sementara bagi mengisikan jawatan tetap;
- (ii) perlantikan sementara bagi mengisikan jawatan sementara; dan
- (iii) perlantikan sementara yang tidak mempunyai jawatan.

Semua pegawai yang dilantik secara sementara di atas boleh dilantik secara tetap apabila:

- (i) urusan pengambilan dibuat;
- (ii) pegawai memenuhi syarat mengikut skim perkhidmatan; dan
- (iii) terdapat kekosongan jawatan tetap.

Pada masa kerajaan-kerajaan negeri diberi kuasa melantik pegawai ke jawatan tetap yang kosong melalui Pihak Berkuasa Melantik masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada jawatan berpencen. Setiap pegawai yang dilantik secara tetap akan diberi pilihan sama ada memilih skim berpencen atau KWSP apabila hendak disahkan dalam perkhidmatan.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman: Bila sebut perkataan sementara ini, biasanya memang suatu jangka masa yang pendek. Sebahagian kakitangan sementara yang kita dapati ada yang berjawatan sementara ini sehingga sampai 13 tahun. Adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan satu tempoh yang paling maksimum sebelum menyerapkan seseorang kakitangan itu yang berjawatan sementara ke jawatan tetap.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Seperti mana yang saya telah berikan jawapan tadi, urusan pengambilan ini kita buat apabila ada kekosongan. Jadi, bila ada kekosongan, kita akan membuat perlantikan, jadi, tidak ada jangka waktu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya secara khusus ingin bertanya soalan tambahan. Soalan Guru Sandaran, saya ingat juga di bawah JPA. Kadang-kadang guru sandaran ini dianggap layak menduduki jawatan guru sebagai guru sandaran. Adakah kriteria lain yang lebih tinggi daripada itu untuk membawa mereka menjadi guru yang tetap dan apakah tindakan supaya mereka ini tidak dikeluarkan daripada Kementerian ataupun jabatan supaya tidak menjadi orang yang tidak *marketable* lagi di dalam pemasaran keperluan dia ataupun kebolehan dia mencari pekerjaan. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya kerajaan kita telah memberi kuasa kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan tentang perlantikan-perlantikan di bawah Kementerian masing-masing. Begitu jugalah dengan badan-badan berkanun. Terpulanglah kepada Kementerian yang berkenaan untuk menimbang berkenaan dengan jawatan-jawatan yang di bawah Kementerian masing-masing.

6. **Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan usaha kementerian yang berkesan supaya terbukti kaum bumiputera betul-betul nampak berniaga seperti kedai kopi, kedai runcit atau lain-lain jenis perniagaan di bandar-bandar besar.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berperanan untuk mewujudkan dan membangunkan usahawan bumiputera supaya berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing bagi mencapai matlamat perwujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Bagi mencapai hasrat tersebut, kementerian mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk membangun usahawan melalui:

- (i) Program pembudayaan usahawan;
- (ii) Program latihan dan bimbingan;
- (iii) Kemudahan pembiayaan premis perniagaan;
- (iv) Program pembangunan perniagaan; dan
- (v) Promosi pemasaran produk usahawan.

Usaha-usaha ini ternyata berkesan dalam mewujudkan usahawan bumiputera dalam pelbagai bidang seperti industri francais, industri perabot, program pembangunan tekno-usahawan, program usahawan teknikal dan inkubator, perkilangan bumiputera, program mentor mentee dan program usaha sama tulen yang melahirkan 54 buah syarikat dalam bidang pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jika orang-orang dari luar negeri seperti Indonesia yang datang tanpa izin ke Malaysia, yang agak agresif dengan izin menghimpitkan ruang kaum bumiputera beroperasi yang menjalankan aktiviti perniagaan mereka seharian.

Bila mereka datang, maka peniaga tempatan sudah menggeletar lutut, takut kerana mereka menggunakan *bouncer*, dengan izin ataupun keganasan. Jikalau sudah dapat tempat tersebut maka sukarlah peniaga-peniaga tempatan masuk berbusiness kerana mereka menggunakan keganasan tanpa izin. Mereka ini baru sahaja datang ke negara kita, tetapi sudah mempunyai mykad dan pada masa yang sama juga mereka memiliki pasport Indonesia. Saya hairan ada di antara mereka ini menjadi ketua kampung, pengerusi JKK, pengerusi cawangan parti politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: ...serta cawangan. Ini menggambarkan – soalan saya Tuan Yang di-Pertua, mengapa polisi-polisi Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Baru, OPP3, MPPB tidak dapat dilaksanakan di peringkat-peringkat negeri. Adakah negeri-negeri ini mempunyai dasar yang lain. Misalnya, pada sesi ini soalan saya minta penjelasan tentang ekuiti bumiputera, kalau ada lah ekuiti bumiputera di dalam perniagaan jenis alkohol yang beroperasi di negara kita, tidak dapat dijawab, ditolak kerana ia adalah bukan urusan kerajaan tetapi katanya ini urusan syarikat tersebut.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat terlalu spesifik, tetapi jelas dalam dasar kerajaan mana-mana peniaga asing yang berniaga dia adalah menyalah dari segi undang-undang peraturan. Yang Berhormat sendiri, jika terdapat usahawan-usahawan begitu rupa boleh melaporkan pihak yang berkuasa. Tugas kementerian bukan melihat daripada penyalahgunaan kuasa kerana kami ialah Kementerian Pembangunan Usahawan Bumiputera. Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pendapat bahawa pengalaman dan kemahiran berniaga sesungguhnya adalah sesuatu yang mengambil masa yang panjang dan perlu pendedahan dan komitmen bagi kemajuan kaum bumiputera. Baru-baru ini ada isu kedai-kedai makanan di mana lebih kurang 40,000 pekerja asing terlibat dan didapati bahawa kementerian akan semakin tegas dalam soal ini dan untuk menghantar pulang pekerja-pekerja ini.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa lebih elok kementerian melihat strategi di mana perkongsian perniagaan antara bumiputera dengan bukan bumiputera yang berjaya dalam bidang kedai makanan ini boleh dimajukan melalui pindahan kemahiran, melalui pekerja-pekerja asing ini kepada pekerja tempatan. Mungkin kementerian boleh membuat satu strategi lain daripada menghantar balik mereka ke

negara asal, apa salahnya atau apa caranya untuk kita gunakan pekerja-pekerja yang mahir dari luar negara untuk mengajar pekerja-pekerja tempatan. Melalui cara ini mungkin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:kemahiran itu dapat dipertingkatkan. Soalan saya adalah adakah Kementerian akan mencari jalan lain daripada menghantar pulang pekerja ini dengan menggunakan kemahiran mereka untuk memajukan kaum bumiputera.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat boleh dimajukan kepada Kementerian Dalam Negeri. Setahu saya pendatang-pendatang asing hanya boleh bekerja dengan ahli-ahli perniagaan di dalam negeri walaupun mereka ada kemahiran hanyalah kalau pendatang-pendatang sementara sebagai pencuci pinggan dan buruh sahaja. Kecuali kita ada perjanjian yang tertentu yang membolehkan mereka berusaha niaga dengan kita selaku *smart partnership*. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kuota pelaburan bumiputera yang tidak terjual oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB), dan apakah faktor-faktornya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat lapan tabung unit amanah yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad iaitu anak syarikat PNB; iaitu Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW), ASN2, ASN3, Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Didik (ASB) dan Amanah Saham Gemilang (ASG).

Daripada jumlah itu terdapat hanya satu tabung unit amanah yang mempunyai kuota bumiputera dan bukan bumiputera iaitu ASW2020 di mana kuota yang ditetapkan adalah 51% untuk bumiputera dan 49% untuk bukan bumiputera. Setakat 21 Julai 2004 sebanyak 1 bilion unit ASW2020 atau bersamaan 33.3% daripada had saiz tabung yang diluluskan yang diperuntukkan kepada bumiputera masih tidak terjual daripada kuota bukan bumiputera sebanyak RM1.47 bilion telah habis dijual. Selain daripada itu, terdapat tiga tabung unit amanah yang boleh dilanggan oleh semua warganegara iaitu ASN3, ASG dan ASM.

Di antara sebab-sebab kuota pelaburan bumiputera ini tidak terjual ialah pemegang unit bumiputera mempunyai banyak pilihan untuk melabur dalam unit amanah PNB. Yang lain seperti ASB, ASN dan lain-lain mereka juga yang lebih cenderung untuk melabur dalam unit-unit amanah yang berharga tetap dibandingkan dengan unit-unit amanah yang berharga berubah-ubah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesai masa kita untuk Soal-Jawab.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 2004 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk

maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bercadang untuk menjadi suatu pihak kepada Konvensyen Antarabangsa Bagi Pembantaranan Pembiayaan Keganasan dan Konvensyen Antarabangsa Menentang Pengambilan Tebusan 1999. Antara obligasi yang akan perlu dipenuhi oleh Malaysia di bawah kedua-dua konvensyen itu ialah mewujudkan kesalahan membiayai keganasan di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah meluluskan pindaan kepada Kanun Keseksaan dalam mesyuarat belanjawannya tahun lalu dan Rang undang-undang meminda Kanun Keseksaan untuk memasukkan peruntukan tentang kesalahan membiayai keganasan itu telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah diwartakan pada 25 Disember 2003. Untuk membolehkan Malaysia melaksanakan peruntukan baru dalam Kanun Keseksaan itu, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 perlu dipinda untuk memberi bidang kuasa jenayah luar wilayah kepada mahkamah di Malaysia supaya mahkamah itu dapat membicarakan kesalahan yang berlaku di luar wilayah Malaysia.

Oleh yang demikian, Fasal 2 rang undang-undang ini dicadangkan supaya subseksyen 22(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dipinda untuk meluaskan bidang kuasa jenayah luar wilayah Mahkamah Tinggi supaya meliputi kesalahan yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 50 dan 87 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 juga dicadangkan dipinda untuk memudahkan pemberian notis rayuan apabila sesuatu kes di bawa ke peringkat rayuan ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Pindaan itu akan membolehkan peguam cara negara atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Peguam Negara Malaysia menandatangani sesuatu notis rayuan. Pindaan-pindaan itu dicadangkan dalam Fasal 3 dan 4 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tumpat.

11.09 pagi

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan rang undang-undang yang mencadang untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Pertamanya, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak dalam negara kita daripada pimpinan politiknya kepada parti-parti politik di semua pihaknya dan rakyat keseluruhannya di atas kejayaan kita mencapai kemerdekaan untuk tahun ke 47. Saya fikir semua pihak menyambutnya dan merayakannya dan tidak ada pihak yang ingin melihat negara kita ini menjadi lebih teruk atau lebih mundur atau lebih kucar-kacir dan sebagainya setelah mencapai kemerdekaan selama 47 tahun.

Bagi pihak Parti PAS kita juga menyambut sambutan ini dan merayakannya sebagai kemerdekaan untuk seluruh rakyat Malaysia. Oleh itu, kita berasa amat sedih apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menuduh bahawa PAS

tidak menyambut jemputan untuk menghadiri perayaannya yang dilakukan di Bandar Kuantan, Pahang semalam. Saya telah menyemak dengan pihak Setiausaha Agung parti dan mendapati bahawa sebenarnya jemputan tidak pun disampaikan kepada pihak kami dan oleh sebab itu, kami tidak ada tempat, kedudukan hak untuk hadir bersama dalam perayaan tersebut.

Jadi, saya ingin menjelaskan supaya tuduhan-tuduhan daripada peringkat yang tertinggi itu tidak semudah itu dilemparkan kepada sesiapa pun khususnya kepada parti-parti politik yang semuanya ingin merayakan kemerdekaan negara kita untuk kali yang ke 47 ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menyambut 47 tahun merdeka, Rang Undang-undang Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ini masih dalam bahasa Inggeris. Ini saya telah sebutkan dalam kes-kes yang berkenaan dalam perdebatan-perdebatan yang lalu tetapi kes ini masih berterusan. Undang-undang negara kita yang penting termasuklah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ini dan rang undang-undang pindaan berkaitan dengan mahkamah yang akan dibawa selepas ini masih lagi tertulis dan kekal dalam bahasa Inggeris dan bukannya dalam bahasa Kebangsaan. Jadi, di samping kita menyambut 47 kemerdekaan negara saya fikir tidak dapat kita nafikan bahawa banyak lagi soal-soal utama, soal penting, soal-soal dasar, soal-soal berkenaan dengan jati diri negara kita, identiti negara kita yang disebutkan dalam soalan pertama hari ini berkaitan dengan bahasa Kebangsaan, bahasa Malaysia, bahasa Melayu masih lagi diabaikan oleh kerajaan.

Jadi, saya ingin mengingatkan sekali lagi untuk kali yang ke berapa saya lupa, bahawa rang undang-undang negara ini, undang-undang yang sedia ada dalam negara ini mestilah dengan segera dialihbahasakan supaya bahasa utama, bahasa rasmi, bahasa sah undang-undang negara kita sepatutnya hari ini tahun ke 47 hari yang pertama tahun ke 48 kemerdekaan negara kita ianya sudah sepatutnya termaktub dalam bahasa Kebangsaan dan bukan lagi dalam bahasa penjajah yang kita jijikkan, yang kita anggap sebagai suatu zaman kehinaan bagi seluruh bangsa yang adalah dalam negara kita.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan tentang betapa pentingnya mahkamah dan saya ingin mengingatkan kembali bahawa yang bercakap tentang betapa pentingnya mahkamah dalam negara kita ini bukan rakyat biasa, bukan ahli-ahli politik yang biasa sekarang ini. Yang bercakap tentang betapa pentingnya, betapa mustahaknya, betapa sepatutnya luhurnya institusi mahkamah kita ini adalah orang-orang, tokoh-tokoh, pemimpin-pemimpin paling tinggi dalam negara kita. Yang bercakap tentang peri pentingnya mahkamah ini ialah daripada bekas Ketua Hakim Negara yang sekarang ini menjadi Sultan Negeri Perak. Baginda telah menyebutkan bukan dalam satu ucapan tetapi dalam sekurang-kurangnya dua ucapan, akhir-akhir ini menyentuh tentang peri pentingnya integriti, kedudukan tinggi, kemuliaan mahkamah kita pelihara dan jaga.

Saya ingin memetik Titah Baginda yang pertama berkenaan dengan ini dalam ingatan kita, dalam sejarah singkat yang kita kembali untuk mengingati dan mengetahui pandangan tokoh-tokoh, pemimpin-pemimpin kita tentang peri pentingnya institusi mahkamah.

Seri Paduka Baginda Sultan Perak dalam Titah Baginda pada 10 Jun 2004 misalnya, menyebut tentang pentingnya institusi mahkamah ini dan menyatakan dalam ucapan titah Baginda, saya petik, *"Satu daripada rukun terpenting yang diperlukan bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan ialah wujudnya badan kehakiman yang bebas, tiada undang-undang yang akan berkesan dalam memberikan keadilan melainkan mekanisme pelaksanaan berasaskan prosedur yang adil dan telus serta ditadbirkan oleh barisan hakim yang layak, bebas dan mengamalkan integriti yang tinggi."*

Ini saya fikir adalah amat penting dan perlu kita ingatkan Dewan yang mulia ini apa yang dititahkan oleh bekas Ketua Hakim Negara yang sekarang ini merupakan Sultan sebuah negeri dalam negara kita ini. Baginda seterusnya melafazkan, *"Sering disebut-sebut bahawa badan kehakiman adalah pengawal yang sebenar, true guardian tentang keadilan. Maka sebarang kelemahan fungsi berbanding fungsi badan-badan lain tentulah akan menjejaskan neraca keadilan, begitu juga sebaran penurunan keyakinan masyarakat terhadap kebebasan badan kehakiman lumrahnya akan mewujudkan ketidakstabilan yang lazimnya memakan masa yang lama dan sulit untuk dipulihkan."*

Baginda seterusnya menyebutkan tentang pandangan antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, sebab Rang undang-undang ini sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi adalah menyentuh tentang jenayah yang dilakukan oleh rakyat kita di luar negara kita, jadi apabila jenayah tersebut berlaku sudah tentulah kita ingin mengadili penjenayah itu yang tertuduh itu di mahkamah kita dan apabila ianya dilakukan di luar negara, kita perlu memohon supaya pemimpin atau kerajaan pihak berkuasa di negara asing itu menahan orang ini dan kita perlu membicarakannya di mahkamah asing dahulu. Institusi kehakiman negara asing akan menilai institusi kehakiman negara kita kerana inilah prosedur ekstradisi yang biasa.

Jadi baginda menyebut selain daripada persepsi rakyat tempatan tentang badan kehakiman, pandangan antarabangsa juga menjadi faktor penentu mempengaruhi imej badan kehakiman sesebuah negara. Ini tiada negara yang boleh hidup bersendirian dan kekal, kebal dari penilaian pihak-pihak berkepentingan badan-badan pelobi dan media antarabangsa. Jadi yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua selain daripada faktor-faktor lain dalam Titah Ucapan Baginda ini ialah bahawa menekankan sekali lagi daripada pihak yang boleh kita katakan tanpa dinafikan tertinggi dalam negara kita dalam segi pengalaman Baginda, dalam segi kedudukan Baginda hari ini, betapa pentingnya institusi kehakiman kita ini, kita pulihkan kembali supaya perasaan-perasaan tidak puas hati tentang apa yang berlaku di dewan-dewan mahkamah itu tidak akan menimbulkan masalah kepada kita dalam kita berhasrat untuk melaksanakan cadangan pindaan ini yang menyebabkan jenayah-jenayah yang berlaku di luar negeri kita.

Selain daripada ucapan pada 10 Jun 2004, Baginda juga menerusi seperti juga kes yang pertama Seri Paduka Baginda Raja Muda Negeri Perak, Raja Nazrin pada ucapan yang dititahkan pada 9 Ogos 2004 juga menekankan sekali lagi betapa pentingnya institusi kehakiman dihormati integritinya oleh negara dan oleh masyarakat antarabangsa. Saya boleh petik di sini daripada apa yang saya ambil daripada Bernama dalam e-netnya dalam Bernama dot.com yang mana bertajuk "Biar Yang Bersalah Rasa Gerun Yang Tidak Bersalah Rasa Terbela" Raja Nazrin. Mahkamah hendaklah melaksanakan keadilan sehingga menimbulkan rasa gerun kepada yang bersalah dan rasa terbela kepada mereka yang berada di pihak yang benar. Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah, berkata bahawa mahkamah merupakan simbol bagi badan kehakiman memastikan undang-undang negara terjamin berdaulat melalui sistem kehakiman yang dilaksanakan secara bebas dan berkecuali, adil dan saksama serta telus dan terbuka.

Baginda seterusnya menyatakan kedaulatan undang-undang tidak boleh di kompromi dalam apa jua keadaan malah wajib dipertahankan secara tegas, secara berani, secara telus, secara terbuka titahnya ketika merasmikan bangunan Mahkamah Majistret Sri Manjong di sini Isnin 9 Ogos 2004 atau 8 Ogos mungkin 2004 yang lalu.

Jadi, agak mesti sudah tentunya menimbulkan sesuatu dalam pertimbangan kita bagaimana Seri Paduka Baginda Sultan Perak, melalui anakanda Baginda dalam dua ucapan dalam masa yang amat dekat dengan kita hari ini dengan satu ucapan dengan satu titahnya 10 Jun 2004, 9 Ogos 2004 juga betapa nampaknya bekas ketua hakim kita seorang daripada Seri Paduka Al-Sultan dalam sistem negara kita yang tertinggi telah mengambil masa dan menumpukan khusus kepada pentingnya institusi kehakiman, mahkamah-mahkamah, hakim-hakim dan semua yang berkaitan dengannya dapat bertindak dan menjalankan tugas dan amanah penting menjaga integriti kehakiman yang juga bererti menjaga integriti institusi-institusi yang ada dalam negara kita.

Jadi, saya fikir kita perlu tekankan sekali lagi bahawa mahkamah dan sistem kehakiman dalam kes-kes yang akan dibawa melalui pindaan Rang undang-undang ini akan dapat meneruskan, melaksanakan hasrat Seri Paduka Baginda Al-Sultan Negeri Perak dan saya yakin semua masyarakat yang berminat, cinta kepada negara ini di saat kemerdekaan kita yang ke-47 ini melihat keadilan menerusi institusi kehakiman, menerusi institusi mahkamah, menerusi tindakan-tindakan oleh yang arif hakim-hakim kita dapat melaksanakan tugas-tugas mereka sebagaimana yang disebutkan oleh Seri Paduka Baginda Al-Sultan Negeri Perak ini dengan penuh keberanian, dengan penuh kebebasan, dengan penuh kecintaan kepada keadilan yang akhirnya akan menyumbang kepada keadaan negara kita menjadi lebih baik untuk kita menghadapi sambutan kemerdekaan yang ke-48, itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi, kita terpaksa membawa pindaan ini kerana kita menjadi salah sebuah negara yang menerima dan menandatangani konvensyen-konvensyen antarabangsa termasuklah Konvensyen Antarabangsa Untuk Membanteras Keganasan. Kita juga telah membahaskan isu keganasan ini beberapa kali Tuan Yang di-Pertua dan kita ingin

sekali lagi menjelaskan sebagai wakil-wakil rakyat, sebagai ahli-ahli politik, sebagai parti-parti politik, sebagai mewakili parti PAS kita menentang keganasan, tetapi dalam kita menentang keganasan kita berhasrat supaya keadilan dalam menangani keganasan di mana-mana sekalipun di seluruh dunia tetap diamalkan, jangan sekali-kali kerana kita bercita-cita untuk membanteras keganasan maka kita terpengaruh dengan prejudis-prejudis, sikap-sikap tertentu terhadap mana-mana pihak, mana-mana puak, mana-mana golongan, mana-mana negara, mana-mana komuniti ataupun mana-mana agama.

Saya ingin memetik Tuan Yang di-Pertua, satu laporan yang saya petik daripada sebuah tulisan berkenaan dengan masalah berkaitan dengan keganasan yang kononnya berlaku di sebuah negara barat iaitu di United Kindom. Mengikut tulisan ini Tuan Yang di-Pertua dan saya bacakan kandungan dalam bahasa Inggeris dengan izin, *"Despite the sweeping police raid against Muslim, the majority of conviction in the UK under it's Anti-Terrorist Law since 9/11 (9 September) have been white loyalist and racist"*. Maknanya walaupun seluruh dunia mengecap dan mengancam bahawa pengganas-pengganas dalam dunia ini hanyalah daripada kalangan orang-orang Islam tetapi hakikatnya, faktanya di Britain sendiri daripada yang ditahan daripada yang ditangkap yang akhir dibawa ke mahkamah tuan Yang di-Pertua, majoritinya adalah orang-orang British berkulit putih bukan beragama Islam. *"According to Home Office Speaker, 609 arrest of so call terrorist suspect has been made over the past three years, but up until 30th June 2004 they have lead two only fifteen convictions.*

Maknanya, polis Britain menahan 609 orang semenjak undang-undang baru yang membolehkan mereka menahan penjenayah-penjenayah keganasan ini, tetapi sehingga 30 Jun 2004, hanya 15 daripada 609 itu yang dibawa ke mahkamah, sebab mereka tidak ada ISA, Tuan Yang di-Pertua, jadi mereka kena bawa ke mahkamah, yang tidak dibawa ke mahkamah mesti dibebaskan. *The majorities were quietly released without charge, in contrast to the high profile raids, yang ramainya daripada 609 kecuali 15, dibebaskan secara senyap-senyap.*

Apabila mereka ditahan seluruh media Britain, seluruh TVnya, akhbarnya memberi gambaran, gambar-gambar dan sebagainya, orang-orang ini yang bermisai, yang berjanggut, yang berserban dan sebagainya, ditahan. Tetapi apabila mereka tidak ada kes, tidak ada bukti mereka dibebaskan secara senyap-senyap. Bermakna bahawa daripada kes-kes yang ditahan itu amat kecil sekali yang ada kaitan dengan pertuduhan yang dicadangkan hendak dikenakan kepada mereka.

It is now been found by a study, of eleven of the convictions by the Institute of Race Relations, iaitu satu badan sah di Britain, Institute of Race Relations, that only three were Muslims and of these two has been given leave to appeal against the conviction.

Maknya 609 ditahan, hanya 15 dibawa untuk didakwa dan hanya tiga sahaja orang Islam dan daripada tiga itu, dua dibenarkan untuk merayu di atas kesalahan yang dikenakan terhadap mereka, yang lain, *the other eight, included six convicted of wearing or carrying symbol of outlet pro-British Loyalist group in Northern Island. The other two were separated cases of sending letters, containing substances claiming to be noxious and included one sent to Muslim MP, Mohammad Sarwar, containing white powder, dan seterusnya.*

Saya mengambil kesempatan sekali lagi untuk di kalangan kita ini di dalam negara kita ini, di Dewan yang mulia ini, tidak mudah dipengaruhi oleh media Barat yang ingin mengaitkan keganasan dengan hanya satu kaum, hanya satu kumpulan agama, sama ada dalam negara ini ataupun di seluruh dunia ini. Jadi, kita ingin mengingatkan juga pihak kementerian, pihak kerajaan, pihak pegawai-pegawai kerajaan, pihak yang bertanggungjawab tentang penyelidikan, risikan berkenaan dengan keganasan di negara ini supaya membebaskan fikiran kita daripada hanya menggolongkan kaum tertentu, rakyat tertentu dan dalam kes di Malaysia, hanya parti politik yang tertentu sahaja yang terlibat dalam kes-kes keganasan.

Kita dapat melihat kajian yang ditulis oleh *Institute of Race Relations* di United Kingdom sendiri bahawa prejudis ini menimbulkan banyak masalah dan ketidakadilan kepada kaum, kepada orang-orang beragama tertentu di Britain. Kita berharap supaya kalau ini sudah ditemui sebagai hakikatnya di Britain sendiri, maka hakikat ini juga harus disedari oleh pihak-pihak yang berkuasa dalam negara kita supaya tidak menimbulkan suatu keadaan yang menyulitkan tanpa asas kepada rakyat negara kita sendiri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, di belakang. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak pandangan Yang Berhormat sedikit. Bolehkah Yang Berhormat beritahu sedikit, agak-agaklah roh ataupun semangat daripada akta yang dipinda ini, hasil daripada apa yang bergolak di Eropah sekarang ini dan sedikit sebanyak ada menekan kepada pergerakan Islam di seluruh dunia. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya yakin bahawa itulah keadaannya dan walaupun diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada kaitan dengan ikatan kita sebagai penandatanganan kepada konvensyen-konvensyen antarabangsa berkenaan dengan keganasan ini. Saya fikir inilah yang saya cuba untuk merayu kepada pihak kerajaan supaya jangan terikat, jangan tertakluk, jangan sama-sama dipesongkan dengan apa yang sedang berlaku di peringkat antarabangsa, yang cuba mengelaskan hanya satu golongan, satu kelompok, satu agama sahaja sebagai cenderung untuk melakukan keganasan.

Saya juga ingin menjawab pandangan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang itu, juga melihat bagaimana misalnya di Amerika Syarikat hari ini, konvensyen parti republikan dilakukan di bandar New York cuba sekali lagi mengabui bukan sahaja rakyat seluruh dunia tetapi rakyat Amerika sendiri untuk sekali lagi meletakkan negara tertentu dalam kes ini – Iraq; agama tertentu dalam kes ini – Islam; orang-orang tertentu dalam kes ini, kemungkinan besar orang-orang Arab sebagai mewakili keganasan yang ada di seluruh dunia.

Kita amat malu, bimbang dan sedih melihat bahawa rakyat Amerika dengan begitu mudah dapat dipesongkan dan seboleh-bolehnya oleh sebab itu kalau eloknya rang undang-undang ini walaupun penting, walaupun berkaitan dengan ikatan kita, dengan dua konvensyen yang disebut tadi, seharusnya boleh mungkin dapat ditunda supaya kita tidak dilihat sama-sama dengan parti republikan dalam sandiwara mereka untuk melantik kembali Bush sebagai Presiden dalam pilihan raya akhir tahun ini, dalam sandiwara republikan.

Walaupun kita tidak ingin menyentuh pergolakan dalaman parti dalam negara Amerika, dalam pertandingan Presiden mereka, tetapi nampaknya dalam suasana di Amerika, di mana mereka ingin mengingatkan kembali rakyat Amerika betapa Peristiwa 11 September 2001 itu dengan mengadakan konvensyen di New York sendiri untuk mengaitkan dan melibatkan seluruh rakyat Amerika, untuk kononnya dengan menyokong orang-orang tertentu yang ada di Amerika itu akan sama-sama menyokong untuk menyelamatkan Amerika, kononnya daripada serangan oleh orang-orang yang bersifat keganasan, yang kononnya diwakili sebagaimana Juliani sebut dalam ucapan beliau kelmarin, daripada hanya sebuah negara iaitu Iraq, hanya seorang manusia iaitu yang bernama Saddam Hussein.

Dan, sampai Juliani mengatakan walaupun tidak kita ketemui.....

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Razali bin Ismail: Saya kira mahu tidak mahu, kita terpaksa juga melihat bahawa 11 September 2001 itu sebagai di antara akibat yang membawa kepada peranjakan dari segi kita hendak menghukum warganegara kita kalau sekiranya melakukan jenayah di seberang laut. Ini juga dilihat dalam konteks bahawa memang ada penjenayah-penjenayah kita terutamanya dalam konteks Islam ini, mahu tidak mahu kita terpaksa mengakuinya.

Saya juga merasakan, kita juga merasakan bahawa inilah saat yang paling sesuai bagi kita untuk kita melaksanakan Islam *hadhari* itu sendiri. Yakni, Islam yang kontemporari, tidak hanya semata-mata bercakap dalam konteks retorik semasa, tetapi juga harus kita meletakkan Islam itu yang begitu kompetitif, yang berdaya saing, yang beradab, yang bersopan dan yang bertamadun. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya fikir pandangan beliau perlu kita timbang dengan baik dan saya menyambut baik hasrat Yang Berhormat untuk membincangkan tentang bagaimana hendak melaksanakan Islam dengan cara yang terbaik sesuai dengan keadaan, masa, suasana yang ada dalam negara kita dan juga di peringkat antarabangsa. Saya fikir di pihak kami tidak keberatan langsung untuk terus menerus berbicara, berbincang, berdialog, bermuzakarah dengan mana-mana pihak, sudah tentu termasuk dengan pihak yang diwakili oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu itu dalam hal yang

sepenting ini untuk kita di peringkat dalam negara dan untuk kita di peringkat antarabangsa ini.

Juliani, Tuan Yang di-Pertua, sampai mengakui bahawa walaupun tidak diketemui *weapons of mass destruction* di Iraq selepas diserang, selepas ditakluki, selepas Saddam Hussein ditangkap dan ditahan sehingga ke hari ini, beliau membuat kesimpulan yang mudah – Saddam Hussein itu, dia kata adalah *weapons of mass destruction*. Ini suatu pencemaran bahasa Inggeris, pencemaran politik republikan, pencemaran politik antarabangsa untuk memberi alasan suatu keganasan antarabangsa yang dilakukan oleh sebuah negara bernama Amerika Syarikat menyerang dengan begitu mudah negara-negara yang sahaja dengan mudah juga dituduh sebagai musuh Amerika dan inilah lakonan politik yang berlaku di peringkat antarabangsa, khususnya di negara yang terkuat dalam dunia hari ini.

Jadi, kita ingin merayu kepada semua pihak untuk memikirkan tentang bagaimana kita perlu berdiri di atas asas-asas kita sendiri dan tidak terpengaruh dengan apa yang cuba dibawa oleh kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat itu.

Saya bersetuju dengan Kuala Terengganu bahawa kita perlu mendalami dan memikirkan dengan sebaik-baiknya persoalan yang kita hadapi ini dan cuba membawa imej yang sepatutnya, yang sebenarnya tentang Islam ini di peringkat antarabangsa. Kita juga perlu menilai bahawa sistem kehakiman antarabangsa hari ini walaupun dalam negara kita, kita mengambil jalan yang lebih mudah iaitu menahan orang-orang yang kita syaki sebagai pengganas ini terus di bawah ISA, tetapi kalau kita bawa ke peringkat kehakiman yang sebenarnya, seperti yang berlaku di dunia Barat, maka sehingga hari ini kita boleh sebutkan tidak ada seorang pun lagi warga dunia yang dihadapkan di mahkamah di Eropah ataupun di mahkamah di Amerika Syarikat yang didapati sabit kesalahan di atas tuduhan jenayah yang berkaitan dengan keganasan, yang berkaitan dengan peristiwa 11 September 2001.

Ada satu, dua kes yang berlaku di mahkamah-mahkamah di Jerman, di mahkamah di Hamburg, orang yang bernama Mazuddi dibawa ke mahkamah di Hamburg setelah ditahan begitu lama atas desakan CIA, FBI Amerika, supaya orang ini daripada Maghribi, Morocco ditahan. Apabila ditahan oleh pihak berkuasa Jerman, dibawa ke mahkamah Hamburg di negara Jerman, akhirnya tidak ada bukti untuk menyabitkan beliau di atas jenayah yang dituduh ini, sehingga ke hari ini tidak ada pun kes yang dapat disebutkan oleh mahkamah sebagai benar-benar bersalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat berkenaan yang menyentuh tentang ISA dan dibandingkan juga dengan tahanan-tahanan di negara-negara lain terutama sekali di negara Barat yang menyeksa dan juga yang melakukan benda-benda yang tidak bertamadun terhadap tahanan-tahanan mereka itu, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Malaysia kita mempertahankan ISA demi untuk mempertahankan keamanan, kestabilan perkauman dan juga untuk kita mempertahankan kemerdekaan kita. Di samping itu juga tahanan-tahanan ISA ini bukan didera ataupun diseksa, tetapi mereka ini diberi pendidikan tambahan supaya mereka ini menjadi seorang warga negara yang sayangkan undang-undang, yang mempertahankan kedaulatan negara dan juga mempertahankan hidup aman damai di dalam negara kita yang berbilang kaum ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya? Terima kasih Yang Berhormat

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Jerai, saya Tuan Yang di-Pertua, adalah seorang tahanan ISA juga untuk beberapa ketika dalam kehangatan politik dalaman parti saya ketika itu dalam tahun 1998. Oleh sebab itu daripada pengalaman peribadi, saya tidak bersetuju bahawa tidak ada penderaan yang dikenakan terhadap tahanan ISA. Sekurang-kurangnya dalam tempoh 60 hari yang pertama, di mana kita tidak mempunyai akses atau hubungan dengan mana-mana pihak di luar daripada kawalan pihak *special branch* dan polis di tempat-tempat tahanan yang khas itu. Maka saya fikir dari segi bukan sahaja fizikal dan tidak semestinya fizikal, dari segi *psychological*, dari segi mental, dari segi hak asasi biasa manusia banyak kekurangan, kelemahan dan penderaan-penderaan berlaku di ketika itu.

Oleh itu membawa Timbalan Menteri untuk melawat Kem Kemunting di Taiping dan membawa wartawan bersama untuk melihat keadaan di Kem Kemunting di

Taiping bukanlah jawapan yang sebenarnya kepada pertuduhan yang dibawa oleh tahanan-tahanan ISA, bahawa mereka didera ketika mereka berada di bawah ISA. Tetapi sudah tentu saya dapat juga memahami bahawa kita sekarang ini membandingkan betapa Amerika Syarikat mendera rakyat dunia di Guantanamo Bay, mendera rakyat Iraq yang tidak berdosa di penjara Abu Gharib di Baghdad itu sendiri, ini adalah dalam golongan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan untuk kepentingan kerajaan-kerajaan yang berkenaan.

Harapan saya seialiran dengan hasrat Yang Berhormat Jerai ialah supaya ia tidak disalahgunakan, kita dapat bersetuju seperti PAS bersetuju apabila undang-undang ISA, keselamatan dalam negara ini dibawa ke Parlimen dalam awal tahun 60-an dahulu untuk ia ditujukan kepada keganasan tulen yang wujud ketika itu, yang dibawa oleh pengganas-pengganas yang mewakili parti komunis, yang ada dalam negara kita ketika itu. Tetapi PAS ketika itu pemimpin-pemimpinnya dengan pemimpin-pemimpin perikatan UMNO ketika itu sudah tentu tidak ada kata sepakat bahawa ianya akan diteruskan sehingga ke hari ini, dan akhirnya tertangkap pemimpin-pemimpin PAS sendiri di bawah undang-undang yang mereka setuju sama ketika itu.

Kita tidak menolak bahawa dalam kita menjaga keselamatan, kebaikan, integriti, masyarakat dan negara kita, kita perlu undang-undang dan kita perlu juga adil bahawa undang-undang yang begitu mudah digunakan untuk menahan orang-orang yang sebegitu mudah seperti yang terkena kepada anak-anak muda kita yang pulang daripada Pakistan, umur 18 tahun, 19 tahun ditahan begitu sahaja hasil daripada kononnya *intelligent* daripada pasukan-pasukan perisik antarabangsa, yang mana saya sebutkan tadi dalam kes mahkamah di Hamburg, mahkamah Jerman sendiri menolak fakta-fakta perisikan yang kononnya datang daripada FBI dan CIA. Oleh itu kita patut lebih waspada, lebih curiga dan lebih mementingkan kebebasan rakyat kita sendiri daripada cuba untuk mengikut hasrat daripada kuasa-kuasa, kerajaan-kerajaan besar dengan maklumat-maklumat kononnya daripada perisik-perisik mereka yang mana jelas terbukti dengan kegagalan mereka menemui *weapons of mass destruction* di Iraq.

Itu adalah kegagalan yang jelas dengan berhenti dan letak jawatannya ketua CIA, Amerika Syarikat, George Tenet baru-baru ini, beberapa bulan ini menunjukkan pengakuan jelas daripada CIA tentang kegagalan perisikan mereka. Dengan pengakuan oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat sendiri, Colin Powell yang begitu berani pergi ke mahkamah dunia kononnya Bangsa-Bangsa Bersatu, di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu menyebut tentang bukti yang beliau ada bahawa Iraq mempunyai peralatan-peralatan, kemudahan-kemudahan untuk mewujudkan senjata, *weapons of mass destruction*. Hari ini Colin Powell mengkritik sumber-sumber maklumat beliau.

Di Britain sendiri kita tahu Tuan Yang di-Pertua, Tony Blair diserang beberapa kali hari ini, bahawa janji beliau pada Parlimen Britain, bahawa Saddam mempunyai kuasa untuk melancarkan senjata nuklear beliau dalam 45 minit, "*the 45 minutes story*" oleh Kerajaan *Labour* oleh Tony Blair ini, hari ini diakui sebagai suatu maklumat kosong yang mana jawatankuasa-jawatankuasa khas Parlimen Britain sendiri membuat kesimpulan bahawa maklumat-maklumat itu tidak tepat.

Inilah yang kita bimbang supaya kita tidak bertindak walaupun atas apa undang-undang sama ada ISA di atas maklumat-maklumat yang tidak tepat dan ketidakadilan ini berpunca daripada maklumat-maklumat yang tidak tepat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun di belakang ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan untuk berkongsi pengalaman dengan Yang Berhormat Tumpat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Tentang apa yang dinyatakan oleh 'Professor John L. Esposito' dalam bukunya *Era of Painting Islam As the New Enemy*. Itulah peristiwa yang berlaku selepas 11 September, di mana kuasa besar dunia Amerika Syarikat cuba mencari musuh baru mereka. Ini disebut secara tidak langsung oleh Professor Samuel Huntington dalam artikel yang akhirnya menjadi sebuah buku iaitu *The Clash of Civilisations*, yang menyatakan bahawa selepas jatuhnya Soviet Union Amerika perlu mencari dan meramalkan apakah ancaman terbaru dalam menghadapi dunia moden hari ini.

Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Tumpat bersetuju dengan saya bahawa Amerika dan sekutunya dan akhirnya mencari negara-negara dunia ketiga supaya menjadikan agenda untuk melihat Islam sebagai musuh baru ini dengan secara tidak langsung menggunakan kerajaan-kerajaan ini dalam menghadapi cabaran baru ini?

Saya juga bimbang bahawa dengan perluasan kuasa oleh mahkamah dalam akta yang kita hendak bincang ini, jangan sekali-kali supaya kerajaan melihat dan jangan terperangkap dalam agenda besar ini. Kita boleh bersetuju dengan pindaan ini tetapi mestilah mengambil kira tentang tafsiran *terrorist* atau pengganas itu sendiri supaya kita tidak terjebak dalam perangkap Amerika Syarikat ini.

Adakah Yang Berhormat bagi Tumpat bersetuju dengan saya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu dan saya fikir apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang bagaimana Amerika Syarikat sentiasa mencari musuh dan dalam saat dan ketika ini sudah tentulah musuh yang paling mudah dalam mereka cuba merebut jawatan untuk menjadi Presiden Amerika Syarikat itu ialah umat Islam.

Di ketika yang sama, Tuan Yang di-Pertua, orang lain mengambil kesempatan dalam medan antarabangsa. Di ketika yang sama, negara Israel terus menyerang rakyat Palestin, terus merobohkan rumah-rumah orang Palestin yang rumah-rumah itu pun hanyalah rumah-rumah pelarian, hanyalah tempat-tempat sementara untuk rakyat Palestin. Dan hari ini di Amerika Syarikat berlumba-lumba untuk menunjukkan sokongan mereka terhadap boleh dikatakan apa sekalipun keganasan yang dilakukan oleh Israel itu.

Jadi, saya ingin menyeru kerajaan supaya dalam kita terikat dengan konvensyen-konvensyen ini dan dalam keterpaksaan kita untuk menggunakan Parlimen ini untuk meluluskan undang-undang pindaan seperti ini, kita jangan sekali-kali lupa akan hakikat sebenarnya bahawa keganasan-keganasan yang terdapat di dunia hari ini bukan hanya berpunca daripada satu kaum, satu agama atau satu negara sama ada Afghanistan ataupun Iraq sahaja. Lihatlah juga kepada keganasan yang dilakukan oleh Israel dengan secara yang terbuka itu terhadap rakyat, bukan 10 tahun, bukan 20 tahun, tetapi 50an tahunnya mendahului tahun kemerdekaan negara kita ini sekalipun.

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi, inilah Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang...

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: ...saya ingin...

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Minta maaf, dia tidak ternampak saya di sini tadi. Tadi saya cukup tertarik apabila Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan juga saya nampak Yang Berhormat bagi Tumpat seolah-olah mengakui bahawa ancaman terhadap orang Islam itu datang daripada anasir luar. Bagaimana kalau saya mencadangkan mari kita semak dalam diri kita sendiri, marilah kita membuat pembaikan, mari kita membetulkan jiwa raga umat Islam itu sendiri. Jangan dengan mudah kita melemparkan permasalahan itu terhadap luar. Kita melihat ancaman luar.

Sesungguhnya kalau sekiranya umat Islam melihat penyakit-penyakit dalam diri sendiri, seperti mana yang telah saya sebut tadi yang saya kira telah dipersetujui oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi dalam usaha kita membina Islam Hadhari ini yang bertamadun, yang beradab, yang bersopan itu, saya kira ia tidak mengizinkan kejahatan, kemusnahan, huru-hara atau anarki itu pasti tidak berlaku.

Maka dalam konteks ini, saya kira jangan hanya kita melihat senario di luar sana. Mari kita lihat ke dalam diri kita, *the inside out factor*, dengan izin, dalam diri kita, hisab atau muhasabah diri kita dan di situlah kita mencari punca-puncanya, jangan dengan mudah kita hendak melempar permasalahan itu kepada sudut luar sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya sebagaimana saya sebut tadi amat menyanjung pandangan itu amat penting dan oleh itu khususnya sebagai parti-parti politik yang Yang Berhormat wakili, yang saya wakili, perlu melihat hal ini dengan baik, dengan jelas, dengan hati yang terbuka. Jangan kita sama-sama dengan pihak-pihak yang lain apabila kita sentuh tentang "Haldiri", hal dalaman sendiri, hal peribadi, maka mengatakan bahawa itu hal peribadi, tidak boleh disentuh. Perbuatan-perbuatan

individu peribadi tidak boleh kita masukkan dalam perkiraan politik atau perkiraan perjuangan kita. Hal-hal itu mesti diasingkan daripada apa yang boleh kita sentuh.

Sikap seperti ini daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan daripada rakan-rakan yang lain saya fikir adalah perubahan-perubahan baru yang kita lihat sekarang ini ingin melihat keseluruhan diri-diri kita ini sebagai individu-individu dan sebagai anggota jemaah, anggota suatu kumpulan yang ingin membawa perubahan-perubahan yang berkesan, yang efektif, yang sebenarnya kepada diri kita, kepada masyarakat kita, kepada golongan kita, kepada agamawan dan kaum seagama dan seluruh masyarakat dan negara kita. Ini adalah suatu perspektif baru yang baik, yang saya dengar daripada sekurang-kurangnya seorang Ahli Yang Berhormat daripada kalangan yang ramai yang ada di sini, yang saya yakin dipersetujui sama oleh kebanyakan kita yang berada di sini.

Kita tidak menafikan peri pentingnya itu tetapi kita juga tidak ingin supaya kita ini terpesong kerana sebagaimana yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa rang undang-undang ini adalah kerana kita terikat dengan dua konvensyen ini. Jadi, itu pun tidak boleh kita nafikan, senario antarabangsa pun kita tidak boleh nafikan, pergolakan politik antara negara-negara pun kita tidak boleh nafikan di samping kita menerima keadaan bahawa kekuatan diri di kalangan kita perlu menjadi asas yang penting untuk kita membawa perubahan yang penting kepada politik dan keadaan negara kita.

Tuan Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun di belakang sana, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya, sila.

Tuan Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya gembira apabila mendengar semacam ada satu titik pertemuan yang mungkin akan berlaku seperti mana firman Allah S.W.T, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud, "Marilah kita bekerjasama atau bekerjasamalah kamu dalam perkara-perkara yang membawa kepada takwa atau kebaikan".

Dalam membincangkan pindaan ini, saya mendengar dari awal ucapan Yang Berhormat bagi Tumpat menyatakan kebimbangannya bahawa suatu kumpulan manusia, suatu kumpulan agama, suatu kumpulan politik dianaktirikan atau diambil tindakan semata-mata kerana mengikut agenda Barat.

Saya rasa sebagai seorang *backbencher* kerajaan, perkara ini tentu sekali tidak mungkin berlaku kerana apa yang saya saksikan dalam akta ini ialah kita cuba mengadakan satu akta pencegahan, misalnya disebut di antara perkara yang ingin dipinda ini ialah di perenggan (b)(ii), dengan izin:

- (vi) *by any person to compel the Government of Malaysia.,*
- (vii) *by any stateless person who has his habitual residence in Malaysia;*
- (viii) *by any person against or on board a fixed platform while it is located on the continental shelf of Malaysia; or*
- (ix) *by any person who after the commission of the offence is present in Malaysia.*

Maksudnya, orang ini mungkin atas nama apa pun menggunakan Malaysia sebagai *safe heaven* untuk lari daripada kesalahan. Mereka membunuh di negara lain dalam perjalanan lari, singgah di Malaysia. Kalau kita tidak ada pindaan seperti ini, mereka terlepas. Mereka membuat perkara-perkara jahat ini walau atas nama apa pun melihat Malaysia tidak mempunyai akta pencegahan seperti ini, mereka menggunakan negara kita sebagai suatu negara untuk lari daripada perkara tersebut.

Saya rasa itu *spirit* asal pindaan ini dibuat, tidak semata-mata untuk mencari diskriminasi kepada sesiapa pun. Tetapi ingatan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Tumpat itu sebenarnya menyentuh perasaan saya kerana inilah peristiwa yang berlaku di dunia pada masa ini di mana orang Islam telah dijadikan mangsa. Orang Islam terutamanya orang Arab telah dijadikan sudah dikenali sebagai *terrorist*. Tetapi dalam waktu yang sama kita juga harus melihat bahawa perkara ini memang berlaku dan mereka berlaku menjadi *terrorist* juga atas nama agama. Itu yang harus kita cegah dalam melaksanakan akta ini, saya yakin seruan-seruan yang dibuat ini adalah bertujuan ikhlas, mencari penyelesaian bersama dan saya sanjung perkara ini dan saya

harap ianya berterusan dan ianya boleh diteruskan ke arah perkara-perkara yang lebih baik.

Saya harap Yang Berhormat bagi Tumpat boleh bersetuju dengan saya mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya menyambut baik jaminan daripada Yang Berhormat bagi Ketereh bahawa rang undang-undang ini tidak berhasrat untuk disalahgunakan untuk ditujukan secara tidak adil kepada mana-mana pihak, kumpulan atau parti politik dalam negara kita.

Saya memahami bahawa rang undang-undang ini untuk memberi kuasa kepada kerajaan kita untuk bekerjasama dengan kerajaan asing dalam kes-kes di mana warganegara kita atau asing terlibat dalam kes jenayah-jenayah keganasan di luar atau di dalam negara kita. Ia juga adalah suatu rang undang-undang yang *reciprocal* dengan izin, yang mana kita memasukkan peruntukan-peruntukan ini dalam rang undang-undang yang akan menjadi undang-undang ini.

Negara-negara asing juga akan mempunyai peruntukan-peruntukan ini yang membolehkan mereka menahan bagi pihak kita, rakyat kita yang kita tuduh sebagai terlibat dalam keganasan. Contoh yang pernah berlaku dalam negara kita yang menyebabkan saya menyatakan kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua ialah dalam setahun yang lalu lebih kurang. Tiba-tiba Amerika Syarikat mengumumkan ada seorang warganegara mereka berada di Malaysia menuntut di Universiti Islam Antarabangsa, mereka tuduh pengganas.

Kerajaan kita tidak sempat pun kita bahas di Parlimen, tangkap budak ini dan memuatkannya dalam kapal terbang yang kita yakini dibawa oleh Tentera Udara Amerika Syarikat. Ambil budak ini bawa ke Amerika Syarikat hari ini pun tidak tahu di mana budak itu, di mahkamah mana budak itu dihadapkan, kita bertindak hanya dengan asas kenyataan Amerika Syarikat saya yakin surat daripada Duta Amerika Syarikat kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kita bahawa orang ini penjenayah, kita tangkap budak itu tanpa peguam di sini pun berpeluang untuk mempertahankan atau mewakili beliau, tiba-tiba pagi esoknya kerajaan mengatakan orang ini sudah di bawa keluar oleh Amerika Syarikat. Ini kebimbangan kita.

Kita menerima asas risikan antarabangsa, kuasa-kuasa besar tanpa kita mempertahankan kemerdekaan kita 47 tahun ini untuk menyatakan walau siapa pun walaupun dituduh penjenayah kita mahu lihat orang ini dahulu, kita mahu bawa orang ini dahulu ke mahkamah, kita mahu mahkamah kita menentukan bahawa orang ini walau warganegara mana sekalipun di bawa ke mahkamah dengan terbuka supaya *prima facie case* Tuan Yang di-Pertua dengan izin terhadap beliau yang dituduh itu dan ini dapat kita tentukan dahulu sebelum beliau ini dibenar untuk dihantar pulang ke negara asal mereka.

Ini yang kita perlu tekankan dan ini yang kita bimbang akan terus berlaku jika kita tidak mempunyai kerajaan yang bimbang, yang sayang kepada keadilan masyarakat keadilan warganegara dunia. Dengan kata-kata itu saya mengucapkan terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Santubong

11.57 pagi

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih tuan, saya ingin bercakap sedikit berhubung dengan pindaan akta mahkamah kehakiman 1964 Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyentuh persoalan yang tertera dalam pindaan ini mungkin ada baik juga saya menyentuh sedikit sebanyak perbahasan dan debat yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tumpat juga rakan-rakan yang lain. Saya menyambut baik apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tumpat tadi.

Bahkan kita boleh mengatakan kita sealiran dengan apa yang disebut terutama sekali supaya negara kita tidak diguna oleh pihak-pihak negara lain untuk menguatkuasakan undang-undang mereka di negara kita dan untuk menggunakan ini sebagai satu agenda politik mereka di negara kita. Saya cukup bersetuju sebagai negara yang merdeka, sebagai negara yang berdaulat kita tetap mendaulatkan negara kita sendiri, undang-undang kita sendiri dan kedudukan kita sendiri.

Tetapi saya cukup yakin juga bahawa tujuan pindaan undang-undang ini tidak menghalu ke arah itu bahkan pindaan undang-undang ini berlandaskan satu konvensyen antarabangsa yang kita sendiri ketahui sebelum kita tangani implikasi yang tertentu. Jadi dalam keadaan sedemikian saya cukup yakin apabila kita mewujudkan

undang-undang ini ataupun bawakan pindaan undang-undang ini ke Dewan ini, saya cukup yakin kita bukanlah membawanya oleh kerana kita kena tekan oleh pihak-pihak yang tertentu ataupun negara-negara yang tertentu.

Jadi kita juga perlu menerima hakikat bahawa sebagai negara *committee of nation* dengan izin ataupun masyarakat antarabangsa kita tetap akur bahawa zaman moden ini, zaman globalisasi zaman yang mana sempadan kita telah boleh dipecah dalam apa-apa cara sekalipun daripada segi teknologi dan berbagai-bagai lagi. Kita tidak boleh mengasingkan diri daripada masyarakat antarabangsa.

Jadi kalau kita hendak hidup dalam masyarakat antarabangsa kita harus mengikut konvensyennya, kita mengikut undang-undangnya, kita mengikut garis panduannya supaya satu masyarakat yang menghuni dunia atau menghuni alam yang dicipta oleh Allah ini. Jadi dalam keadaan ini undang-undang itu harus kita sendiri yang membuat. Dalam keadaan sedemikian kita tidak boleh membiarkan kita sendiri menjadi diasingkan, dikeluarkan daripada perundangan antarabangsa yang mana perlukan kita mewujudkan satu undang-undang tempatan untuk menyelaraskan undang-undang yang ada di seluruh dunia.

Jadi kalau kita lihat di negara kita dan negara barat, memang banyak perbezaan. Perbezaannya umpamanya kalau di negara Amerika, di Britian dan sebagainya bahkan di Eropah, walaupun masih ada percambahan ataupun pergolakan pemikiran dan pendapat, masih berlaku walaupun di Eropah dan di England itu sendiri berhubung dengan undang-undang, sama ada kita menekankan kepada hak dan asasi seorang individu ataupun hak asasi ataupun kepentingan masyarakat yang umum.

Jadi kita lebih menumpu kepada kepentingan umum dan pihak negara maju sebagai Amerika, Britian dan sebagainya memang menumpukan kepada soalan individu. Itulah kenapa maka undang-undang mereka juga dibina secara itu, undang-undang nasional mereka dibuat secara itu. Jadi undang-undang kita, bahkan perlembagaan kita walaupun memberi satu garis panduan yang tertentu tetapi tumpuan kita ialah kepada negara ini sendiri, kedaulatan negara ini sendiri, keselesaan negara ini sendiri dan keselamatan negara ini sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi undang-undang kita wujudkan secara itu untuk menjagakan negara ini terselamat daripada apa jua masalah yang mungkin berbangkit yang kita lihat telah berbangkit di negara mana apabila ditekankan kepada kebebasan individu sebagai Amerika dan United Kingdom. Tetapi dalam masa yang sama kita tidak boleh mengatakan bahawa negara Amerika itu dalaman mereka adalah baik. Sebagaimana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada yang bangun. Seri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini, Tumpat dan juga Santubong. Saya kadang kala menyentuh tentang undang-undang yang ada kaitan dengan kepentingan antarabangsa. Apa jaminan? Dalam dunia yang telah menggunakan undang-undang rimba, kepala kepada penggunaan undang-undang ini ialah Amerika Syarikat dan Israel.

Kalau ada kepentingan-kepentingan mereka apakah pindaan kita atau undang-undang kita, boleh kita pertahankan? Bagi mereka sebenarnya kesahihan undang-undang bergantung kepada kekuatan. Kekuatan menentukan. Jadi apakah jaminan? Seperti yang disuarakan oleh Tumpat banyak kebenaran. Saya bercakap di sini bukan soal parti tetapi kebenaran hujah. Di mana dunia menghadapi kekejaman yang begitu dahsyat yang tidak harus dipunyai oleh dunia yang kononnya telah bertamadun, yang telah maju dan sebagainya.

Amerika contoh yang terdekat, Yahudi. Undang-undang Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mereka patuhi. Yahudi, Israel berbagai-bagai undang-undang, peraturan yang telah diputuskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu mereka tolak ke sampingan. Mereka ketepikan dan tidak ada orang berani untuk mencanggah. Sedangkan undang-undang yang mulia itu yang ingin diguna pakai oleh dunia untuk keamanan, keadilan tetapi kepada mereka kepentingan, keuntungan mereka akan diutamakan .

Kadang-kadang dunia ini sudah pelik, dan sebenarnya sudah tidak ada tempat yang selamat di dunia ini dengan kezaliman Amerika, kezaliman Israel, kehakiman di pihak antarabangsa telah menyatakan bahawa pembinaan tembok haram di Israel itu bercanggah dengan undang-undang. Tapi tidak ada pihak yang hendak mengikutinya, Israel tetap membina dan Amerika tetap mempertahankan.

Jadi, kalau undang-undang antarabangsa boleh mereka langgar, apa jaminan undang-undang yang kita pinda ini untuk menentukan keadilan kalau kepentingan-kepentingan mereka akan bertembung dengan undang-undang yang ada dalam negara kita. Saya ingin sedikit penjelasan Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, sebenarnya saya belum sampai ke peringkat itu, cuma saya hendak sebut juga sedikit persoalan ini tetapi oleh kerana Yang Berhormat telah menyoal perkara ini, saya memang cukup bersetuju sebagaimana yang saya sebut saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Tumpat berhubung dengan kezaliman Amerika, tindakan ganas Israel dan sebagainya, saya memang cukup bersetuju.

Saya juga bersetuju mengatakan bahawa kalau daripada kaca mata dunia Amerika pada saya adalah negara yang boleh dikatakan *rough state* ataupun negara yang ganas, negara yang tidak mengikut undang-undang. Negara yang menyimpankan negara itu sendiri sebagai negara pengganas bukan orang negara itu sendiri negara pengganas, *terrorist state* kerana kalau tidak kenapa mengebom negara-negara orang lain dengan tidak menurut garis panduan undang-undang, tidak mengikut usul daripada United Nations dan sebagainya. Ini telah menunjukkan bahawa Amerika memang negara yang *rough state* ataupun negara yang ganas.

Jadi dalam undang-undang ini kita tidak bercanggah dalam persoalan ini. Apa yang tinggal Yang Berhormat bangkitkan tadi persoalan undang-undang ini kena kita perbezakan. Oleh kerana di sini kita sebut bagaimana Yang Berhormat bagi Ketereh sebut bahawa menyebutkan siapa sahaja terutamanya saya baca dalam bahasa Inggeris, ini juga disentuh di Tumpat tadi, "*any person compel the Government of Malaysia or the Government of any State in Malaysia to do or refrain from doing any act*".

Jadi di sini ada menyebutkan sama ada dia *citizen* ataupun orang datang ke Malaysia yang datang sekejap di Malaysia dan telah membuatkan kesalahan di Malaysia dan maknanya memberi *jurisdiction* ataupun bidang kuasa kepada kehakiman kita, mengambil tindakan kepada bukan orang kita sendiri misalnya rakyat Amerika sebagaimana yang telah disebutkan oleh Tumpat tadi, sepatutnya sebelum dikeluarkan daripada negara Malaysia atas alasan bahawa tuduhan daripada negara Amerika sebelum dikeluarkan orang itu dibawa ke mahkamah kita dahulu dan pihak Amerika mestilah membuat permohonan kepada negara Malaysia menerusi kerajaan kita dan orang ini dibawa ke mahkamah.

Extradition kita, *hearing* mesti dibuat oleh mahkamah kita. Dalam keadaan sedemikian barulah martabat negara kita, barulah martabat undang-undang kita, martabat kehakiman kita boleh dipertahankan. Jadi ini telah diberikan dalam undang-undang ini supaya orang sebegini boleh dibawa ke mahkamah dahulu dan didengarkan dahulu kes sama ada benar ataupun tidak tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh pihak penuduh seumpamanya yang saya sebut tadi negara Amerika yang menuduh pelajar ini.

Jadi dalam keadaan sedemikian dengan sendirinya kita telah meningkatkan martabat negara kita sendiri. Jadi undang-undang ini tidak bercanggah dengan keperluan negara kita untuk meningkatkan martabat negara kita dan apa yang tinggal, ingatan Yang Berhormat Sri Gading sebut itu tadi ialah amat penting iaitu bahawa kerajaan janganlah tunduk kepada telunjuk sesiapa sahaja walaupun negara Amerika dalam konsep undang-undang antarabangsa negara tidak kira sama ada sebesar *Liechtenstein* yang mana satu tempat yang tidak lebih daripada satu kilometer *square* sahaja pun sebuah negara dianggap berdaulat dan sebagainya oleh kerana tidak ada askar, tidak ada polis dan sebagainya bukanlah makna tidak bebas, tidak merdeka.

Ini kita jangan bimbang walaupun Amerika sekali walaupun siapa sekali walaupun seluruh negara Eropah sekalipun meminta kita tunduk kepada kehendak mereka kalau tidak mengikut garis panduan undang-undang kita orang itu sebelum dikeluarkan daripada negara ini dianggap bersalah mestilah ditunjukkan orang itu bersalah dan boleh dituduh di negara mereka kerana dalam persoalan undang-undang antarabangsa ada dikatakan *conflict of law* iaitu apa yang dianggap bersalah di negara mereka mungkin tidak bersalah di negara kita ini boleh didengarkan supaya orang itu

patut atau tidak dihantar ke luar negara atau kembali ke negara asal mereka supaya dibawa ke hadapan keadilan.

Jadi dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada percanggahan pendapat kita dengan Sri Gading dan Tumpat. Kita melihat sebagai yang sama juga bahawa negara Amerika, tindak-tanduk mereka dan perbuatan mereka menggunakan risikan-risikan yang di *doctorate* ataupun risikan-risikan diubahsuai untuk kepentingan politik mereka dan agenda mereka ini telah diterima oleh pihak dunia dan sekarang ternyata kita betul bahawa Malaysia tetap betul yang kita tidak menyokong tindakan mereka menyerang Iraq bahawa risikan yang diguna pakai oleh pihak mereka adalah tidak betul dan di *doctorate*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kembali saya kepada persoalan hak individu dan hak masyarakat. Hak individu ini adalah tidak ubah seperti di Amerika dan di Britain. Mereka pentingkan hak-hak individu, itulah mengapa undang-undang seperti undang-undang ISA itu adalah dianggap tidak sesuai di negara itu oleh kerana tidak mementingkan hak asasi individu.

Tapi di negara kita ia lebih berlainan sedikit oleh Malaysia perlu menjaga keselamatan negara ini dalam keadaan politik negara ini, keadaan situasi masyarakat negara ini iaitu masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai pendapat, pandangan, agama, pendidikan, latar belakang dan warna kulit serta bermacam-macam lagi perbezaan kita tapi Alhamdulillah dengan wujudnya undang-undang kita, wujudnya Perlembagaan kita, wujudnya Dewan yang mulia ini untuk memberi satu bimbingan kepada pentadbiran negara kita, kita telah selamat selama 50 tahun kemerdekaan kita.

Jadi, kita tidak menilai daripada pandangan mereka bahawa hak asasi individu itu lebih penting daripada hak asasi yang besar. Jadi dalam keadaan sedemikian saya berharaplah sesiapa sahaja membincangkan persoalan ini janganlah diberi satu perhubungan ataupun *linkages*, dengan izin, bahawa perundangan ini menunjukkan bahawa kita tunduk kepada kuasa asing, tunduk kepada kehendak sesiapa yang di luar tapi kita hanya tunduk kepada satu masyarakat kita sendiri, keperluan negara kita sendiri, keperluan mahkamah kita sendiri dan keperluan keselamatan negara ini yang penting.

Dalam masa yang sama saya tidak boleh menafikan bahawa kita tidak boleh tunduk kepada sesiapa pun tidak menggunakan undang-undang tetapi menggunakan garis panduan yang lain iaitu dengan satu surat sahaja daripada kuasa asing oleh kerana perhubungan politik kita, oleh kerana kebesaran negara itu, kekuatan negara itu bahawa kita akan tunduk dan mengikut sahaja apa kehendak mereka, ini patut tidak boleh diterima di negara ini.

Sepatutnya kita mestilah mengikut garis panduan dan kehakiman kita sendiri, tiap-tiap kes siapa sahaja datang ke negara ini dengan secara undang-undang dan berada di negara ini dengan cara undang-undang, di bawah undang-undang antarabangsa adalah di bawah jagaan negara Malaysia. Sebelum mereka dihantar keluar sama ada oleh orang lain ataupun negaranya sendiri, kita mesti perlu mengetahui sama ada dia telah melakukan satu-satu kesalahan yang khusus dengan bukti yang nyata di negara mereka barulah mereka boleh dihantar balik dengan arahan mahkamah kita sendiri, baru boleh dihantar balik ke negara mereka sendiri. Kalau tidak kita patut menunjukkan bahawa negara ini merdeka, undang-undang kita ada, peraturan-peraturan kita ada dan kita adalah negara yang berdaulat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya tidak melihat bahawa kita akan tunduk kepada mana-mana pihak. Kita merasa sedih.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong.....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:kalau kita melihat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:Ketereh bangun.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Daripada apa yang saya dengar, perhatikan dan apa yang saya baca dalam pindaan ini, pindaan ini adalah bertujuan untuk mengawal orang jahat sama ada mereka rakyat Malaysia, mereka lalu di Malaysia, mereka singgah di Malaysia, mereka menggunakan Malaysia sebagai tempat persinggahan atau mereka berpura-pura jadi orang Malaysia, tidak lebih daripada itu. Sebenarnya akta ini supaya kita tidak terperangkap dalam satu kemelut antarabangsa, di mana orang jahat daripada luar boleh menggunakan Malaysia seperti saya sebutkan

awal tadi, sebagai tempat untuk lari atau tempat untuk mereka berlindung, itu sahaja akta ini.

Sebarang perasaan lain atau prasangka yang lain saya harap Yang Berhormat boleh minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, daripada kerajaan supaya perkara ini memang benar-benar tidak berlaku, kerana sebenarnya ini yang berlaku di dunia pada hari ini di mana apabila seseorang itu diberi kuasa, ada kuasa untuk mengambil tindakan untuk menangkap, maka kuasa ini disalahgunakan bukan untuk kepentingan akta yang dibuat, tetapi untuk kepentingan orang-orang tertentu atas sebab-sebab yang tertentu, dengan tujuan yang tertentu.

Walaupun begitu, kita kena akui, pada pandangan saya bahawa orang-orang jahat ini ada di mana-mana; dalam DAP banyak, dalam PAS pun banyak, dalam UMNO pun ada, walaupun lebih banyak dalam DAP daripada dalam UMNO, tetapi kita tidak berniat untuk menggunakan akta ini menangkap orang jahat yang sedemikian, bukan jahat politik tetapi jahat yang dimaksudkan ini ialah jahat dalam maksud *terrorism*. Kita dengar di mana-mana orang menggunakan nama dan Malaysia selalu dikaitkan dengan *terrorism* ini, Antraks, orang yang datang ke sini, orang yang menjadi pilot 11 September dahulu pernah singgah di Malaysia, orang yang dulunya duduk di Indonesia kemudian menetap di Malaysia, menjadi penganas, pensyarah universiti dulunya daripada Malaysia sekarang jadi penganas, pengebom di Indonesia, asalnya dari Malaysia. Tanpa akta yang sebegini, kita tidak mungkin boleh mencegah perkara yang sedemikian. Maka saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong, akta ini niatnya baik, pelaksanaannya harus dijaga. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang betul Yang Berhormat, saya cukup bersetuju kerana kadang-kadang dalam keadaan yang ada sekarang ini, pakar undang-undang, peguam dan sebagainya, mereka menjadi begitu bijak dan pandai sekali untuk mencari apa yang dikatakan *loophole* ataupun tempat-tempat yang boleh dieksploitasikan, untuk menggugurkan mana-mana tuduhan atau tohmahan yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu.

Jadi untuk mengetatkan lagi, untuk memperlengkapkan lagi undang-undang kita khususnya dari segi bidang kuasa ataupun *jurisdiction* mahkamah, kenapa undang-undang ini diwujudkan sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi oleh kerana kepakaran undang-undang antarabangsa, kepakaran manusia menggunakan undang-undang, kepakaran manusia menyelidik dan mencari di mana kelemahan undang-undang. Jadi undang-undang ini diwujudkan sedikit demi sedikit, kita memperketatkan, menyelaraskan, untuk memperbaiki prasarana ataupun infrastruktur undang-undang negara kita. Jadi ini tidak ada dari segi hakikat dan tujuannya, undang-undang ini amat cantik dan murni sekali tetapi saya bersetuju, yang saya hendak tekankan sekali lagi, saya tidak hendak dengar lagi orang kata bahawa si anu dituduh oleh negara ini, duduk di negara ini lepas itu lenyap-lenyap, kerajaan kita yang tangkap dia, hantar ke luar negara dengan tidak usul periksa, tidak melihat dan tidak menyerahkan perkara ini ke bidang mahkamah untuk diperiksa dan dihakimi oleh pihak mahkamah kita di bawah undang-undang ini. Ini yang penting, kita perlu melihat supaya orang lain, negara lain menghormati kita kerana kita menggunakan undang-undang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini cerita saya sendiri, minta maaf saya hendak sebut ini, *illustration* yang saya buat, ini daripada pengalaman saya sendiri. Semasa tahun 1998 dan 1999, negara kita adalah sebuah negara yang telah dikecam oleh pihak Inter Parliamentary Union Convention. Jawatankuasa Human Rights kecam Malaysia. Apa yang diarahkan oleh jawatankuasa ini ialah mengatakan, lepaskan si anu, lepaskan si anu daripada pertuduhan, suruh Perdana Menteri lepaskan orang ini, suruh Kerajaan New Zealand . lepaskan orang ini. Saya bagi satu jawapan sahaja dengan jawatankuasa ini secara bertulis. Saya kata kalau Kerajaan Malaysia, kalau Perdana Menteri Malaysia memberi arahan kepada kehakiman, melepaskan orang ini daripada pertuduhan, dengan sendirinya jawatankuasa ini memaksa Kerajaan Malaysia *interfere* dengan *judiciary*. Inilah benda yang kita hendak pertahankan dalam jawatankuasa ini, tetapi jawatankuasa ini menggalakkan Kerajaan Malaysia untuk *interfere* dengan *judiciary*. Adakah ini perkara yang betul?

Jadi dengan sendirinya jawatankuasa ini berdiam oleh kerana saya kata, apa yang you suruh adalah benda sendiri yang you pertahankan. Maknanya *double standard* yang you hendak *exercise* ini kepada negara kami adalah tidak wajar, tidak patut dan tidak boleh dibuat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang amat penting sekali kepada negara kita. Jangan mengikut telunjuk orang lain, gunakan kehakiman kita, gunakan undang-undang kita, gunakan cara kita untuk menghakimi siapa sahaja walaupun

tuduhan daripada Amerika, daripada Britain atau sesiapa sekalipun supaya mengetahui dengan khusus secara undang-undang, secara perlembagaan, orang itu boleh tidak dihantar kembali kepada negaranya, walaupun orang itu adalah warganegara negara tersebut, ini perlu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada soalan kehakiman. Sudah banyak kita bincang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, yang guna Malaysia tempat mesyuarat, mengatur strategi jenayah itu letak di mana?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Strategi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jenayah. Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak tahulah Datuk sebab kalau negara ini digunakan oleh mana-mana negara untuk mengatur strategi, menyerang negara lain sama ada mereka ini datang secara haram ataupun secara halal adalah di bawah telunjuk undang-undang kita. Kita tidak perlu tunduk kepada mana-mana negara lain ataupun undang-undang negara lain. Jadi salah satu daripadanya ialah peruntukan dalam undang-undang ini supaya orang yang datang secara sah ataupun tidak sah ke negara ini mesti boleh dihakimi oleh negara kita, kerana mekanisme undang-undang antarabangsa jauh lebih ganjil daripada mekanisme undang-undang tempatan. Soal bidang kuasa, *jurisdiction* mahkamah tempatan untuk menghakimi orang yang tertentu kerana dalam konsep undang-undang antarabangsa bahawa apabila seseorang itu datang ke sebuah negara, dia di bawah jagaan dua negara, kalau orang asing. Satu, di bawah jagaan negara dia sendiri, kedua di bawah jagaan negara kita. Ini, kalau dia datang secara sah. Tetapi macam mana kalau orang ini datang dengan tidak secara sah dan merancangkan satu perkara yang kurang baik untuk dilaksanakan di negara lain? Bidang kuasa manakah yang boleh menghakimi mereka?

Dalam undang-undang antarabangsa ditetapkan bahawa orang ini tidak sah, dengan sendirinya kita boleh tangkap orang ini mengikut kehendak negara lain, dihantar keluar balik ke negara mereka kerana mereka datang tidak sah. Maknanya mereka ini, secara undang-undang, tidak wujud di Malaysia. Jadi kalau kita ada undang-undang ini, orang ini boleh dihakimkan kerana *jurisdiction* sudah kita buat di bawah undang-undang kita ini.

Ini yang perlu kita lihat apa yang dikatakan dengan garis yang begitu halus sekali daripada kuasa mahkamah dan yang tidak ada kuasa bagi mahkamah kita untuk menghakiminya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Petrajaya bangun.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya cuma ingin mendapat penjelasan dari segi *practicality*, apa yang kita katakan tadi, pendakwaan di mahkamah kita untuk orang yang melakukan kesalahan di bawah perundangan ini yang memberi kuasa. Misal kata, apa yang berlaku kepada salah seorang pelajar yang bukan rakyat Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa dahulu. Jadi, saya melihat dari segi *practicality* dengan izin, akan timbul permasalahan. Pertuduhan dilakukan oleh negara luar mengatakan orang ini terlibat dengan kegiatan *terrorism*. Jadi kalau kita hendak mendakwa di mahkamah kita, jadi pendakwaan mesti dilakukan oleh pendakwa raya, walhal segala beban bukti ataupun segala maklumat ataupun *evidence* berada di luar. Adakah pendakwaan dapat dilakukan kalau pihak pendakwa raya tidak mempunyai bukti-bukti untuk mendakwa orang ini di mahkamah kita. Bagaimana kita hendak menangani masalah *practicality* ini. Minta penjelasan, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Petra Jaya itu adalah seorang peguam, pejabat beliau satu tingkat di atas pejabat saya [Ketawa]. Jadi, persoalan ini saja-saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan *partner* Yang Berhormat. [Ketawa]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tetapi soalan *practicality* yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya ialah soalan prosedur, soalan *evidence* dan sebagainya. Memang cukup menarik dan ia satu perkara yang masalah besar yang saya ingin menyentuh dalam perbahasan saya berhubung dengan kehakiman ini nanti. Pada saya kalau seseorang itu membuat suatu tuduhan, konsep undang-undang kita senang sahaja, peguam semua tahu, sesiapa yang menuduh dia mesti mengeluarkan bukti. Kalau dia tidak boleh mengeluarkan bukti biarlah tuduhan itu dari Amerika, biarlah tuduhan itu daripada *British* ataupun sesiapa sahaja membuat tuduhan, kalau dia tidak boleh menunjukkan bukti yang tidak boleh kita selidik bukti-bukti yang di luar negara dan bukti-bukti ini tidak boleh kita tapis, tidak boleh kita *analyze* dan kita melihat dengan sebetul-betulnya sama ada bukti nyata ataupun tidak, ataupun benda rekaan dan perbuatan mereka.

Jadi, pihak kerajaan kita mesti bersikap bijak dan bersikap adil dan bersikap jangan terburu-buru. Oleh kerana tuduhan ini kalau ia daripada Amerika kita berlari, kalau tuduhan itu daripada negara yang kecil kita ambil enteng sahaja. Jadi, kita mesti melihat secara kita, mesti mengambil tindakan secara terperinci, secara wajar mengikut garis undang-undang dan secara terbuka. Kita tidak boleh tunduk kepada sesiapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kita mesti atasi persoalan-persoalan *practicality* ini. Terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan *lawyer*, saya *Surveyor* ada 'ya' juga di belakang, undang-undang tanah bolehlah tetapi undang-undang jenayah ini tidak berapa faham. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong seorang bekas pegawai kanan polis, kemudian seorang peguam. Apakah dengan adanya akta ini atau dengan pindaan ini bermakna orang seperti Abu Bakar Bashir yang pernah menjadi pendakwah di sini dan kemudian sekarang ini dibicarakan di Indonesia atas tuduhan menjadi ketua pengganas atau Hambali yang dahulunya menjadi PR kita membuat aktiviti yang dikatakan oleh CIA sebagai *terrorism* atau aktiviti pengganas, boleh dibicarakan.

Apakah tujuan akta ini untuk orang-orang seperti itu yang akan datang atau seperti misalnya yang diperkatakan dalam Laporan CIA dalam *Times*, dalam majalah-majalah antarabangsa diceritakan bagaimana tiga orang daripada *pilot* yang memandu kapal terbang peristiwa 11 September itu pernah datang ke sini, pernah bertemu Hambali, pernah merancang dan pernah menggunakan Internet di Ampang.

Jadi, apakah itu tujuan akta ini, apakah mereka boleh di *prosecute* sekarang dengan lulusnya akta ini. Mohon penjelasan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Undang-undang ini sedikit yang saya fahami. Adalah dua, satu undang-undang nasional iaitu undang-undang yang ada di negara kita, yang dilaksanakan di negara kita. Kebiasaannya undang-undang sedemikian ialah untuk mempertahankan kepada kedaulatan undang-undang, kemerdekaan negara itu sendiri ataupun keselamatan negara itu sendiri. Jadi, ini kadang-kadang kalau ini dipandang telah berlaku yang seseorang itu melakukan suatu perkara yang boleh menjejaskan masyarakat negara itu, negara itu sendiri dan keselamatan negara itu terancam ataupun orang yang akan terancam, mencurikah, merompakkah, menyamunkah *terrorism* kah tidak kira.

Jadi, negara kita berhak kalau undang-undang ini dilaksanakan, berhak mengambil tindakan. Tetapi kalau misalnya Yang Berhormat sebutkan tadi oleh kerana dia bom laksana negara Amerika, dia ini disyaki sebagai seolah-olah pemandu kapal terbang, dia melakukan di sini tidak ada permohonan daripada mereka, tidak ia mendatangkan kemudaratkan kepada negara, apa pula kita hidung tidak mancung, pipi tersorong-sorong hendak membuat kerja sendiri. Saya tidak faham kenapa kita mesti buat, tetapi kalau pihak Amerika kata, hah orang ini dia masih berada di Malaysia ataupun dia sudah keluar dari sana dan masih duduk di Malaysia tetapi dia dahulu pernah berlatih sama dengan pengebom di *World Trade Center* di Amerika, kita hendak Malaysia menangkap dan menuduh beliau ataupun menghantar dia balik ke Amerika.

Pada peringkat itu, kita kena ingat yang kita ada satu garisan undang-undang antarabangsa iaitu ekstradisi kita mesti kena. Pertuduhannya mesti kena buat di sini

dahulu. Kalau dia didapati betul melakukan perkara itu *prima facie* kesnya di buat di mahkamah kita, baru kita boleh menghantar dia balik ke negara kita, bukan *prosecute* di negara kita, kita tidak perlu, bukan kesalahan kepada negara kita, bukan kepada masyarakat kita.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak menurus ke arah itu. Bila ada akta ini kita boleh *prosecute* apakah, maksud saya tadi akhirnya apakah kita nanti akan kerana adanya pindaan ini, kemudian kita ada perjanjian antarabangsa pula yang membolehkan kita memberi kerjasama kepada tenaga asing tadi, maka apakah terlaksananya pindaan ini akan menyebabkan kita menjadi orang suruhan pula nanti. Macam Yang Berhormat sebut tadi, bila didapati bahawa orang ini berasal dari sini pernah lalu ke sini, maka kita akan menjadi macam anak kuli kepada contoh terbaiknya ialah misalnya yang berlaku di Amerika, Amerika akan serta-merta hendak orang ini dan terus ambil, kerana kita sudah *sign* perjanjian ini, kita sudah membuat akta ini.

Akhirnya kita menjadi anak badi kepada mereka. Ikut apa yang mereka suruh. Apakah ada jaminan kita masih boleh mempertahankan kedaulatan undang-undang kita dalam kita meminda ini. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Mula-mula tadi saya sebut kita hidup dalam dunia yang mana perhubungan kita daripada segi prasarana semua sekali prasarana, struktur, undang-undang dan sebagainya kena diselaraskan. Begitu juga kalau seseorang telah melakukan kesalahan di Malaysia dan lari ke England umpamanya kalau kita ada mempunyai *treaty* dengan England yang kita boleh membawa balik penjenayah ini balik ke negara kita, kita minta juga negara England dan menunjukkan bukti kita di mahkamah England, kalau mahkamah England membuat keputusan bahawa orang itu betul-betul telah melakukan satu kesalahan di England yang bukan bercorak politik di Malaysia, pihak mahkamah England boleh memberi arahan kepada orang itu dihantar semula balik ke Malaysia.

Jadi, kerja macam ini iaitu kerja, siapa menjadi suruhan tidak menjadi suruhan tidak berbangkit dalam persoalan dan perhubungan antarabangsa, bahkan semua pihak akan menjadi orang suruhan kepada negara yang perlukan bantuan daripada segi undang-undang untuk menghantar balik penjenayah yang dianggap jenayah. Kalau jenayah itu dianggap kalau melakukan umpamanya saya beri satu misalan, menggantungkan satu poster, itu umpamanya satu kesalahan di satu negara lain. Tetapi di negara kita ini tidak menjadi satu kesalahan. Kalau kita hendak minta negara lain boleh mengatakan tidak payah dihantar kerana dia bukan satu jenayah, dia satu politik atau satu perkara yang tidak boleh. Jadi, dia tidak perlu hantar, jadi banyak mekanisme yang boleh digunakan oleh pihak mahkamah untuk menentukan siapa yang boleh, siapa yang tidak boleh perlu dihantar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua kalau saya bincang cerita panjang-panjang seperti ini tidak sampai saya soal undang-undang ini. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh persoalan-persoalan memang banyak dari segi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya tadi soal *practicality average of collection* dan sebagainya. Itulah kita melihat kenapa Eric Chia memakan masa yang begitu panjang sekali kerana kadang-kadang pihak-pihak yang tertentu di luar negara yang mana kita tidak mempunyai satu kuasa untuk memaksa orang-orang di luar negara, agensi di luar negara untuk memberi bukti-bukti kepada kita dan kita tidak mendapat bukti yang nyata kita tidak boleh. Kadang-kadang dalam penghakiman ini kalau kita mempercepatkan kehakiman itu belum menunjukkan bahawa kita telah membuatkan keadilan kepada sesiapa. Tetapi dalam masa yang sama undang-undang tetap menetapkan *justice delayed is justice undone*, dengan izin dia kata iaitu kalau kita melambat-lambatkan kehakiman ini adalah menunjukkan kita tidak membuat keadilan kepada orang yang terkena. Tetapi dalam masa yang sama kita kena lihat *practicality*, macam mana hendak mengambil bukti-bukti ini dan bukti ini mestilah – dia tidak boleh putus-putus, dia mesti panjang macam rantai. Kalau satu sahaja terputus dengan sendirinya pertuduhan di mahkamah nanti boleh digugurkan oleh pihak peguam-peguam yang melihat ada terputusnya bukti yang dibawa ke mahkamah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai persoalan kehakiman. Kadang-kadang kita melihat dalam negara kita, kita mempunyai masalah sosial. Masalah sosial ini mesti direfleks oleh pihak kehakiman dan kita mengetahui macam apakah dasar penghakiman iaitu *sentencing policy* di negara kita. Kita mempunyai satu dua amalan iaitu satu, amalan sivil mengikut *sentencing policy* yang awalnya digunakan oleh pihak Barat dan telah digunakan oleh pihak mahkamah kita, yang satu lagi kita mempunyai jurusan kepada untuk menerapkan keislaman ke dalam

dasar-dasar negara kita. Kita menggunakan sedikit-sebanyak dasar penghakiman ini mengikut garis panduan Islam.

Tetapi dalam keadaan sedemikian sekarang kita melihat bahawa ada kecelaruan dalam sistem kehakiman kerana tidak ada penyelarasan yang tertentu bahawa kadang-kadang kita lihat Hakim A menjatuhkan hukuman kepada si anu yang melakukan kesalahan yang sama dengan hukuman yang sebanyak ini dan Hakim B memberikan hukuman atas sebab yang sama, rupa yang sama, kita nampak dia, hukuman dia sedemikian. Jadi mesej yang kita beri kepada masyarakat itu adalah juga tidak menentu. Jadi kadang-kadang orang tertanya-tanya kenapa perkara ini berlaku.

Yang penting sekali baru-baru ini di Sarawak umpamanya, saya hendak sebut dua kes sahaja. Satu kes berhubung dengan seorang yang mencuri bot dan enjin bot. Apabila dia memasuki bot, tuan punya bot dan enjin ini, kepada orang kampung, kepada nelayan, bot dan enjin yang kena curi itu merupakan mata pencarian dia, merasakan macam dia digururkan, kalau orang kerja dengan kerajaan dia sudah ditamatkan perkhidmatan dari kerajaan, dia tidak ada cara lagi untuk mencari makan. Jadi pada dia enjin bot dan perahu bot, bagi nelayan ia adalah cara pencarian dan cara hidup dia. Apabila dia turun ke pangkalan, dia bawa senapang. Bila dia bawa senapang, tengok orang itu dia main, tak hendak tunjuk apa benda yang dia tunjuk tetapi benda yang lucu ditunjuk kepada orang itu, orang itu naik marah, terus tembak. Bila dia tembak, dia lari, dia bawa lari bot, bila dia tembak, terkena mati seorang.

Apabila dibawa ke mahkamah, dia kena hukum 18 tahun kerana mempertahankan harta benda dia daripada dicuri dan dia sendiri kehilangan enjin dan bot itu melainkan dengan menggunakan senjata untuk mempertahankan enjin dia. Saya mengetahui dasarnya – orang ini tidak mendatangkan kemudaratan peribadi kepada seseorang itu. Jadi mana hak untuk mempertahankan diri tidak wujud tetapi macam mana mempertahankan harta? Dia kena 18 tahun penjara tetapi dalam satu lagi kes, ragut di Kuching dalam bulan yang sama, seorang peragut dituduh di mahkamah mengaku salah, dijatuhkan empat bulan penjara. Jadi pada pandangan orang, orang rata-rata bertanya saya, “Kenapa perkara ini berlaku?” Orang datang ke pejabat saya bertanya kenapa perkara ini berlaku? Saya boleh memberi penjelasan mengatakan bahawa tiap-tiap kes itu dipandang daripada kes itu sendiri oleh hakim itu sendiri.

Jadi mesej yang kita hantar kepada masyarakat umum, dia keluar dalam surat khabar itu menunjukkan bercelaru pendapat mahkamah ini. Satu, mempertahankan harta, menembak orang kena masuk dalam jel 18 tahun manakala yang satu ini mendatangkan luka kepada orang tetapi dia kena ragut, si peragut ini kena empat bulan penjara. Jadi ini perlu, undang-undang digunakan untuk memberi mesej, untuk menentukan, mencanaikan masyarakat. Tetapi kalau ini tidak sampai kepada masyarakat, mesej itu tidak sampai kepada masyarakat, kita berpendapat bahawa undang-undang kita masih ada kelemahannya, cara kita masih ada kelemahannya.

Kita mesti mencari jalan yang sesuai, jalan yang betul untuk menunjukkan kalau satu-satu perkara itu menjadi satu keadaan masalah sosial, kita mesti, kehakiman mesti menunjukkan bahawa *the message must be clear* kepada masyarakat, dengan izin, bahawa perkara ini tidak direla dan tidak disetujui dan tidak dimahukan oleh masyarakat. Jadi kita kena bagi tahu, kalau meragut orang kena jel empat bulan tidak mengapalah masuk jel makan *free*, selepas keluar meragut semula. Check orang yang telah melakukan kesalahan-kesalahan yang banyak ini.

Saya baru diberi tahu, ada seorang yang telah melakukan pembunuhan, orang berjumpa dengan saya sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas, baru dua hari yang lepas. Dia beri tahu kepada saya, dia kata, “Yang Berhormat, ini orang pembunuh *cop*, polis, bunuh polis.” kata dia. “Masuk dalam jel 15 tahun tetapi oleh kerana *good behaviour* dia kena lima tahun jel sahaja. Selepas lima tahun dia keluar semula, selepas keluar semula dia merompak, menyamun orang, bunuh polis satu orang lagi polis, kata dia, baru ditangkap semula. Tetapi kalau dulu dia tidak keluar, orang ini tidak akan bunuh polisi yang kedua”, kata dia. Nah! Sekarang orang ini sudah bunuh dua polis, berpuluh-puluh orang sudah kena trauma oleh kerana rompakan yang dia buat.

Jadi di manakah letaknya sistem keadilan? Sistem keadilan ini bermula daripada pihak polis, penjara dan kehakiman. Mesej yang kita beri itu tidak jelas. Orang banyak merasa tidak sedap hati, di mana letak kesalahan? Jadi pihak kerajaan memang susah hendak menentukan oleh kerana *the independent judiciary* mengatakan bahawa kerajaan tidak boleh *interfere* dengan keputusan yang dibuat oleh pihak kehakiman tetapi dalam penjara kita ada kuasa – bagi yang dijatuhkan hukuman 15 tahun,

orang yang ganas semacam ini janganlah diberi oleh kerana dia *pretend* macam orang baik supaya aku dapat keluar selepas lima tahun itu dan selepas itu merompak, membunuh semula. Kita kena menilai, jangan melihat daripada apa perbuatan dia dalam mahkamah, lihat apa yang telah dia buat dahulu, mungkin orang ini bijak.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sedih, orang datang berjumpa saya membuat satu rintihan, kata dia, anak saya sudah kena ragut, isteri saya sudah kena rompak, pejabat saya sudah kena roboh, macam-macam cerita. Saya kata, okey, you boleh jumpa dengan Jawatankuasa nanti, bagikan apa sahaja masalah yang you dapati.

Inilah rintihan orang luar tentang kenapa perkara ini boleh berlaku – dua perompak yang disebut, orang yang telah menjadi *habitual offender*, bila dihantar hukuman 15 tahun, oleh kerana *good behaviour* dalam penjara, dibebaskan selepas lima tahun. Selepas lima tahun dia mulalah mengganas semula. Hanya kita yang tidak sedar, masyarakat umum tidak sedar tetapi polis tahu. Tetapi apa yang polis hendak buat? Dia dikeluarkan oleh pihak penjara. Adakah kita mengatakan penjara tidak betul?

Sepatutnya kerajaan melihat sistem ini – sistem *concession* daripada penjara ini, sistem *remission* daripada penjara, sistem untuk memotong hukuman di penjara yang dijatuhkan oleh mahkamah mesti dilihat semula supaya orang yang *habitual offender*, *violent offender* ini janganlah ... baik dia tunjukkan perangai baik, “*Yes sir, yes sir*”, *three bags full* dalam penjara, tunjuk macam mana taatnya dia dalam penjara. Dia tahu, dia buat *planning* itu, siapa lagi yang hendak dibunuh lagi di luar sana, dia buat baiklah dalam penjara supaya selepas lima tahun dapat keluar, siapa yang hendak dirompak di luar sana. Jadi kita kena lihat.

Saya berharap pihak kehakiman, pihak kementerian berbincang dengan hakim-hakim macam mana untuk menyelaraskan dasar hukuman di negara ini dan pihak kementerian berbincang dengan pihak penjara macam mana untuk melihat supaya jangan melihat daripada macam mana strategi yang dibuat oleh pesalah yang di penjara itu untuk melepaskan orang ini daripada penjara kerana *remission of periodnya*, dengan izin, kerana kita ...

Tuan Ronald Kiandee: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih. Saya tertarik dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Kalau kita lihat konsep penjara itu sendiri, sepatutnya penjara sebagai institusi untuk memulihkan pesalah-pesalah *say for those* yang dihukum mati dan sebagainya. Kita lihat contoh-contoh yang diberi tadi, satu, mungkin proses sistem itu sendiri yang mengizinkan untuk ditolak hukuman itu, dipendekkan hukuman disebabkan *good behaviour*, itu suatu yang perlu dilihat oleh kerajaan seperti yang dicadangkan dan pada masa yang sama juga kita melihat perlunya penjara itu sebagai satu institusi pemulihan terhadap pesalah ini, dilihat dari segi pemulihan, proses pemulihan yang berjalan di dalam penjara kita. Nyata sekali, bahawa kalau ada *habitual offenders* seperti ini, nyata proses pemulihan yang sepatutnya dijalankan dalam penjara itu tidak mencapai objektif penjara itu sendiri dan ini juga merupakan perkara yang harus dilihat oleh kerajaan, *the law itself*, penjara itu sendiri, sistem kelonggaran, pemotongan hari penjara itu sendiri dan proses pemulihan dalam penjara itu sendiri perlu dilihat oleh kerajaan secara terperinci. Apa pandangan Yang Berhormat terhadap perkara ini?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul Yang Berhormat. Dasar besar kehakiman kita ialah untuk memulihkan sesiapa sahaja melakukan kesalahan. Tetapi dalam keadaan yang mana mereka yang tidak boleh dipulihkan, kita tidak boleh memudaratkan masyarakat untuk menghantar mereka balik kepada masyarakat dengan secepat mungkin. Itu yang pertama. Yang boleh dipulihkan, kita pulihkan. Kita mesti lihat, tahu rekod dia. Penjara kena tahu siapa ini, apa rekod dia, apa yang telah dia buat. Tunjukkan semua perkara ini dan pihak kehakiman boleh menentukan siapa yang boleh dikeluarkan, siapa yang tidak boleh dikeluarkan. Siapa yang boleh diremit dia punya penjara, dipotong dia punya *period of jail* dia, siapa yang tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, Sri Gading bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya setuju sangat dengan pandangan

dan saranan Yang Berhormat bagi Santubong. Memang berlaku, empat lima bulan masuk, keluar, kena lagi. Ada bersalah sampai sembilan kali, berulang-ulang dan ini memudaratkan kesihatan. Ada negara, saya tak hendak sebut, dua kali sahaja melakukan kesalahan yang sama, yang kedua itu dia akan menerima hukuman yang panjang sekali kerana tidak mahu manusia ini akan menjadi perosak kepada masyarakat. Apakah negara kita tidak boleh ambil contoh ini, supaya kesalahan-kesalahan yang berulang empat, lima bulan, keluar masuk, keluar masuk, masyarakat jadi mangsa ini dapat dihindarkan daripada berlaku. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya amat bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Kita kena menyelidik, pihak penjara mesti bekerjasama dengan pihak polis dan pihak polis mesti bekerjasama dengan pihak penjara. Pihak polis tidak boleh mengatakan rekod jenayah orang ini adalah sulit, tidak boleh dikeluarkan kepada sesiapa. Pihak penjara tidak boleh berhak terima. Saya tahu kadang-kadang pihak polis ini, semua ia jadi *confidential*, dengan izin, tidak boleh dikeluarkan kepada orang lain.

Jadi, sepatutnya pertukaran *information* ataupun maklumat ini dibuat di antara penjara dan pihak polis dan di antara pihak polis dengan pihak kehakiman supaya perkara ini dengan pihak A-G apabila mereka menuduhkan sesiapa di mahkamah, supaya mahkamah dan hakim mengetahui siapa sebenarnya orang yang berdiri di hadapan hakim itu hendak dijatuhkan oleh hakim itu dengan satu-satu hukuman. Kalau orang itu sudah 10, 20 kes yang ganas, kes yang mendatangkan kemudaratkan kepada umum, orang macam ini tidak ada tempat lain bagi mereka, ialah duduk di penjara selama mana hakim memikirkan apa yang patut. Pihak penjara janganlah hendak potong-potong kes macam ini.

Tetapi, benar. Saya bersetuju dengan kata Yang Berhormat bagi Beluran tadi. Kes dan dasar negara kita ialah mengikut dasar *British system*, dengan izin, ialah untuk membaikpulihkan orang yang telah dihantar ke penjara dengan syarat orang itu boleh dibaik pulih. Kita mesti mengadakan satu pihak yang boleh memberi nasihat, pihak yang boleh memberi pengajaran kepada orang yang disimpan di dalam jail ini, supaya mereka boleh dipulihkan. *Effort* ini masih belum dibuat. Sepatutnya kita mempertingkatkan perkara ini. Kita asingkan mereka yang *hardcore* ini dengan mereka yang baru sekali ataupun dua kali masuk.

Kita ajarkan mereka soal dari segi nilai kita, nilai agama kita, sebagai apa sahaja dan selepas itu kita cari macam mana hendak cari kerja untuk mereka. Sistem *parole* ini boleh dilaksanakan di Malaysia. Sistem *parole* ini, *parole officer* mencari kerja, dia akan buat *supervision* dengan orang ini. Selepas dipenjarakan, diberikan *supervision* lagi supaya dia dilihat dan dipandang oleh pegawai-pegawai kerajaan, orang ini tidak melakukan kesalahan-kesalahan selepas melakukan jenayah selepas dikeluarkan daripada penjara. Jadi sepatutnya sistem *parole* kita patut difikirkan, kita patut guna pakaikan sistem-sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, berpindah saya kepada perkara yang betul-betul ada hubung kait dengan kehakiman iaitu soalan *backlog*. Soalan *backlog* adalah satu perkara ataupun kes yang tertunda adalah berlaku di mana-mana sahaja yang mana ada *defence counsel* dia, ada penduduk dia, kalau sistem ini masih wujud, selama itulah *backlog* ataupun kes yang tertunda ini akan tetap berlaku kerana semua orang boleh buat kerenah. Peguam yang mempertahankan *client* dia boleh buat apa sahaja alasan dia untuk menangguhkan kes-kes yang tertentu. Ada tangguhan itu betul, ada mungkin tangguhan itu tidak sesuai dan tidak betul.

Jadi, dalam masa yang sama saya bersetuju bahawa pihak kehakiman membuat satu garis panduan yang tertentu. Dalam kita menggunakan garis panduan supaya tidak ada *adjournment* lagi, tidak ada permohonan untuk menangguhkan lagi, kita mesti melihat satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, iaitu keadilan tetap wujud di mahkamah kita. Jangan oleh kerana kita menekankan yang tidak boleh ada penangguhan ini nanti, berlaku ketidakadilan. Kalau umpamanya, kita tidak boleh panggil dua saksi, ini kes mahkamah polis hendak tuduh orang ini mencuri ataupun merompak, menyamun ataupun merogol.

Tetapi, oleh kerana dua, tiga saksi, dua, tiga kali tidak dapat beri sapina, sapina tidak datang dan sebagainya, macam-macam masalah berlaku, kita marah dengan polis, kita *cancel* kes, keluarkan orang itu, maknanya kita mengeluarkan orang yang melakukan keganasan balik ke dalam masyarakat. Kalau orang ini akan melakukan kesalahan lagi, selepas itu mendatangkan masalah kepada kita. Jadi, dalam kita menilai, tidak boleh.....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:tanggungkan kes ini, kita mesti melihat daripada segi betul ataupun tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Santubong, di antara *backlog* yang paling banyak ialah kesalahan trafik. Kesalahan trafik ini seperti *speed trap*, *parking*, salah masuk dan sebagainya berapa banyak? Saya rasa ia terlalu banyak ini kerana hendak kata salah kita, malu pula hendak mengaku. Tetapi salah. Saya rasa sebagai pegawai polis, mungkin Yang Berhormat bagi Santubong boleh beritahu. Saya tengok polis trafik ini, di tangan dia itu buka saman sahaja. Dia tidak boleh tengok kereta, dia hendak saman.

Adakah benar persepsi yang mengatakan bahawa pegawai trafik ini, kalau tidak dapat 10 sehari tidak naik pangkat? Kalau dapat 30 sehari dia naik pangkat. Bos dia akan tengok sebab saya tengok kalau kita pergi KLIA itu, belum *parking*, sudah sampai. Wisel itu bunyinya lebih dari enjin kapal terbang. "Phew sana, phew sini". Baik yang hendak menghantar ataupun yang hendak mengambil. *Lane* ada empat. Duduk tepi sekali, hendak hantar orang pun tidak boleh, hendak ambil orang pun tidak boleh. Bunyinya *international airport*, yang besar.

Sesuatu yang tidak kena dalam soal trafik ini, soal saman ini. Yang *speed trap* itu okeylah. Yang terlalu laju, padan muka dia lari laju. Tetapi, yang tidak munasabah, terlalu tidak munasabah, tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur, tidak ada sebab apa-apa, tiba-tiba jam. Pergi-pergi tengok, rupa-rupanya menyaman. Apakah benar persepsi tadi? *Backlog* berlaku kerana trafik banyak saman. Saman banyak kerana arahan, arahan kerana hendak naik pangkat? Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya tertarik dengan apa Yang Berhormat ceritakan ini. Dalam pandangan saya, perkara ini ada betul dan ada salahnya. Kebetulananya satu iaitu memang, kadang-kadang pegawai, penjaga kawasan, cawangan trafik ini dia menilai pegawai dia berlandaskan berapa kes saman yang dia buat. Jadi, kadang-kadang kes saman yang dia buat ini bukan menjurus kepada keselamatan jalan raya. Saya pernah sebut dalam Dewan ini, bukan menjurus kepada keselamatan jalan raya. Umpamanya *illegal parking* ini. Orang letak kereta sahaja, dia saman orang letak kereta, tetapi soalan letak kereta ini tidak ada kena mengena langsung dengan soalan keselamatan jalan raya. Tetapi, oleh kerana dia hendak memperbanyakkan, menunjukkan kepada *l-charge* dia yang dia ada buat kerja, dia samanlah, dia saman sahaja.

Jadi, ini maknanya oleh kerana pegawai itu sendiri malas, dia tidak buat. Dia tidak buat *monitoring*, dia tidak buat kerja, dia beri satu arahan sahaja. Selepas itu, *monitoring* dia dengan melihat daripada kes saman yang dibuat oleh pihak pegawai yang dihantar ke luar itu. Yang masalah *monitoring* ataupun pemantauan dalam jabatan polis ialah kita telah bincang perkara ini semenjak tahun 1970-an dahulu macam mana hendak memonitor ataupun memantau prestasi dan kerja pegawai-pegawai polis yang berselerak di jalan raya, berlainan penilaian kita polis dengan askar. Askar dia buat platun ataupun seksyen, dia satu *group* keluar.

Dia boleh melihat prestasi individu itu di bawah pandangan mata dia sendiri. Tetapi, pegawai polis ini kita keluar, kita tidak boleh lihat apa dia buat, apa dia capai. Apa yang kita boleh buat ialah daripada segi *result* dia. Jadi, *result* ini dimanipulasikan oleh tiap-tiap pegawai, iaitu pegawai yang keluar iaitu pihak konstabel, koperal dan sebagainya, tetapi pegawai atas macam Inspektor tidak boleh melihat kenapa perkara ini berlaku. Tetapi, kalau pegawai ini, pegawai Inspektor ini mahu bekerja lebih lagi, dia boleh melihat daripada pemantauan, jangan lihat satu tempat sahaja. Kalau orang itu saman di atas jalan raya, betul dekat lapangan terbang dia bawa 20, ini memang dia duduk dekat sana sahaja, dia tidak pergi tempat lain pun. Semua orang boleh buat, dalam jangka masa mana dia buat saman, kalau dia bertugas lapan jam. Kalau di dalam satu jam dia buat 20 saman, selepas itu dia balik rumah tidur sahaja, dia sudah buat 20 saman, tujuh jam tidak bekerja.

Jadi, pemantauan ini amat penting bagi pegawai kanan dia. Ini kadang-kadang ada kelemahan bagi pegawai kanan tidak membuat pemantauan. Saya cukup bersetuju Yang Berhormat, kadang-kadang dalam soalan untuk mengawal ataupun memantau tugas dan tindak-tanduk pegawai polis ini amat susah kerana kita tidak mempunyai satu cara sekalipun, walaupun canggih macam mana.

Orang kita dia keluar dan masuk bandar Kuala Lumpur, kalau 200 pegawai polis keluar, kita tidak tahu mana dia pergi, melainkan kita bawa *sensor* di badan dia. *Injectkan sensor* kita tahu di mana dia pergi, apa dia buat. Kalau perkara itu boleh dibuat, kecanggihan teknologi kita sampai ke peringkat itu, mungkin kita boleh memantau tindak-tanduk dia. Tetapi soalnya, pegawai atasan mesti melihat apakah kes diambil oleh pegawai ini. Adakah soalan *illegal parking* sahajakah ataupun perkara-perkara lain yang lebih relevan lagi, bukan soalan keselamatan di jalan raya. Soalan naik pangkat oleh kerana tidak ada laporan ini, saya kurang bersetujulah. Sepatutnya penilaian seseorang itu bukanlah berlandaskan kepada satu saman atau saman yang begitu banyak diberi oleh seseorang itu, baru dia naik pangkat. Kita melihat orang naik pangkat itu secara menyeluruh prestasi dia, bukan hal saman sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi persoalan hal polis ini sebenarnya, prestasi polis yang perlu kita melihat secara total dan secara terperinci. Yang penting sekali ialah pihak polis sepatutnya mesti bersikap terbuka, bersikap jelas, bersikap adil kepada sesiapa pun yang menggunakan jalan raya termasuk mereka sendiri.

Persoalan *backlog* daripada *traffic cases* ini memang betul. Apa yang kita ketahui mengikut penyelidikan yang saya pernah buat masa dahulu, sekarang saya tidak tahu, masa dahulu. Kes saman 26% sahaja yang saman dia boleh disampaikan kepada orang yang kena saman. Maknanya, ada 74% saman yang masih tertinggal dalam jabatan polis tidak akan sampai ke tempat yang menerima saman itu. Jadi, ini menjadi *backlog*. Tetapi ia tidak menjadikan satu *backlog* di mahkamah. *Backlog* di mahkamah ini, ia kena didaftarkan dahulu di mahkamah, baru ia jadi *backlog* mahkamah. Ini hanya *backlog* di pejabat polis sahaja, *unpaid summons*, dengan izin ini.

Jadi, apa yang saya sebutkan di sini tadi ialah *backlog* mahkamah. Tetapi kalaulah kesalahan trafik menjadi satu masalah, sepatutnya kerajaan membincang dan memikirkan untuk mewujudkan mahkamah trafik. Mungkin sampai ke peringkat di mana kuasa di bawah undang-undang boleh meluluskan kes-kes trafik dan mahkamah diwujudkan di tiap-tiap tempat untuk mendengar kes-kes trafik, khusus untuk trafik sahaja supaya mengeluarkan kes trafik daripada kes-kes yang lain dalam mahkamah lain, kes-kes yang didengar, cerita hal-hal lain supaya kes trafik ini, ia begitu banyak sekali. Dalam masa yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, boleh sambung sebelah petang?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pagi kita telah suntuk. Oleh itu, saya tangguhkan sesi ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula jam 2.30 petang.

[Timbalan Yang di Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.30 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong, sila menyambung ucapan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, saya menyentuh soalan *backlog*. Saya ada satu perkara lain lagi iaitu soalan amalan perundangan. Jadi, saya tidak akan menyentuh panjang sangat.

Soalan *backlog* ini, kita tidak boleh menggunakan Jabatan Kehakiman itu sendiri untuk memberi arahan kepada semua majistret dan hakim dengan mengatakan jangan ada penangguhan dibuat. Kalau arahan ini dilaksanakan begitu sahaja dengan tidak menilai, dengan izin, *merit of each case*, kita akan mendatangkan ketidakadilan kepada masyarakat kerana bayangkanlah kalau satu-satu kes itu oleh kerana satu sepina tidak *deserve*, seperti yang saya sebutkan tadi, oleh kerana sudah *diurgent* dua tiga kali umpamanya, masih juga sepina ini tidak boleh *deserve* oleh pihak polis kepada yang menerima sebagai saksi. Kalau kita hendak buang kes ini daripada senarai

mahkamah oleh kerana kita mengelak daripada *backlog*, ini telah menyenangkan pihak yang dituduh dan tidak menyenangkan kepada pihak masyarakat.

Ini situasi yang pertama tetapi apabila orang ini, sepina boleh diberi pada satu masa yang akan datang, mungkin boleh lagi kita jalankan kes jenayah, kalau ia kes jenayah. Tetapi bagaimana kalau kes itu adalah kes sivil. Kes sivil ini mempunyai batasan dan had yang tertentu, yang mana apabila ia keluar daripada mahkamah dan kes ini telah menjangkau batasannya lebih daripada tahun-tahun yang tertentu di bawah undang-undang *Limitation Act*, dengan sendirinya pihak ini tidak boleh membawa kes itu ke mahkamah lagi. Di manakah letaknya keadilan?

Saya mencadangkan supaya arahan-arahan yang tertentu mengatakan jangan dibuat *adjournment* ini dilihat daripada segi *merit of each case*, dengan izin, supaya kita tidak mendatangkan ketidakadilan kepada masyarakat keseluruhannya dan negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong. Saya juga ingin turut serta untuk membahaskan tentang rang undang-undang bagi Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat bagi Santubong mengenai *backlog* atau kes-kes yang tertangguh di mahkamah.

Seperti mana pada 12 Julai 2004 baru-baru ini di mana Yang Amat Arif, Ketua Hakim Negara telah menyatakan terdapat kenaikan kes-kes yang mendadak di dalam negara kita seperti mana di peringkat Mahkamah Majistret sejumlah 85%, di Mahkamah Sesyen, 115% dan di Mahkamah Tinggi 110% kenaikan mendadak.

Saya ingin menyentuh tentang, tadi dikatakan kes-kes tidak dibenarkan untuk *pending settlement*, dengan izin, kerana mungkin untuk mengelakkan kes-kes tertangguh, tetapi bagaimanakah Yang Berhormat bagi Santubong untuk menyelesaikan perkara atau di mana tidak terdapatnya hakim di mahkamah, seperti mana di Mahkamah Tinggi Temerloh dan juga di Mahkamah Sesyen di Temerloh setelah hampir setahun tidak ada hakim Mahkamah Tinggi dan juga Hakim Mahkamah Sesyen, di mana di bidang kuasa Mahkamah Tinggi Temerloh dan juga Mahkamah Sesyen meliputi enam daerah iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau hendak berucap?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Minta saranan. Dikatakan tadi ada hakim tetapi tidak boleh ditangguhkan untuk *pending settlement*, bagaimanakah keadaan di mahkamah yang tidak ada hakim? Adakah masalah tidak ada hakim berkelayakan patut dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi atau tidak ada kelayakan bagi Hakim Mahkamah Sesyen buat masa ini? Saya mohon supaya Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen di Temerloh ditempatkan segera demi keadilan bagi kedua belah pihak. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya menyentuh sedikit soalan penyelesaian. Maknanya tidak ada jalan pendek untuk menyelesaikan masalah *backlog*. Kalau kita lihat kes setiap hari bertambah, macam mana Yang Berhormat bagi Kuala Arau ...

Seorang Ahli: Hentam sahajalah. Asal bunyi sudahlah.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kuala Krau.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Arau.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...mengatakan bahawa kes ini bertambah dari masa ke semasa. Jadi, kalau polis aktif menangkap, makin banyaklah kes datang ke mahkamah. Tetapi, dalam masa yang sama jabatan ini tidak mempunyai mekanisme untuk membesarkan diri. Sudahlah kita mempunyai *backlog* dan ditambah pula kes ini, jadi bertambah-tambah lagi, memang *backlog* kita semakin bertambah.

Jadi, tidak boleh diselesaikan masalah ini dengan mengatakan, jangan bagi penangguhan. Kalau penangguhan ini akan mendatangkan ketidakadilan kepada *litigant* yang tertentu, bermakna undang-undang ini tidak memberi hasil kepada negara dan *doesn't serve the society*, dengan izin.

Saya berharap *method* yang dilihat ini mestilah menggunakan merit satu-satu kes yang tertentu, menilai kes tertentu, betul atau tidak letaknya kecuaiannya kepada pihak peguam yang terlibat ataupun pihak pendakwa yang terlibat. Kedua-dua pihak mesti dilihat. Kalau polis meminta tangguh, kalau peguam daripada AG minta penangguhan ataupun daripada pihak *defend council* minta penangguhan, kita mesti melihat dari segi meritnya. Kalau merit ini tidak boleh dilaksanakan barulah hakim membuat keadilan - barulah keadilan ini boleh dicapai dan tidak boleh menggunakan satu garis panduan sahaja dan dilaksanakan secara *cross the board, dengan izin*, begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cara lain. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita kena menambah jumlah hakim. Baru-baru ini dicadangkan supaya kita melantik peguam-peguam kanan yang tidak berkhidmat dengan jabatan kerajaan menjadi hakim – duduk di Mahkamah Tinggi ataupun di Mahkamah Sesyen untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Ini telah berlaku di England pada tahun 1981, *very serious backlog*, dengan izin berlaku di Mahkamah England yang mana memang tidak ada cara lain. Tidak ada pun arahan sedemikian dibuat tetapi apa yang dia buat, hakim membuat satu jawatankuasa penilai.

Bila dia buat Jawatankuasa Penilai, penilaian mereka ini membuat rangka sejauh manakah, berapa orang hakimkah perlu diguna dan sepanjang manakah penyelesaian boleh dibuat. Apabila ia sudah dibuat dan satu cadangan dibuat kepada kehakiman itu sendiri dan mereka melantik orang-orang yang diberi kuasa untuk menyelesaikan masalah ini, termasuk melantik peguam-peguam daripada luar untuk menjadi hakim dan duduk sebagai hakim supaya semua kes-kes ini boleh diselesaikan dengan seberapa cepat yang boleh. Ini adalah satu cara yang sesuai untuk mengatasi masalah *backlog*.

Jadi, di negara kita, kalau kita lihat sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi ya Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Arau?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Krau.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kuala Krau, 'K' tak nampak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Arau ada di hadapan sini.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dia kata, satu tempat yang tidak ada hakim, bukan di tempat ini sahaja Yang Berhormat, kalau kita lihat di seluruh negara, banyak daerah yang besar, banyak kejadian jenayah yang tertentu yang mana tidak mempunyai *resident* hakim. Ia hanya mempunyai *circuit* hakim, hakim yang datang daripada bandar-bandar yang berdekatan untuk mendengar kes-kes pada masa-masa yang tertentu. Jadi, tidak boleh menyelesaikan masalah. Kita mesti melantik hakim di tiap-tiap bandar, daerah yang besar termasuklah macam di kawasan Sri Aman, di Bintulu, di Mukah, di Betong, di Sarawak dan di mana-mana tempat di seluruh Semenanjung dan di Sabah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu tidak ada?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Barulah kita boleh mempunyai hakim-hakim yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah-masalah ini dan dalam masa yang sama kita kena melihat juga sokongan kepada hakim ini. Kadang-kadang hakim ini, dia kalau dia tulis sendiri (*long hand*) ambil apa sahaja yang ditulis oleh pihak itu, mungkin ada steno dan *recorder* dia, tetapi ini juga lambat kerana setiap hakim kena menulis berpuluh-puluh muka dia punya *judgement*.

Tetapi kalau ini tidak ada bantuan, tidak ada cara untuk memberi bantuan, servis membantu hakim ini, dengan sendiri hakim itu lambat juga kalau dia terpaksa *handle* tiap-tiap hari ada kes. Tiap-tiap hari ada kes, tiap-tiap satu hari ada kes dan berpuluh-puluh muka yang kena tulis dan dia kena tulis *judgement* ini pula, tetapi tiap-tiap hari ada juga kes.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cara jalan penyelesaian yang lain mestilah melantik hakim-hakim *smart* sama ada secara tetap ataupun secara sementara sebagaimana yang dicadangkan bahkan cadangan ini bukan baru Tuan Yang di-Pertua. Saya lima atau enam tahun lepas pernah mencadangkan di Dewan ini mengatakan kita lantik peguam-peguam kanan yang layak duduk sebagai hakim, lantik mereka sebagai hakim. Kalau di England boleh buat kenapa kita tidak boleh buat. Bagi mereka habis satu-satu term sama ada satu tahun ataupun dua tahun, selesai masalah itu, kita tamatkan kerja dia, dia balik buat amalan guaman mereka sendiri.

Kes-kes kita ini boleh diselesaikan bahkan orang macam ini pun boleh dilantik. Daripada apa? Siapa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa? Siapakah boleh dilantik?

Seorang Ahli: Saya boleh dilantik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kata, siapa boleh dilantik?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Siapa-siapa peguam yang layaklah boleh dilantik. Peguam yang layak semua boleh dilantik menjadi hakim. Saya cukup yakin masalah *backlog* boleh kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yang akhirnya menyebut soalan amalan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat sudah kata akhirnya. Sudah dua kali.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Akhirnya, tidak, tidak. Ini akhir yang akhir. *[Ketawa]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Teruskan, teruskan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan amalan undang-undang. Pada masa sekarang kita mempunyai undang-undang pengamalan iaitu *advocate association* di Sarawak, satu di Sabah, satu di Semenanjung.

Peguam di Sarawak tidak boleh mengamalkan undang-undang di Semenanjung, yang Semenanjung tidak boleh pergi Sarawak, tidak boleh mengamalkan undang-undang di Sabah dan sebagainya. Jadi, kita ini satu negara, sepatutnya *liberalise*kan pengamalan undang-undang ini, buatkan ini satu amalan yang semua sekali. Orang Semenanjung boleh ke Sarawak dan ke Sabah. Orang Sabah dan Sarawak boleh buat ke Semenanjung, bukankah baik dibuatkan macam satu negara.

Tadi ada dibangkitkan Yang Berhormat soalan passport. Saya bangkitkan soalan hal undang-undang, undang-undang ini kalau kita tidak boleh. Maknanya kumpulan peguam-peguam ini lebih konservatif daripada jabatan kerajaan. Dia sendiri pun tidak hendak *liberalise* dia punya amalan dia, praktis dia, kenapa pula tidak boleh dibuat ini?

Sepatutnya kita sudah lama dah buat amalan ini supaya orang Sarawak boleh ke Semenanjung dan orang Semenanjung boleh ke Sarawak dan Sabah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Yang terakhir Yang Berhormat. Saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Santubong yang mengatakan peguam, bukan peguam sahaja sebenarnya ada sekatan. Juru Ukur juga begitu. Juru Ukur daripada Semenanjung kalau hendak praktis di Sabah dia ada suatu peperiksaan lain pula. Di Sarawak pun begitu juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tetapi luar tajuk sedikitlah. Tetapi saya setuju dengan cadangan itu. Bagus. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak bertanya dengan pihak kementerian, apa pendekatan yang boleh dibuat untuk mewujudkan satu badan guaman untuk seluruh Malaysia ini supaya undang-undang yang sama boleh kita buat. Kadang-kadang pengamalan guaman ini indah khabar daripada rupa sahaja. Indah khabar daripada rupa sebenarnya. Oleh kerana dia tidak diselaraskan, amalan dia tidak sama dan susah untuk pihak kerajaan mengetahui. Tetapi dalam masa yang sama pihak peguam ini dikatakan pihak yang intelektual, petah yang bijak, *very learned group of people* tetapi memikir benda kecil ini pun tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kerajaan kena buat satu bimbingan supaya disatukan badan ini bahkan saya cukup yakin bahawa negeri macam Sabah dan Sarawak mahu menyatukan perundangan ini supaya dibebaskan kita mengamalkan undang-undang kita di Sarawak, Sabah dan Semenanjung dan keseluruhannya, kenapa tidak?

Masalah yang ada ialah pihak guaman itu sendiri. Saya cukup yakin pada masa yang ke hadapan ini akan boleh memperbaiki lagi tahap perundangan di negara ini dan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua orang lagi ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

4.47 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bahas rang undang-undang yang dicadangkan. Di antaranya adalah saya dapati bahawa sejak Peguam Negara yang baru nampaknya ada suatu polisi yang terpinda yang telah terjadi, semasa Mohtar Abdullah menjadi Peguam Negara, ada dua cara di mana Pendakwa Raya menjalankan kes.

Di antara lain pindaannya adalah satu di antara *decentralization process* di mana Timbalan Pendakwa Raya distesyenkan di setiap ibu negeri di setiap negeri di negara ini dan juga mereka diberi kuasa untuk mengendalikan kes-kes di Mahkamah Tinggi dan selain dari itu juga ada cadangan pada masa itu bahawa seberapa yang boleh di semua setakat pendakwaan di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen semua itu akan diambil alih oleh Pendakwa Raya.

Tetapi nampaknya sekarang ada satu *reversal policy* bila kita mendapat satu Peguam Negara yang baru iaitu beberapa Timbalan Pendakwa Raya yang sedia ada di beberapa negeri, telah dipanggil balik untuk berjawatan di Putrajaya dan mereka beroperasi dari Putrajaya dan kerap kali kes-kes di Mahkamah Tinggi terutamanya ditunda akibat Timbalan Pendakwa Raya tidak dapat datang atas banyak alasan. Satu di antaranya adalah mereka telah ditukarkan jawatan ke jawatan atau kementerian lain atau ada terlampau banyak kes dan sebagainya.

Apakah ini terjadi. Saya khuatir kerana mengikut seksyen yang baru yang dicadangkan iaitu Seksyen 87 di mana *Public Prosecutor* dengan izin "*Notice of any appeal by the Public Prosecutor shall be signed by the Public Prosecutor, the Solicitor General or any officer authorized by the Public Prosecutor*".

Ini akan menjadi lagi masalah yang rumit dalam perkara ini. Apakah kita telah meminda strategi atau polisi yang sedia ada dan kedua, kenapa kerajaan membenarkan perkara ini? Kerap kali kita dengar banyak kes di mana yang dikendalikan oleh satu Timbalan Pendakwa Raya. Semasa separuh perjalanan kes tersebut dapat satu lagi Timbalan Pendakwa Raya yang baru menjalankan kes. *They have lost direction*, dengan izin, dan kerap kali oleh kerana komplikasi dan tidak menengok fail dengan teliti dan banyak Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan satu kes, walaupun dari mulanya kita harap hanya satu Timbalan Pendakwa Raya akan memulakan kes dan menghabiskan kes tersebut.

Ini menjadi masalah yang rumit dan kerap kali ramai di antara penjenayah-penjenayah dapat dilepaskan. Baru-baru ini satu kes di Ipoh di mana saya sendiri separuh menjalankan kes tersebut terlepas dari tergantung diri tiga orang. Ini adalah kerana Timbalan Pendakwa Raya yang baru ditukarkan yang mengambil alih tugasnya tidak tahu apa yang telah berlaku sebelum itu. Nampaknya perkara ini bukan sahaja di satu tempat di Ipoh tetapi merata-rata di Malaysia. Saya harap Attorney-General akan mengambil perhatian supaya bila satu-satu kes dimulakan, dari mula hingga habis satu Timbalan Pendakwa Raya yang ada kelayakan atau sistem yang boleh mengendalikan kes itu dibenarkan untuk menghabiskan kes tersebut.

Selain dari itu juga saya difahamkan kerap kali bila seseorang pendakwa raya dipilih atau mendapat jawatannya, bukan seseorang yang terbaik dalam sesuatu universiti. Baru-baru ini saya berjumpa dengan seorang profesor di universiti tempatan mengatakan kepada saya, dengan izin, "*The cream of the lawyers are not taken into the legal service. What is happening. We have a situation where third class and others are taken in. We don't have the first class lawyers taking in public prosecutors.*" Apakah standard ini telah dikompromi. Jadi, ini adalah satu di antara perkara yang perlu dikenal pasti supaya kita tidak mendapat situasi di mana pendakwa raya-pendakwa raya yang tidak ada kelayakan atau keunggulan untuk berlawan kes di mahkamah diberi jawatan tersebut.

Saya juga ingin tahu apakah sebab hingga hari ini walaupun lebih kurang enam tahun dahulu pendakwa raya telah berjanji bahawa semua pendakwa raya di Mahkamah Majistret dan di Mahkamah Sesyen adalah dari golongan peguam akan dilantik. Hingga hari ini perkara itu tidak terjadi-jadi. Sekarang kita ada *half-baked lawyers* atau pegawai-pegawai polis yang tidak ada kelayakan khusus berkenaan

dengan undang-undang dilantik untuk mendakwa di Mahkamah Majistret dan di Mahkamah Sesyen. Ini menunjukkan bahawa pendakwa raya tidak serius dalam perkara ini. Apakah sebab ini terjadi dan adakah selepas rang undang-undang ini diluluskan satu ketetapan atau satu tindakan yang tegas akan diambil dalam perkara ini.

Saya juga ingin....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Memandangkan apa Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada sebut mengenai betapa penting untuk mempertingkatkan prestasi, kualiti, keadilan dalam pentadbiran kerajaan kita, adakah Yang Berhormat bersetuju sebenarnya rang undang-undang ini sangat mustahak oleh kerana rang undang-undang ini merupakan rang undang-undang yang pertama di bawah Perdana Menteri yang baru yang ada bersangkutan-paut dengan pentadbiran keadilan, *administration of justice* dalam satu keadaan di mana ada krisis keyakinan terhadap kehakiman khasnya sama ada apa yang disifatkan oleh laporan *international – Justice in Jeopardy*, sama ada Malaysia adalah satu *truly independent judiciary* dan satu *a just rule of law*. Krisis ini belum diatasi dan kita belum memulihkan keyakinan sama ada dalam nasional atau antarabangsa mengenai *truly independent judiciary and a just rule of law* khasnya mengenai kes-kes politik dan kes-kes ekonomi yang melibatkan kepentingan kerajaan.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita perlu satu *signal* yang jelas bahawa sistem kehakiman sudah memulihkan dengan sepenuhnya seratus peratus keyakinan orang ramai sama ada negara atau antarabangsa terhadap sistem keadilan di negara kita dan bahawa satu ramalan yang ada dibuat oleh bekas Lord President, Tun Suffian satu masa dia kata, dengan izin, "*I predicted that our judiciary would take a whole generation to recover from the affair.*" Semasa itu tahun 1988 apabila Tun Salleh Abas dipecat tetapi *now more than twelve years have lapsed*. Itulah tahun 2000, "*I doubt that the judiciary would recover in a generation of today,*" bahawa kita perlu memulihkan keyakinan. Apa yang akan berlaku esok in a palace of justice khasnya kes sodomy, rayuan Anwar Ibrahim akan memberi satu *signal watershed* dalam sistem keadilan Malaysia sama ada keyakinan terhadap *truly independent judiciary and a just rule of law* akan bermula atau kita akan balik kepada keadaan *dark age* yang dahulu?

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih. Saya setuju pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Tetapi saya rasa bila Tun Dzaiddin dilantik sebagai Chief Justice bahawa satu perubahan mungkin telah berlaku. Tetapi saya dengar baru-baru ini bahawa Ketua Hakim Negara ada juga masalah-masalah yang tertentu. Di antaranya adalah tidak ada lagi apa-apa perbincangan telah berlaku di antara beliau dengan Majlis Peguam. Saya difahamkan Ketua Majlis Peguam, Encik Khutubul Zaman telah menulis beberapa surat kepada Ketua Hakim Negara, akan tetapi beliau enggan menjawab dan memberi satu temu janji untuk berjumpa dan berbincang mengenai hal krisis atau untuk mengatasi beberapa masalah yang tertentu di mahkamah.

Baru-baru ini bila saya hadir satu pembukaan rasmi Mahkamah Majistret Sri Manjung di Sitiawan, saya hairan, pada pembukaan tersebut bukan satu perkataan digunakan mengenai Majlis Peguam. Pemangku Raja, Ketua Hakim Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun tidak menyatakan apa-apa mengenai yang dilakukan atau *the role played by Majlis Peguam*. Saya difahamkan mereka ingin asingkan Majlis Peguam. Saya difahamkan ada masalah di antara Ketua Hakim Negara dengan Majlis Peguam. Apakah masalah ini terjadi dan macam mana perkara ini dapat diatasi. Saya hairan kalau ini berlanjutan, ini satu perkara yang tidak baik dan akan ada lebih masalah dalam sistem undang-undang dalam negara kita.

Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, bila Ketua Hakim Negara diajak untuk bersama-sama dengan Ketua Majlis Peguam, beliau enggan menghadiri apa-apa majlis. Saya difahamkan ini adalah kerana sebab-sebab yang tertentu. Saya harap satu inisiatif diambil oleh Menteri tersebut supaya menyelesaikan perkara ini.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai di mana ruang kuasa diberi kepada Peguam Negara untuk merujuk beberapa kes yang tertentu di mana kematian berlaku di lokap-lokap. Akan tetapi walaupun ini adalah dalam bidang kuasa Peguam Negara, kerap kali Peguam Negara enggan merujuk hingga perkara itu ditulis, ada beberapa panggilan telefon dan diadakan beberapa demonstrasi, baru Peguam Negara ingin mengambil tindakan atau ingin merujuk kepada mahkamah atau Mahkamah Majistret untuk satu *inquiry*.

Apa yang telah terjadi? Saya sendiri difahamkan ada beberapa kes hingga hari ini, lebih kurang 30 kes lagi belum rujuk ke satu *inquiry*, walaupun kematian itu telah terjadi di lokap. Saya harap Peguam Negara untuk menstabilkan dan memberi

lebih prihatin kepada *judicial system* dalam negara ini untuk lebih memadai kepada apa yang terjadi pada sistem undang-undang.

Saya harap Peguam Negara akan mengambil tindakan supaya merujuk kes-kes tersebut dengan serta-merta, tidak perlu tunggu hingga pihak-pihak yang berkenaan menulis surat dan sebagainya ke Peguam Negara untuk merujuk supaya kes-kes itu di ambil tindakan oleh Mahkamah Majistret. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ambil tahu apakah dua konvensyen yang disebut oleh Timbalan Menteri sebelum ini dan bilakah dua konvensyen itu telah dimaterai. Dan saya dengan khususnya ingin tahu apakah di dalam konvensi tersebut bahawa ini ada disebut iaitu dengan izin, "*It is stated by any stateless person who has his habitual residence in Malaysia*". Saya tanya mengenai perkara ini adalah kerana Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia saya difahamkan lebih kurang 500 ribu orang adalah dalam *stateless situation*, walaupun saya telah bertanya soalan-soalan tersebut khusus dengan perkara ini akan tetapi kementerian enggan menjawab, mengelak jawapan tersebut, adakah itu betul dan adakah kerajaan telah ada statistik yang tertentu mengenai perkara ini.

Dan adakah dalam konvensyen tersebut yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri sebelum ini perkara ini diwajibkan, adakah ini obligasi yang diwajibkan sebab akhir Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu, tahun dulu pada sesi yang dulu, saya difahamkan satu pemindaan telah dibuat kepada satu Seksyen 376, tetapi hingga hari ini seksyen tersebut belum lagi digazetkan, walaupun beberapa perubahan selepas itu, pemindaan-pemindaan selepas itu telah digazetkan, kenapa? Seksyen 376 ini yang dipindahkan pada tahun dulu tidak lagi digazetkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

5.03 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Mahkamah Kehakiman tahun 1964, adalah Akta undang-undang nombor dua, bagi keutamaan. Perlembagaan Persekutuan jadi undang-undang utama.

Mengikut Seksyen 4, Akta Mahkamah Kehakiman undang-undang ini menjadikan dan saya baca peruntukkan seksyen itu dengan izin,

"In the event of inconsistency or conflict between this act and any other written law other than the Constitution in force that the commencement of this act the provisions of this act shall prevail."

Apa saya sebut tadi, ini jadi undang-undang utama, keutamaan negara ini.

Kedua, kenapa Peguam Negara, masuk dalam akta ini untuk meminda Seksyen 50 dan Seksyen 87 dan wujud dalam undang-undang ini.

Pindaan kepada Seksyen 50, subseksyen 50(3) Akta Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan, "*given by, of with the consent in writing of, that officer only*" dengan perkataan, "*signed of by the Public Prosecutor, the Solicitor General or any other officer authorised .by the Public Prosecutor*". Dan bagi pindaan kepada Seksyen 87, Seksyen 87, Akta Ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen 2, dengan subseksyen yang berikut:

"Notice of any appeal by the Public Prosecutor shall be signed by the Public Prosecutor, the Solicitor General or any officer authorised by the Public Prosecutor."

Tuan Yang di-Pertua, keizinan bagi satu pendakwaan adalah tugas yang diberi kepada Peguam Negara, bagi kesalahan-kesalahan yang serius boleh jadi satu Timbalan Pendakwa Raya, boleh diberi kuasa untuk menandatangani suatu notis seperti ini.

Seperti kes-kes di mana ada hukuman mati, ada kes-kes ada unsur-unsur politik khususnya kes Lim Guan Eng, kes Lim Guan Eng memerlukan satu keizinan, adakah keizinan yang diberi kepada Pendakwa Raya dalam kes itu, keizinan yang mengikut undang-undang *what is the meaning of consent* Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Abdul Hamid lawan Pendakwa Raya yang dilapor dalam 1956 Jilid 22 MLJ, muka surat 231:

“There is an essential difference between a sanction and a consent. A prosecution can be sanctioned without any deep consideration of the particular case: full consideration is required for consent since “consent” is an act of reason, accompanied with deliberation, the mind weighing, as in a balance, the good and evil on each side. A sanction is therefore no evidence of consent.”

Adakah keizinan yang diberi bagi pendakwaan ke atas Lim Guan Eng, sah jika mengikut apa yang jadi keperluan untuk satu consent, adakah keizinan itu, *an act of reason? Accompanied with deliberation, the mind weighing, as in a balance, the good and evil on each side.*

Saudara Lim Guan Eng jadi satu mangsa dalam tangan Peguam Negara. Mangsa yang kedua, adalah Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, adakah besok pukul sembilan Mahkamah Persekutuan akan memberi keputusan bagi satu rayuan yang ada mendengar dalam tiga bulan atau empat bulan kebelakangan. Mahkamah Persekutuan, jadi mahkamah yang terakhir, bolehkah mahkamah ini besok *without fear or favour* menjatuhkan hukuman yang boleh diterima oleh semua rakyat. Hukuman yang mengikut undang-undang, yang mengikut Perlembagaan, dia jadi mangsa kerana pengadu dalam kes itu, Azizan bolehkah apa yang dikatakan oleh dia dalam mahkamah sebagai bukti, sebagai keterangan diterima oleh mahkamah, walaupun ini *sub judice* sehingga besok pagi, tetapi *it does not take.. a brilliant public prosecutor*, untuk menentukan keterangan seperti itu tidak boleh digunakan untuk mengeluarkan satu keizinan, ‘insya-Allah’ besok pagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sendiri telah menyatakan perkara ini masih..

Tuan R. Karpal Singh: Saya sebut tadi, oleh itu saya tidak bagi....

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Supaya perkara ini tidak perlu bangkitkan..

Tuan R. Karpal Singh: Saya terima itu, oleh itu saya pergi ke dalam kes itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah setakat inilah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu sebut mengenai kes substantif, tetapi adakah Yang Berhormat Bukit Gelugor, ada keyakinan dan percaya, bahawa Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim boleh keluar daripada Palace of Justice esok sebagai seorang yang bebas, yang boleh menandakan bahawa sistem keadilan sudah dipulihkan dan krisis keyakinan sudah bermula bab yang baru untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap sistem keadilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan tidak payah jawab soalan ini. Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tidak boleh, tidak boleh jawab yang itu.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak akan, bukan atas merit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebagaimana Yang Berhormat sendiri telah menyatakan (d). Jadi, cukuplah, cukuplah. Beralih kepada perkara yang lain. *[Disampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Dalam ingatan saya, apa yang saya menyatakan tadi, ‘insya-Allah’, besok pukul 9.00

Seorang Ahli: Apa dia sebut insya-Allah ini! Mana boleh sebut insya-Allah ini. *[Disampuk]*

Tuan R. Karpal Singh:Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dibebaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Keluar sebagai orang bebas.

Tuan R. Karpal Singh: Ada Ya! Akan keluar sebagai seorang bebas. Benar kerana dia tidak bersalah. Oleh itu, Tuhan yang menentukan besok pagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Apalah!

Tuan R. Karpal Singh:akan dilepaskan. Ini ada ditanya oleh rakan saya, saya kena jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat kena mematuhi Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat seorang *lawyer* yang kanan. Cukuplah!

Tuan R. Karpal Singh: Ya, saya *lawyer*. Suatu ramalan, bukan terkena atas merit kes. Ini suatu ramalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi apa yang jatuh ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri tetapi keluarganya.

Seorang Ahli: Hantam belakang.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang didapati salah oleh Mahkamah Tinggi, tidak ada hak untuk merayu kepada Mahkamah Rayuan. Tidak ada hak untuk walaupun ini menjadi satu budi bicara seorang hakim untuk dilepaskan atas jaminan. Mahkamah Tinggi tidak mahu melaksanakan budi bicara itu bagi faedah Datuk Seri Anwar Ibrahim, sama dengan Mahkamah Rayuan.

Di Mahkamah Persekutuan, Yang Arif, apa yang terjadi di sana, kami buat satu permohonan untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim dilepaskan atas jaminan, mendapat *stay of execution*, tetapi apa yang menjadi halangan, halangan yang mengakibatkan kami tidak dapat kelulusan rayuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan dalam kes itu. Ada satu kecacatan dalam Seksyen 89. Seksyen 89 bertajuk, "*Appeal not to operate as a stay of execution. Except in cases mention in subsection (iii) and Section 88, "No appeal shall operate as a stay of execution on any judgement or the conviction or sentence, pending appeal"*".

Ada kecacatan di sana. Apa yang cacat adalah ini, peruntukan bab (d) *Federal Court may stay execution on any judgement*, perkataan itu. *But the Federal Court may stay execution on any judgement"* tidak ada di dalam peruntukan ini.

Kesilapan siapa? Kesilapan Parlimen. Kesilapan Parlimen apabila memasuki Seksyen 89 di dalam Akta Mahkamah Kehakiman ini. Kenapa yang dikatakan oleh Hakim dalam Mahkamah Persekutuan. Dengan izin, saya baca apa yang dilaporkan dalam *New Straits Times*, bertarikh 22 Mei, tahun ini.

"Tan Sri Abdul Hamid said, Anwar's application for a stay back execution, that is for bail pending the decision of the Federal Court in the sodomy appeal, the hearing of which the court had just completed.

He said the application was made under Section 89 (i) of the Courts of Judicator and the Attorney-General, Tan Sri Abdul Ghani Patail, had argued that the court did not have jurisdiction to make the order sought. He said the close look at the section showed that it was ambiguous and part of it did not make any sense. Doesn't make any sense, kerana tidak ada perkataan-perkataan yang saya sebut tadi.

However, he said, after reading sub-section 2 of Section 89, it was more likely the similar words found in Section 57(i) of the same act were intentionally or unintentionally committed by Parliament that made the law. Therefore, he said, the question before the court was whether it would read those words (in Section 57) into Section 89 as counsel Karpal Singh had argued to do so.

Abdul Hamid said, "We are of the view that this court should not add or read words that are not there into the section, especially the result is contrary to what is stated. To do that would be usurping the function of Parliament. The function of the court is to interpret the provisions of the law made by Parliament and apply them."

The judge said that even if Parliament, due to a mistake, had committed certain words, it was up to Parliament to rectify the mistake, through an amendment of the law. The court has no power to amend the law made by Parliament. Therefore, the court should only decide the case according to the law and the evidence before it and nothing else.

Adakah selepas bulan Mei apabila perkataan-perkataan ini ada disuarakan oleh Yang Arif Hakim itu, adakah apa-apa dibuat oleh Peguam Negara. Tidak payah untuk mendapat suatu pindaan untuk beri kuasa kepada Peguam Cara, Timbalan-Timbalan Peguam Negara untuk menandatangani *notice of appeal*.

Kenapa? Kenapa tidak buat apa-apa sehingga hari ini untuk menentukan apa yang cacat dalam Seksyen 89 seperti mana yang disebut oleh Yang Arif Hakim itu, mendapat satu resolusi. Kenapa? Bukankah tugas Peguam Negara untuk menentukan apabila seorang hakim atau mahkamah memutuskan ada kecacatan dalam satu undang-undang untuk bertindak dengan segera. Ini adalah bagi *the liberty of the subject*. Jaminan adalah mengenai *liberty of this subject*. Tidak ada apa-apa sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami di sini, di dalam pembangkang hanya bagi DAP - 12, PAS - 6, 1 untuk KeADILan. Tuan Yang di-Pertua, jika ada peruntukan seperti mana ada dalam Peraturan Mesyuarat untuk membawa oleh pembangkang satu *Private Members Bill*, kami bersedia untuk membuat demikian.

Dalam satu masa, Tuan Yang di-Pertua, ada prioriti untuk *the Private Members Bill immediately after question hour*. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan itu kami ada membawa semenjak tahun 1978, bukan satu atau dua, banyak pindaan melalui *Private Members Bill*, tetapi dalam 7 atau 8 tahun kebelakangan ini, apa terjadi kepada *priority* yang ada diberi kepada *Private Members Bill*. Sekarang dipinda, di bawa kepada *right to the bottom after the government business*.

Ini menjadi suatu amalan di sini apabila *government business* tamat, semua keluar daripada Dewan, menentukan tidak ada kuorum. *Is this irresponsible Parliament?* Adakah Parlimen seperti itu bertanggungjawab? Bagi kes saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, satu usul ada dibuat, ada dibawa ke dalam Dewan ini untuk merujuk saya kepada *the Committee of the Privileges*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah kita balik kepada tajuk.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, saya tidak mahu balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik kepada tajuk.

Tuan R. Karpal Singh: *No, no*, untuk menunjukkan Parlimen ini tidak bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara itu

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Point of Order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Perkara itu saya didapati salah...[*Pembesar suara terpadam*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, ada Peraturan Mesyuarat daripada Yang Berhormat bagi Ketereh, di belakang itu, di belakang.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: 36 (1); seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk hanya perkara-perkara yang berkaitan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah, saya faham Yang Berhormat, baiklah cukup. Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Ini orang baru dia tidak tahu apa-apa tentang peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Baru tidak baru, peraturan sama.

[*Dewan menjadi riuh seketika*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat peraturan samalah.

Seorang ahli: Apa-apa suruh sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan sama. Yang Berhormat telah diberi peluang untuk memberi penjelasan yang lebih luas tetapi sudah cukuplah, boleh balik kepada tajuk.

Seorang ahli: Baliklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik kepada tajuk.

Beberapa ahli: Baliklah...

Tuan R. Karpal Singh: Memberi sebagai satu contoh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Contoh sudah banyak diberikan..

Tuan R. Karpal Singh:ini contoh di mana saya terlibat.....

Seorang ahli: Tidak usah beri contohlah.

[Dewan riuh seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada masa untuk kita bangkitkan perkara itu, cukuplah Yang Berhormat.

Seorang ahli: Hah!

Tuan R. Karpal Singh: Apa pasal saya tidak diberi masa untuk menghadiri persidangan itu, saya didapati salah, dihukum, apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam hubungan ini.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya balik, saya balik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik ya, terima kasihlah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya balik kepada tajuk, ini satu contoh sahaja.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Balik Bukit Gelugorkah?

Seorang ahli: Hah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, balik kepada tajuk.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, itu tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan R. Karpal Singh: Apa jadi? Apa sudah jadi kepada Peguam Negara? Apabila kes Shamala, Shamala Sathiyaseelan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi oleh Yang Arif Faiza Thamby Chik. Satu keputusan di mana satu permohonan dibuat untuk jagaan kanak-kanak dan lebih daripada itu untuk satu deklarasi *conversion minor children* tidak mengikut undang-undang. Keputusan mahkamah adalah jagaan awalan diberi kepada ibu, mengapa? Walaupun Hakim mengisytiharkan kanak-kanak itu adalah mengikut agama Islam. Adakah itu satu langkah yang baik?

Kedua, Hakim itu mengatakan ini, memandangkan Artikel 121 (a), yang ada termaktub dalam Perlembagaan dalam tahun 1988, menjadi satu halangan dalam Civil Court. Apa yang harus dirujuk kepada Mahkamah Syariah tidak boleh dan tidak dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil. Oleh itu Hakim itu beri nasihat kepada Shamala ini. Tetapi pergi ke Mahkamah Syariah, dia bukan orang Islam mana boleh pergi ke Mahkamah Syariah. Apa yang Hakim itu menyatakan, dia menyatakan ini: "Saya seorang Hakim, saya mengikut undang-undang dan tidak boleh buat apa-apa. Jika apa-apa harus dibuat untuk membetulkan apa yang tidak baik, itu terpulang kepada Parlimen". Mana Peguam Negara semenjak April tahun ini apabila kes ini diputuskan. Kenapa? Kenapa tidak bawa undang-undang di sini dalam Parlimen untuk menentukan Rumah Rakyat dalam negara ini dapat keadilan? Rumah Rakyat dalam negara ini adalah dapat keadilan dalam mahkamah. Itu boleh dibuat di bawah pindaan kepada undang-undang yang jadi larangan bagi Hakim itu untuk membuat untuk *dispense justice*. Saya merayu kepada Peguam Negara, dia tidak ada di sini, barangkali wakil dia ada di sini, kawan-kawan saya yang saya hari-hari berjumpa dalam mahkamah. Tetapi berbalik kepada Peguam Negara, memberitahu kepada dia wakil dari Bukit Gelugor ada merayu kepada dia untuk membawa bagi kes Shamala, undang-undang yang boleh memberi keadilan kepada mangsa itu.

Kita tidak ada perkara-perkara lain yang boleh dirujuk kepada Parlimen. Apa tugas Parlimen ini? Untuk meluluskan undang-undang, undang-undang yang ada keadilan, sampai bila? Mahkamah di Putrajaya, adalah memberi gelaran Istana Keadilan. Kerajaan tidak bersetuju, kenapa? Apa yang jadi di sini sekarang, *Palace of Justice*, kenapa tidak menggunakan perkataan bahasa Malaysia, kerana perkataan 'keadilan', ada parti Keadilan tidak boleh menggunakan 'keadilan' tetapi esok Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dapat keadilan dalam mahkamah yang di.....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Berapa kali kita hendak tegur ahli lama ini, 36 (1), 36 (2).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak faham 36 (1).

Tuan R. Karpal Singh: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Jelas!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat, saya akan...

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Sudah nyanyukkah? Kita sudah banyak kali sudah, 36 (2) tidak boleh disebutkan...

Tuan R. Karpal Singh: Akta Kehakiman!

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Apa-apa perkataan yang sedang dalam timbangan mahkamah, *please*.

Tuan R. Karpal Singh: Ini polisi, Tuan Yang di-Pertua, ini perbahasan atas polisi, ini bukan *competition*, ini orang baru dia tidak tahu, barangkali ada orang yang lama di sini boleh bagi nasihat kepada dia....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Orang baru kena *remind* orang lama sebab orang lama sudah nyanyuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia orang baru, dia pun pandai jugalah. Cukuplah Yang Berhormat, ya. Sekurang-kurangnya dia pun faham rujuk kepada Peraturan Mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan takut, beri peluang kepada pembangkang untuk menyuarakan membangkitkan perkara-perkara bagi kepentingan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat semalam telah diberi peluang untuk berucap, jadi janganlah..

Tuan R. Karpal Singh: Yalah, tapi diganggu! Kenapa, kenapa ini dia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tugas dia juga.....

Tuan R. Karpal Singh: Tugas untuk ganggu? [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, tugas untuk merujuk kepada saya tentang Peraturan Mesyuarat yang berkaitan. Cukuplah Yang Berhormat. Balik kepada tajuk kitalah.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh balik, itu tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak ada masalah kita baliklah! Sekarang balik kepada tajuk

Tuan R. Karpal Singh: Masalah adalah ini, boleh jadi saya akan dihalau daripada Dewan ini, itu masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu lain, cerita lain Yang Berhormat..

Tuan R. Karpal Singh: Itu lain, itu lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ada itu lain ceritalah, saya pun tidak tahulah, mari kita balik kepada tajuk.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh balik, kita tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah ya?

Tuan R. Karpal Singh: Boleh balik, balik kepada tajuk. *[Ketawa]*

Seorang ahli: Apalah dia ini? Alah, memang nyanyuklah!

Tuan R. Karpal Singh: Dan satu lagi kes, Tuan Yang di-Pertua...

Seorang ahli: Balik lagi, balik sudah!

Tuan R. Karpal Singh: Di Singapura, di Singapura ada undang-undang, undang-undang yang mewajibkan seseorang di bawah jagaan ibu bapa. Undang-undang ini, ini adalah tugas Peguam Negara untuk dibawa kepada Dewan ini undang-undang seperti mana yang wujud dalam kes seperti di Singapura. Terus kepada kes Karuna Raja Rasiya vs. V. Punai. Adalah kes ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan Seksyen 50 dan 87?

Tuan R. Karpal Singh: Ini tugas Peguam Negara, tugas Peguam Negara. Ada satu seksyen dalam ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik...

Tuan R. Karpal Singh: Rang undang-undang ini, *we can't leave it to ourselves.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ikut Peraturan Mesyuarat memang kita berbahas terhadap pindaan sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Peguam Negara yang memindahkan untuk membolehkan Timbalan Pendakwa Raya untuk menandatangani notis tadi. Itu satu perkara yang kecil, perkara yang besar adalah seperti ini. Di dalam kes ini apa yang ada diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan adalah ini dan satu cadangan yang baik, saya baca apa yang ada dalam kes ini:

"About disability in Section 95 of the 1976 Act covers only physical and mental disability. It cannot cover rather financial dependence. There is no legal basis for interpreting the exception in Section 95 to include financial dependent for the purpose of pursuing tertiary education after the child attain the age of eighteen.. The only basis for such interpretation that goes against the clear words of the law is on a moral basis. Out of moral grounds they can never override clear provisions of the law in deciding a case. The function of the Judge is to apply the law....."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan R. Karpal Singh: *Whatever his personal view about the law...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ganggu sedikit. Yang Berhormat bagi Petra Jaya, apa dia?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang dibangkitkan ialah di luar daripada tajuk seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh, 36(1) menyatakan berkaitan dengan rang undang-undang. Apa yang dicadangkan ialah Akta Induk. Kalau ya, saya cadangkan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor buatlah satu usul yang berlainan untuk meminda Akta Induk tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Minta kita pergi kepada tajuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah ambil tahu semua inilah. Baik.

Tuan R. Karpal Singh: Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua? Siapa yang memberi sebagai nasihat oleh Mahkamah Persekutuan dan ini adalah baik.

Seorang Ahli: Tidak payah cakaplah!

Tuan R. Karpal Singh: Dan ini harus diikuti oleh Peguam Negara untuk menentukan ini menjadi satu rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini dan kami akan memberi sokongan penuh untuk rang undang-undang ini. Ini apa yang dinasihatkan oleh Hakim Abdul Hamid Muhamad dalam kes ini.

The Islamic Family Law (Federal Territory) Act 1984 is more advance and it is civil counterpart. Section 79, thereof specifically provide the court is empowered...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah semua ini berkaitan dengan pindaan rang undang-undang?

Tuan R. Karpal Singh: Ada, ada. Ini ada sedikit sahaja, bukan panjang. *I repeat, the Islamic Family Law (Federal Territory) Act 1984 is more advance than its civil counterpart. Section 79, thereof specifically provide the court is empowered to make a maintenance order beyond the child aged of 18, cover such for the period as it think reasonable to enable the child to pursue for higher education or training. Such words cannot be interpreted to the existing provision subsection 95 of the 1976. There has to be specific provision.*

So, ini adalah satu langkah yang baik. Undang-undang Islam yang menentukan apabila seseorang lebih daripada 18 tahun untuk nafkah dia, jika dia berada dalam universiti atau satu kolej, itu menjadi satu kewajipan ibu bapa untuk menentukan dia dapat *financial assistance*.

Tuan Yang di-Pertua, apa saya nyatakan sebelum ini tadi? Apa yang perlu adalah untuk menentukan adakah keadilan? Bagi semua undang-undang yang dibawa ke dalam Dewan ini dan saya harap Peguam Negara akan mengambil langkah-langkah atau syor-syor yang saya ada, yang saya bangkitkan tadi. Walaupun saya ada dalam pembangkang, itu bukan bermakna kami jadi musuh kerajaan.

Kelmarin di Kuantan, rakan saya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan saya menghadiri di sana untuk meraikan Hari Merdeka, kerana walaupun kami dalam pembangkang, itu bukan bermakna kami anti kerajaan, *anti established*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baguslah Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat diberi tempat yang lebih baik daripada Timbalan Speaker. *[Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh: Ya, kami akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagus, bagus.

Tuan R. Karpal Singh: Kami akan ikut apa yang dibuat oleh kerajaan, kami sokong. Tetapi jika tidak berapa yang memberi kepentingan rakyat, kami akan hentam. *[Ketawa] [Disampuk]* Hentam kerajaan. Itu tidak boleh lari. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Hentam, hentam!

Tuan R. Karpal Singh: Kami akan kekal sebagai pembangkang, pembangkang yang *constructive*. Itu jaminan daripada pembangkang. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak minta...

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis, sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Dia belum habis. Penjelasan sebelum Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor habis.

Seorang Ahli: Dia berdua sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya mahu sebut merujuk kepada apa tajuk Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sebut yang lebih awal. Oleh kerana dalam awal bulan Ogos, Ketua Hakim, Tan Sri Ahmad Fairuz ada keluarkan untuk kali yang pertama Laporan Tahunan Kehakiman dan kita kata untuk *public appraisal* dan *scrutiny*. Bukankah benar bahawa kita perlu lebih *accountability* dan *transparency* oleh kehakiman?

Dalam kes Anwar Ibrahim yang *Federal Court*, keputusan yang ada ditetapkan untuk 22 Julai, tetapi pada saat-saat yang terakhir, ada dipinda tanpa apa-apa penjelasan diberi, bukannya satu perkara yang tidak patut berlaku, di mana kehakiman pun perlu mematuhi prinsip *accountability* dan *transparency* memberi sebab kenapa

pada saat-saat terakhir, tarikh yang ditetapkan untuk keluar keputusan mengenai *Federal Court* itu ditukar sebagai satu amalan yang biasa, bahawa kehakiman pun perlu *accountable, transparent* dan *open to scrutiny* dan *appraisal*.

Tuan R. Karpal Singh: Tarikh keputusan itu bukan dipinda untuk sekali sahaja, dua kali. Awal 22 Julai, selepas itu 28 Ogos...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawab soalan daripada...

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor minta supaya bersetuju atau tidak bersetuju?

Tuan R. Karpal Singh: No, saya kena bagi latar belakang dahulu. Lebih daripada bersetuju, lebih bersetuju. *[Disampuk]* Bukan sekali, tiga kali. Kenapa pinda tarikh itu? Seorang Timbalan Pendaftar boleh membaca satu keputusan menjadi ramalan biasa dalam mahkamah. Tidak perlu ada hakim yang mendengar satu rayuan membaca keputusan itu. Keputusan boleh dibaca oleh seorang Timbalan Pendaftar. Saya pun hairan kenapa dipinda sebanyak tiga kali tarikh yang ada ditetapkan. Saya bersetuju dengan rakan saya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habis ya? Selepas Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya minta Timbalan Menteri menjawab.

3.37 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan pada petang ini untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Pertama sekali, roh ataupun spirit daripada akta ini adalah untuk pindaan bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa jenayah mahkamah dalam membicarakan kesalahan pindaan kepada Kanun Keseksaan berkenaan dengan *terrorism* ataupun masalah keganasan.

Di sini saya ingin memperjelaskan bahawa sikap dan sokongan kita terhadap usaha kita untuk memerangi keganasan sama ada yang berlaku di peringkat global, di peringkat antarabangsa, mahupun yang berlaku dalam negara kita. Tujuan kita ialah untuk memastikan warga dunia dapat hidup dalam keadaan yang harmoni dan dapat menikmati kehidupan yang berasaskan kepada perpaduan, yang menjadi keutamaan kepada kita semua.

Namun begitu di dalam melaksanakan apa yang terkandung dalam akta ini, beberapa peringatan suka untuk saya perjelaskan dalam Dewan yang mulia ini iaitu tentang definisi "*terrorist*" ini. Adakah hasil ataupun pelaksanaan daripada akta ini nanti bahawa mahkamah di Malaysia ini, hakim-hakim yang terlibat akan dapat membebaskan diri mereka daripada terikat dengan istilah "*terrorist*" ataupun penganas sebagaimana yang cuba diutarakan oleh kuasa-kuasa besar dunia.

Dalam ucapan saya semasa meminta penjelasan pada pagi tadi, saya hendak *elaborate*, saya hendak memperkemas lagi ialah tentang bagaimana Barat akan senantiasa memperluaskan konsep ataupun makna keganasan ini mengikut acuan mereka, di mana hari ini kita menyaksikan bagaimana umat Islam menjadi mangsa di mana-mana imigresen, khususnya di Amerika Syarikat, Eropah, United Kingdom, yang menjadi mangsanya adalah umat Islam, dibogelkan, ditahan di dalam jangka waktu yang lama dan ini menggambarkan bahawa berlakunya bias, berlakunya satu keadaan di mana dunia diikat dengan suatu *definition* atau satu definisi mengenai penganas yang tidak adil, yang tidak memberikan keadilan kepada umat Islam.

Oleh itu saya mengharap bahawa hakim ataupun mahkamah di Malaysia ini akan dapat memberikan suatu bentuk keadilan tentang istilah *terrorist* ini. Mereka yang dianggap *terrorist*, mereka yang digelar sebagai *terrorist* supaya kita tidak terikat dengan istilah yang cuba dipelopori dengan secara tidak adil oleh kuasa-kuasa besar dunia khususnya Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya yakin dan percaya bahawa roh kepada pindaan ini adalah berasaskan ataupun bersumberkan kepada resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Resolusi 1373/2001 di mana satu

konvensyen yang dipanggil *International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism*.

Di sini saya rasa bertolaknya bagaimana seluruh dunia hari ini di dalam mereka menggarap ataupun menangani masalah keganasan ini, mereka mahu tidak mahu terpaksa mengikut *standard* istilah ataupun definisi yang dikeluarkan oleh kuasa besar dunia tentang makna keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, tentang pindaan Seksyen 50, tentang memberikan kuasa mutlak kepada Pendakwa Raya yakni Peguam Negara untuk membenarkan mana-mana pegawai polis untuk melakukan suatu kerja memintas ataupun *intercept* mana-mana telekomunikasi, membuka surat atau apa-apa bentuk komunikasi bagi mendapatkan maklumat berkenaan. Pendakwa Raya juga boleh mengarahkan mana-mana syarikat komunikasi untuk bekerjasama dalam membuat kerja memintas itu.

Selain dari itu, Pendakwa Raya juga boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis untuk memasuki mana-mana premis bagi memasang alat peranti atau apa-apa jua alat untuk memintas perbualan orang yang disyaki itu. Manakala kesemua bukti yang diperolehi hasil dari pintasan itu menjadi bukti yang *conclusive* di dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, daripada sudut undang-undang, pindaan ini juga telah mengubah prinsip kenegaraan pada pendapat saya, iaitu *Separation of Powers* bahawa badan kehakiman hendaklah menjadi orang tengah untuk menjadi *check and balance* kuasa eksekutif bagi mengelakkan sebarang salah guna kuasa oleh pihak eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya bimbang dan saya mengharapkan bahawa Peguam Negara yang diberikan kuasa yang terlalu luas ini supaya menggunakan apa yang diperuntukkan dalam pindaan ini supaya tidak menggunakan keluasan bidang kuasa ini untuk berlakunya salah guna kuasa. Di mana di sini kita melihat bahawa mereka boleh masuk ke dalam premis, boleh menggunakan kerja-kerja untuk mengintip dan kerja-kerja untuk mendapatkan maklumat yang sebelum ini dianggap tidak sah oleh mahkamah dan oleh undang-undang dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang akhirnya bagi seksyen ini ialah diharapkan supaya kuasa untuk memintas ataupun kuasa yang terlalu luas oleh Peguam Negara tadi tidak diberikan secara sewenang-wenangnya kepada Pendakwa Raya dan perlu ada *check and balance* daripada pihak kehakiman. Di sini kita melihat bahawa pihak hakim ataupun mahkamah mestilah memberikan suatu peraturan, suatu arahan yang jelas supaya pihak Pendakwa Raya, pihak Peguam Negara tidak akan menggunakan kesempatan ini ataupun keluasan kuasa ini untuk bertindak sewenang-wenangnya, dan hakim mestilah memberikan suatu pemantauan supaya perkara ini tidak akan menjadi suatu perkara yang akan melanggar apa yang dikatakan hak asasi manusia yang diiktiraf oleh dunia dan negara kita.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan isu ini atau rang undang-undang ini saya sekali lagi menekankan bahawa mahkamah dan hakim yang terlibat akan membuat atau mengeluarkan satu garis panduan tentang makna ataupun istilah *terrorist* ini dalam acuan negara kita, dalam acuan keadilan yang ditegakkan dalam negara kita. Saya cukup bimbang nanti dalam kita untuk mendapatkan bantuan sebagai contoh, untuk kita membela perjuangan yang sedang diperjuangkan oleh rakyat Palestin, perjuangan mereka yang mempertahankan tanah air mereka, perjuangan untuk mereka menuntut hak mereka.

Mereka ini juga di dalam istilah global ini, dalam undang-undang ataupun dalam sandiwara yang dimainkan oleh kuasa Barat ini, kerja baik kita untuk memungut derma sebagai contoh untuk memberikan dana kepada pejuang Palestin dan seumpamanya akan dianggap kitalah sebahagian daripada pengganas daripada *terrorist*. Ini saya berharap tidak akan berlaku apabila undang-undang ini diaplikasikan dalam negara kita. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.46 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dan saya terus menjawab kepada Yang Berhormat bagi Tumpat.

Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat membangkitkan isu tidak dapat *invitation* kepada *Merdeka Celebration* itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua badan-badan berkenaan termasuk parti-parti pembangkang telah dapat *invitation*. Apabila saya pun berada di Kuantan saya ada nampak Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor hadir. Kita akan mengambil perhatian mengenai *invitation pass* dalam hal ini.

Berkaitan dengan isu bahasa, akta asal ini Tumpat juga ada membangkitkan isu kenapa Akta Mahkamah Kehakiman 1964 masih lagi dalam bahasa Inggeris dan telah memberi teguran. Mana-mana undang-undang yang diluluskan sebelum 1 September tahun 1967 teks bahasa Inggeris adalah teks sah dan akta ini diluluskan pada 1964. Dan walau bagaimanapun, akta ini ada di terjemah ke Bahasa Kebangsaan tetapi belum lagi ditetapkan sebagai teks sah. Dan menurut *Subsection 7 (1)* Akta Bahasa Kebangsaan yang berbunyi: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "Where any written law in acted before the first day of September 1967 has been translated into the national language the Yang di-Pertuan Agong may prescribe the translation of that law to be alternative."

Akta 7 (1). Akta Bahasa Kebangsaan adalah apa-apa undang-undang yang diluluskan sebelum 1 September 1967 yang telah diterjemahkan ke Bahasa Kebangsaan Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan undang-undang itu sebagai teks sah.

Saya juga ingin memberitahu kepada Yang Berhormat bagi Tumpat janganlah mengambil kesempatan ini untuk memberi suatu gambaran bahawa Kerajaan Barisan Nasional mengetepikan bahasa Malaysia. Ini adalah semua akta-akta lama itu pada zaman British adalah dalam bahasa Inggeris dan kita perlu ambil masa sedikit untuk menterjemahkan semua akta-akta ini dan suatu masa akan datang semua akta-akta yang kita ada di dalam negara kita ini akan ada di dalam Bahasa Kebangsaan.

Satu lagi isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat kebanyakan yang dia berucap adalah pandangan dan cadangan dan kita mengambil perhatianlah semua itu dan apabila Malaysia menjadi suatu pihak kepada kedua-dua konvensyen antarabangsa yang tersebut, kita akan menggunakan pandangan-pandangan yang diberi. Jawapan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Santubong, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong, dia sebagai seorang peguam cara dan peguam bela yang mempunyai banyak pengalaman apabila kita buat rang undang-undang berkaitan dengan undang-undang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana memberi penjelasan dan secara tidak langsung memberi jawapan [*Ketawa*] kepada kekeliruan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ketereh di mana Yang Berhormat memahami rang undang-undang ini dengan teliti dan juga dengan secara tidak langsung memberi penjelasan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri. Berkaitan dengan isu tidak cukup hakim kita akan berusaha untuk melantik beberapa hakim baru dan ini adalah dalam proses.

Jawapan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat standard pendakwa raya, dia kata *half-baked* dan juga dia kata kenapa tidak melantik hakim-hakim daripada peguam-peguam. Saya pun dahulu seorang peguam tapi bukan sahaja ada *half-baked* orang kalau dia kata ada di kalangan pendakwa raya ataupun Peguam Negara masih dalam kebanyakan peguam-peguam yang mengendalikan kes-kes sekarang pun kita nampak ada banyak *half-baked*. So, tidak perlu kita dengan izin *run down the A-G's Chambers*.

Lagi satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat adalah masalah antara Ketua Hakim dan Presiden Bar Council. Kebanyakan ucapannya, Tuan Yang di-Pertua, adalah terkeluar daripada tajuk, tetapi saya cuba jawab jugalah kalau tidak, tidak ada apa-apa hendak jawab. Masalah antara Ketua Hakim dan Presiden Bar Council itu baik jugalah kerana Presiden Bar Council ini kadang-kadang dia punya *statement* dan ucapan dia buat macam ahli politik, sukarlah hendak terima. Kalau Bar Council, mereka berfungsi sebagai satu badan NGO sahaja boleh. Kadang-kadang Bar Council ini terkeluar dan mereka ini berfungsi sebagai badan politik. Itulah masalah antara Ketua Hakim dan Bar Council. Ini adalah satu masalah yang mereka boleh selesaikan antara kedua-dua pihak sendiri.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga minta apakah dua konvensyen yang dimaksudkan dan bilakah dia dimeterai. Jawapan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh

Barat, dia tidak ada, dia keluar tapi dia punya kawan-kawan boleh beritahu. Ha! Kawan saya pun sudah masuk. Dia tahulah saya hendak sebut dia punya nama, dia masuk. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Konvensyen Antarabangsa, Bagi Pembanterasannya Pembiayaan Keganasan dan Konvensyen Antarabangsa Menentang Pengambilan Tebusan belum disertai dan juga dimeterai oleh negara kita Malaysia.

Dan juga soalan lagi satu hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, adakah obligasi bagi membicarakan seorang *stateless person* wujud di dalam kedua-dua konvensyen tersebut. Jawapannya adalah ya, obligasi dinyatakan pada Artikel 5 (1) (b) bagi Konvensyen Antarabangsa Menentang Pengambilan Tebusan dan pada Artikel 7 (2) (d) bagi Konvensyen Antarabangsa Bagi Pembanterasannya Pembiayaan Keganasan.

Dan juga soalan lagi satu mengenai 400,000 *stateless person*, ini kita boleh jawab secara bertulis. Saya tidak ada fakta ada 500 *stateless person* ini semua kita tidak tahu. Ini *off the files*, dengan izin, *you* minta *off the files* kita tidak boleh jawab nanti kita jawab pun jawapan itu *may not be correct*.

Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor membangkitkan isu tapi kebanyakan Yang Berhormat kata itu terkeluar daripada tajuk tetapi isu yang dibangkitkan oleh Seksyen 50.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada apa hendak jawab.

Datuk M. Kayveas:dan 87 itu saya perlu jawab. Lain-lain hal dengan kes-kes lain yang disentuh itu tidak ada kena-mengena dengan rang undang-undang ini. Untuk Seksyen 50 dan 87, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, untuk maklumat Dewan yang mulia ini telah meluluskan pindaan kepada Kanun Keseksaan untuk membolehkan Malaysia melaksanakan peruntukan baru dalam Kanun Keseksaan itu, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 perlu di pinda untuk memberi bidang kuasa jenayah luar wilayah kepada mahkamah di Malaysia supaya mahkamah itu dapat membicarakan kesalahan yang berlaku di luar wilayah Malaysia.

Itu sahaja tapi kita banyak keluar daripada tajuk. Kanun Keseksaan telah dipinda dan banyak Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan banyak isu telah disentuh dan telah dijawab pada masa itu. Bolehlah kalau hendak lebih maklumat tentang itu boleh pergi cari *Hansard*, boleh dapatlah semua maklumat ada di sana. Justeru itu, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, pindaan itu akan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh: Bagaimana bagi Seksyen 89 aspek kehakiman di mana ada diakui oleh Yang Arif Hakim Abdul Hamid ada kecacatan. Adakah Kementerian Yang Berhormat membawa satu pindaan untuk membetulkan apa yang jadi kecacatan kini dalam seksyen ini?

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam pindaan yang kita buat, dalam akta ini, rang undang-undang ini kita tidak sentuh seksyen 87. Tetapi saya faham pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor itu, dengan izin, section 87 – "*Jurisdiction to hear and determine criminal appeal*". Kalau perlu dipinda saya harap pegawai-pegawai yang ada di sini boleh ambil perhatian dan beritahu kepada Peguam Negara bolehkah dan perlukah seksyen ini dipinda. Setakat ini kita buat pindaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia hendak minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Kecacatan tidak ada peruntukan-peruntukan dalam itu untuk mempertimbangkan satu permohonan untuk jamin.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Seksyen 89 adalah dengan izin, "*appeal not to operate a stay of execution*". Jawapan saya sama juga kalau perlu seksyen ini dibuat pindaan kita harap pegawai-pegawai yang berada di sini boleh ambil perhatian dan beritahu kepada Peguam Negara dan Peguam Negara akan ambil tindakan kalau perlu dipinda.

Justeru jawapan kepada tadi Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor pindaan itu akan membolehkan juga pada masa yang sama Peguamcara Negara atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Peguam Negara Malaysia menandatangani sesuatu notis rayuan.

Untuk jawapan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian adalah terkeluar daripada

pindaan ini dan saya tidak perlu jawab. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.02 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu, bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bercadang untuk menjadi suatu pihak kepada konvensyen antarabangsa bagi membanteras pembiayaan keganasan dan konvensyen antarabangsa menentang pengambilan tebusan 1999. Antara obligasi yang akan perlu dipenuhi oleh Malaysia di bawah kedua-dua konvensyen itu ialah mewujudkan kesalahan membiayai keganasan di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah meluluskan pindaan kepada Kanun Keseksaan dalam mesyuarat belanjawannya tahun lalu. Rang undang-undang meminda Kanun Keseksaan untuk memansuhkan peruntukan tentang kesalahan membiayai keganasan itu telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah diwartakan pada 25 Disember 2003. Untuk membolehkan Malaysia melaksanakan peruntukan baru dalam Kanun Keseksaan itu, Akta Mahkamah Rendah 1948 perlu dipinda untuk memberi bidang kuasa jenayah luar wilayah kepada mahkamah di Malaysia supaya mahkamah itu dapat membicarakan kesalahan yang berlaku di luar wilayah Malaysia.

Oleh yang demikian, Fasal 2 rang undang-undang ini mencadangkan supaya subseksyen 2(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 dipinda untuk meluaskan bidang kuasa jenayah luar wilayah mahkamah rendah supaya meliputi kesalahan yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Setiasaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Tumpat.

4.04 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ringkas ini untuk membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92].

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita bahaskan di dalam perbahasan rang undang-undang sebelum ini, saya ingin mengulangi desakan saya kepada pihak kerajaan supaya menukar bahasa rasmi akta asal ini daripada bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya kepada perbahasan awal pagi ini menyatakan bahawa kita dibolehkan mengikut Akta Bahasa Kebangsaan 1967 untuk memilih sama ada mengekalkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai naskhah ataupun rang undang-undang yang sah bagi semua undang-undang yang diluluskan sebelum tarikh tersebut ataupun memilih untuk menggunakan terjemahan Bahasa Kebangsaannya, saya fikir pilihan dan keutamaan kita dalam negara yang 47 tahun sudah merdeka ini, sudah tentu tidak lain kecuali memilih untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa sah kepada mana-mana undang-undang sebelum atau selepas mana-mana tahun selepas kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi kerana rang undang-undang ini melibatkan hubungan kita dengan dunia asing, dunia luar. Maknanya dalam kes-kes yang mana rang undang-undang dan undang-undang ini terlibat, ia melibatkan hakim-hakim, peguam-peguam luar daripada Malaysia. Kalau rang undang-undang ini dan undang-undang akhirnya masih kekal dalam bahasa Inggeris, maka dengan izin, *advantagenya* adalah kepada peguam-peguam asing, peguam-peguam antarabangsa. *Disadvantagenya* adalah kepada kita, sistem kita dan negara kita kerana kalau ia ditukar ke bahasa Malaysia maka mahkamah asing, peguam-peguam asing terpaksa menggunakan peguam-peguam daripada negara kita sekurang-kurangnya penterjemah-penterjemah undang-undang daripada negara kita untuk membantu mereka dalam kes-kes ini. *The advantage* kebangsaan, *advantage* negara dari segi martabat kita yang 47 tahun merdeka ini, dari segi pulangan kewangan kepada negara kita ini dan sebagainya, jauh memihak kepada kita menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam undang-undang kita dan bukan sebaliknya, menggunakan kononnya kebebasan yang diberikan oleh Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967.

Tadi saya merayu, sekarang ini saya mendesak supaya kerajaan mengambil berat benar-benarnya bahawa penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam undang-undang negara kita ini mesti dimartabatkan dalam tahap kita mencapai kemerdekaan yang sedemikian lamanya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tertarik dan terpanggil untuk bangun dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat apabila bahasa dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, telah termaktub dalam Perlembagaan bahawa Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan di Dewan yang mulia ini pun kita guna Bahasa Kebangsaan atau bahasa Melayu dan untuk menggunakan bahasa-bahasa lain, kita kena minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, sedangkan Dewan yang mulia ini tempat yang kita menggubal undang-undang. Kita gunakan bahasa Malaysia, tetapi di mahkamah ataupun undang-undang yang bersangkutan paut dengan peraturan mahkamah ini digunakan dalam bahasa Inggeris. Dengan izin, *why is so great about the English language?* [Ketawa] Jadi dengan bahasa ini, saya susah hendak bertolak ansur dan saya setuju dengan sahabat saya walaupun berbeza parti tetapi dalam keadaan tertentu, kita patut mempertahankan.

Tadi, saya berasa cukup bangga, Yang Berhormat bagi Gopeng, Setiausaha MCA, bangun dalam Dewan ini dan soalan yang ditanyakan adalah berkenaan dengan bahasa. Saya pun hendak tanya tetapi dalam perbahasan yang lepas Belanjawan, tetapi Yang Berhormat bagi Gopeng lebih cepat daripada saya, jadi dia begitu prihatin tentang bahasa.

Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kita ini, Presiden Parti PPP, dengan izin supaya apa salahnya kita guna bahasa Malaysia, dengan izin, *what's wrong with it? Because it's a very colourful language*, bahasa yang cukup warna-warni...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kadang-kadang Yang Berhormat tidak ada minta izin juga, pakai juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: [Ketawa] Saya minta "blanket izin", keizinan yang "blanket". Jadi apakah pandangan Yang Berhormat. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat ataupun permohonan selimut blanket [Ketawa] Yang Berhormat bersetuju dengan saya atau tidak? Kalau tidak sat lagi saya bangkit, saya bahas juga. Sila Yang Berhormat.

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya fikir soal bahasa ini saya akui dan terima bukan perjuangan satu-satu parti politik tetapi perjuangan kebangsaan yang disokong oleh majoriti mutlak rakyat Malaysia yang inginkan supaya salah satu daripada nilai penting negara kita ialah penggunaan bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas saya beralih kepada *point* yang kedua iaitu berkaitan dengan bahasa juga. Sebagaimana kita maklum dan kita bahaskan agak panjang lebar pagi ini, salah satu daripada tumpuan seluruh dunia apabila membicarakan tentang keganasan ini ialah bahawa kononnya penganas-penganas ini ialah orang-orang Islam dan dari kalangan orang-orang Islam ini kebanyakannya sama ada berbangsa Arab atau berbangsa Afghanistan ataupun berbangsa Turki, ataupun berbangsa Pakistan dan sebagainya.

Malah dalam kes bahasa ini ada sekurang-kurangnya dalam ingatan saya akhir-akhir ini dua insiden yang jelas menunjukkan bagaimana kesilapan memahami bahasa, kumpulan sasaran penganas itu menyebabkan keputusan kerajaan ataupun kehakiman tersilap. Saya ingat satu kes apabila kapal terbang *Egypt Air dari New York* selepas berlepas dari Lapangan Terbang *New York* terhempas di Lautan Atlantik. Maka sebagaimana kes-kes terhempas kapal terbang yang biasa, perkara pertama yang dicari oleh penyelamat ataupun pasukan-pasukan yang terlibat dalam menyelidiki punca jatuhnya terhempas sebuah kapal terbang ialah apa yang dipanggil *yellow box* saya fikir, yang mana ianya sebenarnya adalah rakaman suara apa yang berlaku di dalam kapal terbang yang terhempas itu.

Dalam kes *Egypt Air* yang terhempas ini kononnya ditafsirkan oleh pegawai-pegawai teknikal yang menyelidiki ucapan dalam *cockpit* kapal terbang dengan izin *pilotnya* kononnya berucap dalam bahasa Arab yang kononnya ditafsirkan bahawa juruterbang itu benar-benar sengaja menghempaskan kapal terbangnya ke Lautan Atlantik. Sehingga akhirnya dikaji semula istilah Arab ini, istilah agama ini tidak membawa kepada kesimpulan yang semudah itu.

Ini yang saya hendak tekankan betapa perlunya mahkamah kita, majistret-majistret kita faham bahasa-bahasa. Begitu juga baru-baru ini di Amerika Syarikat salah seorang kononnya penganas yang berkaitan dengan Peristiwa 11 September 2001, awalnya ditahan atas syak bahawa dalam tulisannya istilah Arabnya sekali lagi kononnya ditakrifkan sebagai merujuk kepada mirip kepada keganasan. Jadi, sekali lagi mahkamah, pegawai-pegawai pihak berkuasa membuat tafsiran yang silap tentang penganas ini berpunca daripada tafsiran dan keupayaan mereka berbahasa yang sesuai dengan bahasa yang kononnya digunakan oleh penganas ini.

Jadi, saya ingin menyarankan kepada kementerian bahawa majistret-majistret di sini mahkamah rendah yang melibatkan saya fikir majistret atau hakim mahkamah tengah dan sebagainya diberi latihan bahasa yang mencukupi dan oleh kerana orang-orang Islam ini ada yang berbangsa Melayu, ada yang berbangsa Arab, ada di China Tengah berbahasa Mandarin, ada yang saya sebut tadi berbahasa Pakistan, Urdu, berbahasa Afghanistan pუსytunya, berbahasa Turkiya, berbahasa Chechnya sebab orang-orang Islam ini daripada kebanyakan bahasa-bahasa besar dalam dunia ini, maka majistret-majistret kita, hakim-hakim kita mestilah dilatih untuk menguasai

kebanyakan bahasa-bahasa ini supaya orang-orang yang dituduh sebagai pengganas tidak akan diadili dengan cara yang tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tumpat, Tangga Batu bangun. Tangga Batu bangun.

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Oleh kerana kekurangan pengetahuan bahasa oleh hakim-hakimnya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Saya ingin penjelasan kepada perbahasan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat bagi Tumpat sebentar tadi. Yang pertama, Yang Berhormat bagi Tumpat menyebut tentang penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah di negara kita. Kemudian yang kedua masalah perhubungan, masalah komunikasi dengan kefahaman bahasa yang mungkin akan menyebabkan berlakunya kesilapfahamannya dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Tumpat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa di dalam penterjemahan bahasa-bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan ini dalam apa bentuk ilmu pun kebanyakan daripada istilah-istilah terpaksa kita menggunakan bahasa-bahasa Inggeris juga yang di Melayukan. Setengah-setengah daripada perkataan-perkataan ini kita gunakan dan boleh menyebabkan kesilapfahaman kepada pengguna dan juga kepada pendengar. Tidak seperti yang dimaksudkan oleh yang *transmit*, tidak seperti yang dimaksudkan oleh yang bercakap, yang mendengar faham lain, yang bercakap maksudkan lain. Dengan lain-lain perkataan apabila kita ingin membahasamalaysiakan semua bahasa-bahasa Inggeris tadi kita terpaksa juga menggunakan perkataan-perkataan Inggeris yang dimelayukan.

Di dalam ucapan Yang Berhormat bagi Tumpat sebentar tadi pun saya dapat lihat banyak bahasa Inggeris yang telah dimelayukan, umpamanya sehingga hari ini kita masih lagi hendak mencari apakah perkataan yang sesuai untuk kita memanggil majistret. Majistret ini sebenarnya adalah berasal daripada perkataan bukan bahasa Malaysia. Dalam ilmu kejuruteraan umpamanya, di dalam ilmu biologi umpamanya banyak perkataan-perkataan yang terpaksa kita 'bahasamalaysiakan' daripada perkataan asal perkataan Inggeris. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini, adakah ia akan memberi kesan sampingan yang mungkin tidak membawa kepada kelebihan keberkesanan dan kecekapan kita di dalam penggunaan bahasa di mahkamah-mahkamah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat.

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu kerana saya yakin kita semua mengakui tidak ada satu bahasa pun dalam dunia ini yang lengkap, yang tidak dimasuki dengan istilah-istilah luar daripada bahasa tersebut. Yang pokoknya ialah kita jelas dari segi pendirian kita mengutamakan, malah dalam kes undang-undang negara ini mewajibkan penggunaan secara sah dan resmi Bahasa Kebangsaan sahaja. Terjemahan-terjemahan apa-apa bahasa lain pun sudah tentu boleh dipakai dan perlu dalam kes-kes tertentu digunakan, itu sudah tentu diterima.

Jadi, saya fikir kita tidak mempunyai pandangan yang berbeza, sokongan terhadap penggunaan bahasa Malaysia sama ada dalam undang-undang ataupun di mahkamah dan sebagaimana saya sebutkan tadi tidak menafikan malah tidak sedikit pun menghalang ataupun mengurangkan saranan kepada semua pihak termasuk hakim-hakim untuk menguasai, mempelajari, memahami bahasa-bahasa lain. Kita amat terkejut jika sebagaimana Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri baru-baru ini mengatakan bahawa kita mesti memilih bahasa Inggeris dan kita tidak perlu menjadi fanatik kebangsaan yang sebegitunya.

Saya fikir ada adalah suatu kesilapan tanggapan berkenaan dengan minat dan kecenderungan dan kecintaan ahli-ahli bahasa, budayawan kita yang bukan ingin menolak bahasa asing tetapi ingin mengekalkan cara kita, negara kita, identiti kita yang mana Bahasa Kebangsaannya adalah bahasa Malaysia ini. Jadi, inilah hujah-hujah ringkas saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

4.20 ptg

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita baru menyambut Merdeka. Saya mengambil kesempatan mengucapkan Salam Merdeka. Dan Merdeka itu adalah satu kejayaan, kemerdekaan adalah di atas pengorbanan generasi yang terdahulu daripada

kita, generasi yang miskin, generasi yang tidak bersekolah tinggi, generasi yang rata-ratanya dari golongan tidak berada tetapi yang ada pada mereka ialah semangat untuk melihat bangsa Malaysia ini menjadi bangsa yang bermaruah di sebuah negara yang dijajah satu ketika dahulu dan kita telah dijajah beratus-ratus tahun.

Jadi sekarang kita telah merdeka dan kita sedang mengisi kemerdekaan, dan hari ini kita lihat begitu berwarna-warninya Malaysia, berbilang kaum, berbilang bangsa mengibarkan Jalur Gemilang. Tetapi ada juga yang begitu berkira untuk membeli bendera Jalur Gemilang - semuanya hendak *free*, hendak kerajaan bagi, orang Kedah kata "hendak buta". Semasa majlis pelancaran di kawasan, saya pacak bendera, dalam tengah dok pacak tu dia kata, "Datuk, ada satu lagi *extra* dak?". Saya kata, "Hang nak buat apa?" "Saya ada kereta sebiji lagi". Saya kata, "Kereta dua biji, bendera dua ringgit tak boleh beli ka?" Saya kata kat dia. "Daklah Datuk, yang Datuk cengil ni pasal apa?". "Bukan cengil, bukan marah tetapi nak habak".

Ni saya mai di Parlimen saya tengok kereta-kereta wakil rakyat pun mana ada pasang bendera! Kereta saya terpacak, terpacak kebanyakannya adalah, jangan marah. *[Ketawa]* Hak tak dak kotlah jatuh pasal angin deras, tetapi pacak, jatuh, pacak jatuh, pacak, sebatang dua ringgit *[Disampuk]* pacak selalu. Kalau hak lain kita boleh pacak, bendera pasal apa tak boleh pacak? *[Ketawa]* *[Menoleh ke arah Yang Berhormat bagi Tangga Batu]* Yang Berhormat bagi Tangga Batu ni dia baru balik dari Mekah, baru balik umrah, pasal tu rambut dia pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jadi Yang Berhormat minta hakim pun letak bendera jugalah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak minta hakim pun letak bendera juga?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pacak. Atas vannya tu bubuh bendera Malaysia, apa salahnya? Bendera itu adalah lambang kemerdekaan, Tuan Yang di-Pertua. Bukannya mudah nak dapat kemerdekaan. Saya dilahirkan tahun 1950, masa itu saya belum lagi merasa kemerdekaan, di ambang perjuangan kemerdekaan dan hari ini kita merdeka dan hari ini kita lihat bahasa Malaysia Dato', *[Memberi hormat kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz yang mengambil tempatnya dalam Dewan]* Yang Berhormat Menteri, Menteri inilah kerap mai Parlimen, bagus. *[Ketawa]* Menteri yang lainlah, kadang-kadang tak larat nak fikir.

Bahasa Malaysia tengok, digunakan oleh semua rakyat kita berbilang bangsa. Kita tengok daripada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bercakap bahasa Malaysia cukup hebat. Kalau kita tak tengok wajah, kita ingat dia ini adalah daripada orang Melayu. Kita tengok Benggali baca *News* di TV dalam bahasa Malaysia, boleh. Jadi, bahasa ini telah diterima oleh seluruh masyarakat Malaysia.

Orang Perancis dia cukup bangga dengan bahasa dia. Sebab itu kalau kita pi Perancis, kalau kita bercakap bahasa Inggeris dia tak respons tetapi kalau kita cakap bahasa Melayu, dia respons balik. Ya, sungguh! Saya biasa nak naik kereta api, saya bercakap bahasa Inggeris dia buat *don't know* dengan saya tetapi bila saya cakap, "Encik, saya nak pi *Switzerland*, kereta api ini bolehkah sampai ke sana?" Baru dia kata, *[Disampuk]* dia jawab dalam bahasa Inggerislah *[Ketawa]* dia kata, "*Is there anything that I can help you, young man?*" Maknanya diutamakan bahasa dia, pasal saya tak reti bahasa Perancis.

Jadi bermakna, bahasa ini adalah satu benda yang bukan boleh main-main kerana bahasa adalah jiwa bangsa dan kita ini berjiwa Malaysia, bukan? Kita melaungkan, "Merdeka, Merdeka", kita sahut kemerdekaan, tunggu detik 12.01 malam kita menjerit kemerdekaan, kita ingat wajah Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, ini dia, angkat tangan menyahut seruan kemerdekaan tetapi bendera RM2 pun berkira. Nak pacak di rumah harga RM6 pun berkira, takkanlah bendera pun nak kerajaan subsidi!

Jadi yang ni Yang Berhormat bagi Kepong *[Ternampak Yang Berhormat bagi Kepong memasuki Dewan]* ada pacak benderakah, Yang Berhormat bagi Kepong? *[Yang Berhormat bagi Kepong tercengang-cengang sambil memberi isyarat tertentu dengan tangan]* *[Ketawa]* Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong, ini Merdeka, kereta Yang Berhormat ada pacak bendera Malaysiakah? *[Yang Berhormat bagi Kepong tidak memberi respons]* Itu, tengok, Ahli Parlimen bagi Kepong pun tak pacak bendera!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau hendak tanya dia di kantin, sini Timbalan Speaker.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak, saya minta penjelasan daripada dia. [Ketawa] [Yang Berhormat bagi Kepong minta laluan] Okey, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita dapat 100 bendera besar dan lebih 100 bendera kecil untuk dipasang pada kereta tetapi nampaknya Yang Berhormat bagi Jerai, berapa dia nak dapat? Mungkin sepuluh, Yang Berhormat bagi Jerai? Kalau hendak banding dengan kita, kita di dalam Wilayah Persekutuan, setiap Ahli Parlimen dapat lebih 100. Itulah masalah di Jerai, dia ketandusan, masalah di situ. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini bukan kes ketandusan, Yang Berhormat. Dia dapat *free*, saya beli. [Ketawa] [Disampuk] Nilai dia, nilai, saya beli kerana semangat, ini hendak harap benda *free*. [Ketawa] Benda *free* dua ribu pun orang ambil. [Ketawa] Saya beli, Yang Berhormat bagi Kepong. Saya mai dari Alor Setar sampai Kuala Lumpur dekat lapan batang saya hilang [Ketawa]. Pacak, jatuh. Saya kata kepada drebar saya, "Man, hang pacak yang lain". Dia pacak lagi, sampai dia hairan, "Hai Datuk, dah lapan". "Lapan pun lapan, kira apa, kita beli". Sampai Kuala Lumpur terpacak, sampai la dok terpacak lagi ni. Kerana apa? Kerana saya sayangkan negara saya. Siang malam kita pacak, Yang Berhormat bagi Kepong. [Ketawa] [Disampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Saya nampak bendera dia tercemar, tercemar, iaitu kotor – dia tidak cuci, apa patriotiknya? [Ketawa] Dan kadangkala ada cebisan-cebisan keluar, koyak dah. Apa masalah sekarang ini? Kalau kita hendak pakai bendera, kita mesti memastikan semuanya bersih, tidak tercemar, tidak koyak langsung, ini koyak belaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apa, Yang Berhormat ada lebih bagi kepada Yang Berhormat bagi Jerai.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya minta penjelasanlah tu. [Ketawa] Penjelasan tu, adakah dia cuci tiap-tiap hari.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Kepong, biar pun bendera itu terkoyak ... [Ketawa]

Seorang Ahli: Cehhh ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: biar pun bendera itu kotor dek debu dan hujan, tetapi semangatku tidak luntur. [Ketawa] Semangat saya tidak luntur kerana ini adalah maruah, ini adalah perjuangan, ini adalah satu benda yang kita bawa daripada datuk nenek kita di atas perjuangan kemerdekaan untuk generasi kini, yang akan datang dan selama-lamanya, insya-Allah.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Saya kasihan kat dia. Ha, betul, dia hendak banyak *free* lagi. Ha, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sedar kita mesti pasang bendera, terutamanya di bulan kemerdekaan kita mesti, semua orang mesti. Itu daripada zahirlah tetapi dari segi batinnya, adakah kita benar-benar cintakan negara? Kita tidak ada politik wang, kita tidak menyalahgunakan peluang-peluang yang diberi kepada kita semua di negara ini, adakah kita benar-benar tidak terlibat dengan segala aktiviti yang tidak manis termasuk rasuah dan sebagainya? Ha! itulah baru dikatakan cinta negara.

Dan saya berharap lain kali bukan sahaja kita hendak sebutkan 'Jalur Gemilang', kita hendak terbilang, gemilang di dalam semua aktiviti, semua cemerlang juga di semua aspek termasuk kualiti kita seperti politik, ekonomi, keagamaan, kebudayaan dan sebagainya, semua aspek. Adakah Yang Berhormat pernah menanya sendiri, adakah saya buat salah sekarang dari segi politik wang dan sebagainya? Adakah saya terlibat? Kalau kita boleh menjawab dengan betul ...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, ini masalah sekarang, *[Disampuk]* masalah sekarang. Tak tahulah dia, Jawatankuasa Disiplin ada supaya buat keputusan terhadapnya. *[Ketawa]* Saya tidak tahulah. Tetapi itulah patriotisme, bukan sahaja dari segi zahir tetapi juga batin. Ini masalah yang terpenting sekali.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat, sebab itulah Tuhan, Dia cipta syurga dan neraka, *hell and heaven*, dengan izin. Syurga itu dicipta oleh Allah S.W.T. untuk orang-orang yang beriman dan baik-baik lebih kurang macam saya. *[Ketawa]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Arau juga!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Termasuk Araulah. Neraka itu dicipta oleh Allah S.W.T untuk letak orang-orang mungkin macam Yang Berhormat bagi Kepong dan juga orang-orang yang membuat kerja-kerja yang tidak amanah, yang membuat kerja-kerja yang....

Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, Sri Gading bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Silakan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sahabat saya Jerai. *You* tidak boleh bertanding Pengerusi, *you bertanding* Timbalan. *[Ketawa]*

Saya tertarik dengan dialog di antara Yang Berhormat bagi Kepong dengan Yang Berhormat tentang Jalur Gemilang ini. Sebagai pernyataan kita, antara cara-cara kita mencintai negara ialah memasang bendera, mengibarkan bendera atau sekarang ini yang lebih terkenal dengan Jalur Gemilang.

Tetapi faham atau tidakkah Yang Berhormat bahawa ada sesetengah rakyat yang sebenarnya tidak menghormati Jalur Gemilang ini dalam penghormatan yang sebenar-benarnya, malahan termasuk menteri. Minta maaf. Kalau bendera besar, dikibarkan pada waktu Hari Persekutuan, macam Hari Kemerdekaan, apakah ia duduk di sebelah kanan bendera negeri atau di sebelah kiri bendera negeri dari sudut pandangan kita?

Jabatan kerajaan pun kadang-kadang tidak dapat hendak membezakan cara penghormatan kepada bendera ini. Dalam hari-hari yang tertentu, kalau hari jadi Sultan bahawa bendera negeri harus berada di sebelah kanan, Bendera Persekutuan di sebelah kiri. Begitu juga tentang pengibaran bendera kecil. Saya dukacita apabila TV menayangkan, ada orang mengibarkan bendera kecil ini sepatutnya ia dikibarkan di atas kepala tetapi ada menteri yang mengibarkan begini – di bawah. *[Menunjukkan cara mengibarkan bendera menghala ke bawah]*

Maknanya, pengibaran itu tidak betul. Jadi, kalau kita kibar-kibar pun tetapi kibar macam, *Negaraku!* *[Menyanyikan lagu Negaraku sambil menggoyangkan tangan se olah-olah mengibarkan bendera]* Dia tidak kena. Dia harus di atas. Siapa yang mengajar ini semua? Siapa yang hendak menunjukkan ini? Ini masalah.

Kemudian, pihak swasta, ia mempunyai tiga tiang, yang di tengah, kiri dan kanan. Dia pasang bendera syarikatnya di tengah-tengah, Bendera Persekutuan dan negeri-negeri di sebelah kiri dan kanan. Ini salah sangat. Dia tidak boleh mengutamakan bendera syarikat dia, pertubuhan dia. Dia mesti mengutamakan Bendera Persekutuan, barulah kita menghormati Jalur Gemilang atau bendera sebagai lambang negara. Ini tidak ada siapa hendak tegur! Itu yang pertama.

Kemudian, bendera mempunyai warna-warna tertentu - merah, putih, biru dan kuning – Bendera Persekutuan. Tetapi kalau dah bendera yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi, bendera itu sudah usang, birunya sudah tidak biru lagi, merahnya sudah tidak merah lagi, maknanya warna bendera itu sudah bertukar, maka malang sekalilah kalau ada jabatan kerajaan masih mengibarkan bendera yang sudah tidak tepat dengan warna asal. Maknanya ia harus diganti. Itulah dalam erti kata hendak menghormati bendera sebagai lambang negara.

Perkara-perkara seperti ini siapa yang hendak mengajar? Siapa yang hendak tunjuk ajar supaya benar-benarlah kita menghormati Jalur Gemilang sebagai bendera. Zaman dahulu bendera itulah lambang kemenangan. Dia mesti di atas. Kadangkala

saya tengok penerjun membawa bendera dalam pertunjukan (*exhibition*) yang berkaitan dengan Hari Kebangsaan, jatuh bendera itu meleret ke tanah. Dia tidak peduli bendera ini. Payung terjunnya dikemaskan dahulu. Maknanya bendera sudah jatuh ke tanah. Walaupun pada asalnya dia hendak menghormati bendera tetapi sebenarnya dia menghina bendera dan apabila dia menghina bendera di hadapan kita, maknanya dia memijak kepala kita. Siapa hendak terangkan ini, tentang penghormatan kepada bendera sebagai lambang sebuah negara?

Sila Jerai, calon Timbalan Pengerusi Tetap. Jangan lawan tauke. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Sudahlah kita beri laluan, beri amaran pula lagi. Sudah putus dah, borang pun saya sudah *confirm* dah Yang Berhormat – Timbalan Pengerusi Tetap. Saya bagi laluan.

Kes bendera – hak lain tidak tahulah. Hak kipas di bawah itu kot fasal dia hangat di sebelah bawah. [*Ketawa*] Itu mungkin. Kementerian yang patut bertanggungjawab ialah Kementerian Penerangan, kalau tidak silap saya. Mereka boleh turun menjelaskan begini cara kita letak bendera, begini letaknya kerana dalam peperangan, Tuan Yang di-Pertua, panji-panji itu adalah maruah. Sebab itu dalam peperangan kalau yang memegang bendera itu terkorban, seorang lagi itu mesti sambar bendera itu dan jangan bendera itu gugur di bumi. Kalau seandainya bendera itu gugur di bumi, samalah seperti kita ini tergugur di bumi kita sendiri. [*Tepuk*] Macam mana, Okey? [*Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Sri Gading*] [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, jadi panji-panji ini harus kita hormati. Tengok ini, bendera-bendera kita ini, bendera-bendera kita yang ada di sebelah kiri dan kanan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya tidak nampak bendera Jalur Gemilang, ada *tang* mana? Di sebelah sana? Itu bendera Wilayah Persekutuan.

Jadi, saya minta kalau boleh pihak Parlimen memacak bendera itu di belakang Tuan Yang di-Pertua, [*Ketawa*] Fasal dia bendera *Federal*, yang ini *state*.

Tuan Yang di-Pertua, yang hendak saya hendak bercakap di perbahasan ini, saya bawa ke bendera kerana saya hendak datang ke perbahasan lagi kerana pertamanya, kita kena memahami kedaulatan negara kita, lambang negara kita ialah bendera. Sebab itulah di persidangan-persidangan antarabangsa bendera kita dikibar, kalau negara kita menghadiri persidangan tersebut.

Di Bangsa-Bangsa Bersatu, walaupun itu adalah bukan negara Malaysia, bendera kita berkibar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong bangun pula, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Sila, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bagi Jerai itu, Bukit Jerai,

Seorang Ahli: Gunung Jerai!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya? Macam mana gunung pula, tidak sampai! [*Ketawa*] Tidak sampai gunung, bukit pun lebih kurang sahaja. Kita tidak boleh juga menghina orang juga itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sanggup bersetuju dengan Tumpat dan orang-orang yang lainlah, daripada esok kita letakkan Jalur Gemilang di belakang ini. Mungkin satu di sebelah situ, di sebelah sini, jadi dualah. Kita akan cadangkanlah, ya? Letakkan Jalur Gemilang di kedua-dua belah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, sudahlah! Pertama, saya sudah memberi cadangan, Yang Berhormat hendak tumpang *tui* fasal apa? [*Ketawa*] Cadangan saya suruh memacak Bendera Persekutuan di belakang. Jadi, Yang Berhormat tumpang *tui*.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Biasalah, pembangkang tumpang *tui*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, lepas itu Yang Berhormat dan rakan-rakan menghina saya, menghina Parlimen saya. Gunung Jerai itu terletak di dalam peta negara Malaysia, disebut Gunung Jerai bukan Bukit Jerai!

Yang Berhormat kurang arif, harus tarik balik. Kalau tidak saya akan *hot*. [Dewan riuh] Mana ada busut. Saya hendak beri tahu Malaya, yang boleh jadi Malaya itu kerana Gunung Jerai, Yang Berhormat kena ingat.

Pelayar-pelayar India masuk mai, dia belajar, kemudian dia nampak gunung. Bagi bahasa India, gunung itu malai (bahasa Tamil). Mana Cameron Highlands? Cameron Highlands tiada....[Dewan riuh] Baguilah dia tak adak. Gunung itu "malai" dia panggil. Di situlah yang dinamakan Malaya.

Itu Yang Berhormat kena sedar Yang Berhormat? Gunung Jerai, gunung itu dalam bahasa Tamil (malai). Di situlah terciptanya nama Malaya dan sekarang ini nama Malaysia. Kalau tak adak Gunung Jerai,Yang Berhormat tengah dilambung angan-angan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagikah tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, saya bagi, kasihan dekat dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat tunjukkan di mana, laut mana kita boleh nampak Jerai? [Ketawa] Mengelirukan Dewan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Untuk makluman Yang Berhormat,adalah kawasan yang terindah sekali di Malaysia dan satu pelawat daripada Switzerland bila dia datang ke daerah Yan, dia jumpa saya di tepi jalan kerana dia terpinga-pinga, saya turun dekat dia, saya kata encik, apa yang saya boleh bantu? Dia kata, "*I cannot speak your language.*"

Okey, okey *is there anything I can do for you?* Dengan izin. Dia kata kat saya. "*Guy, [Ketawa] [Dewan semakin riuh]* dia tepuk belakang saya. "*This is wonderful, your place is fantastic.*" Itu pelancong daripada Switzerland dan cogan kata, "Daerah Seriah, Daerah Pelancongan, Daerah Bersih". Dia ada laut, dia ada gunung. Dia ada sawah dan sungai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dengan izin Yang Berhormat dan saya hendak mengekspreskan

Dr. Tan Seng Giaw: Orang itu tidak fasih dalam bahasa Inggeris sekarang dia begitu fasih bagi dia tahu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana pulak!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey Yang Berhormat, kerana dia seorang pelancong datang dari Switzerland.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mula-mula saya bercakap dengan bahasa saya iaitu Bahasa Kebangsaan. Tetapi pelancong ini tidak memahami apa yang saya katakan. Saya takut, dia ingat saya tidak berapa *steady*, [Dewan riuh *semula*] jadi, saya gunakan bahasa Inggeris, lepas itu barulah orang Putih ini ataupun orang Switz ini dia mengatakan begitu indahnya.

Mana Yang Berhormat boleh tunjuk kepada saya sebuah gunung yang terletak di dalam bandar? Gunung Kinabalu dalam hutan. Gunung-gunung lain semua dalam hutan. Hanya Gunung Jerai yang berada di dalam bandar. Itulah tempat Parlimen saya Yang Berhormat dan di gunung itu ada satu kubur. Sila-silap hari bulan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat pergi, nahas Yang Berhormat. Tanpa izin daripada Ahli Parlimen Jerai.... [Dewan riuh]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat. Ketereh bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Jerai. Saya hendak bantu Jerai dan hendak bagi penerangan sedikit kepada Kepong yang bercakap pasal gunung.

Dalam ilmu ukur topografi, untuk menentu *trigonometry point*, untuk membuat peta topografi, kita mesti buat *trigonometry observation*, batu cerapan di antara puncak gunung dengan izin dan di Kedah, gunung yang dipakai ialah Gunung Jerai kerana tempat itu di atasnya ada satu stesen *trigonometry*, di Perak, Gunung Korbu. Di Langkawi, Gunung Mat Cincang kalau tidak silap saya.

Ini *trigonometry* yang ada dan saya boleh sahkan dari segi topografinya, Gunung Jerai adalah sebenarnya gunung diiktiraf oleh topografi. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itulah Yang Berhormat kalau seseorang itu ikhlas sudah tentu ada orang yang mempertahankan. [*Dewan riu*]

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kita kepada bahasa. Apabila maruah terbela, nasib bangsa terjamin, negara aman dan tenteram.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini bahasa untuk mahkamah Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Kerana saya hendak beritahu ini betapa besarnya bahasa bagi kita. Kita kena bangga dengan bahasa kita. Kita jangan merasakan kalau kita tidak boleh, kita tidak boleh ekspres dalam bahasa Inggeris dalam sesuatu ucapan ataupun dalam sesuatu temu duga, kita ini "lekeh" orang Kedah kata ataupun kita ini koman ataupun *not up-to-date*, dengan izin kerana bahasa kita ini Tuan Yang di-Pertua adalah bahasa yang menyatupadukan segala rakyat yang ada dalam negara kita ini.

Semua orang '*reti*' bahasa Melayu atau bahasa Malaysia. Inilah yang harus kita fikirkan supaya di mahkamah sendiri pun, saya ingat kalau bahasa Inggeris tidak ada di dalam bahasa Melayu, kita adakan. Apa salahnya. Kita ada banyak pemikir, kita ada banyak profesor, kita ada banyak pensyarah, kita ada banyak tokoh politik yang boleh kita duduk dan boleh kita cari satu bahasa. Bahasa Melayu untuk menggantikan bahasa Inggeris. Itu tidak menjadi masalah kerana kalau di negara lain boleh menggunakan bahasa mereka di dalam mahkamah, apakah setelah 47 tahun kita merdeka, kita tidak mampu menggunakan bahasa Malaysia di mahkamah? Sedangkan kita memerdekakan negara kita. Kita meminda Perlembagaan kita. Kita mengadakan Perlembagaan kita sendiri, kita meminda peraturan-peraturan mahkamah. Kita meminda segala-galanya di Dewan Rakyat ini dengan menggunakan bahasa kita.

Saya berasa alasan tidak boleh menggunakan bahasa Inggeris di tempat-tempat tertentu di mahkamah atau di mana-mana kerana kekurangan bahasa Melayu untuk menggantikan bahasa Inggeris itu tidak boleh diterima pakai.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pemikir gunalah, panggil ahli-ahli bahasa duduk, pakar-pakar macam daripada Kepong mari duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya belum habis lagi ucapan, Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagikah tidak Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada fasal di dalam rang undang-undang ini [*Membalik-balikkan bill*] Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(2) Akta 92 sahaja. Tetapi tidak disebutkan bahasa di dalam. Walhal bahasa memang di sini, di Dewan kita pun semua orang bertutur di dalam bahasa, berpidato di dalam bahasa. Tidak jadi masalah. Di mahkamah pun tidak jadi masalah. Apa masalah sekarang dengan Jerai?

Yang jadi masalah itu, kita tidak ada guru-guru bahasa yang cukup hebat, yang berkaliiber, itu masalah kita. Yang kedua itu, penyalahgunaan bahasa. Bertahun-tahun kita kata di sini dekat dengan Parlimen pun kita ada 'persiaran' itu..... *dry, dry*

'persiaran' itu kalau ada 'r' memang menunjukkan ini ada stesen penyiaran seperti RTM, tetapi di seluruh negara, pada berdekad-dekad dia bubuh 'persiaran'. Itu masalah kita sekarang di sini.

Itulah, memang Yang Berhormat Jerai mesti menumpukan perhatian. Kita hendakkan guru-guru bahasa yang berkualiti di semua aliran sekolah. Ini caranya, tidak jadi masalahlah di mahkamah kerana semua orang itu pakar bahasa. Ini masalahnya. Apa pandangan Yang Berhormat? Termasuklah di Jerai. Di Jeraipun di situ kadangkala bukan bahasa baku sangat. Saya tidak bantah. Bukan bahasa baku sangat. Kadangkala loghat Kedah itu keluar, sampai kita pun tidak faham. Kalau kita hendak bercakap bahasa, kita mesti baku. Baku sendiri dahulu. Saya bukan kata tidak ada mahkamah sama ada Rendah, Sesyen ataupun Persekutuan, saya percaya semua orang boleh menggunakan bahasa. Tetapi dari segi istilah, kerana mereka tidak gunakan undang-undang yang digunakan oleh Kesultanan Melaka 500 tahun yang dahulu, ia ada mahkamah sendiri. Tetapi dia gunakan sistem bahasa – Britishlah itu. Kalau digunakan sistem bahasa daripada Kesultanan Melaka dahulu, tidak jadi masalah istilah dan sebagainya. Ini masalah istilah, pentafsiran dan sebagainya. Itu sahaja. Takkan Yang Berhormat bagi Jerai hendak tukarkan semua sistem di dalam mahkamah kita. Adakah itu maksud?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebenarnya Tuan Speaker, Yang Berhormat bagi Kepong sendiri pun mencemar bahasalah. Yang saya bercakap ini bahasa 'betoi'. [*Ketawa*] 'k-a ka, t-a ta = kata' bukan 'kate'. 'S-a sa, y-a ya = saya' bukan 'saye'. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi yang 'betul' itu Yang Berhormat jadi 'betoi' kenapa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 'B-e be, t-u-i toi = 'betoi' [*Ketawa*] Memang saya bersetuju. Yang Berhormat bagi Kepong ini *special*, bahasa Jawi pun Yang Berhormat boleh baca. Yang itu saya tabik kepada Yang Berhormat, bahasa Jawi pun boleh. Tetapi itu saya katakan kerana kita Malaysia ini terdiri daripada berbilang bangsa. Walaupun kita rumpun Malaysia tetapi kalau di Kelantan bahasa dia lain. Kita kata duit, dia kata 'pitih'. Di Terengganu, macam baru-baru ini pilihan raya kalau saya bangkit bersyarah bahasa Kedah, orang Terengganu mungkin dia tidak faham, pasal dia orang kata 'makan' dia 'makang'. Hak 'jalan' tak usahlah, segan saya hendak cakap.

Jadi, bahasa itu bahasa kenegerian. Jadi, yang kita perlukan supaya dalam undang-undang negara kita ini yang digunakan oleh mahkamah kita gunakan bahasa Malaysia, tak payah kita guna lagi *interpreter* ataupun jurubahasa. Kerana kalau hakim itu memahami boleh menjatuhkan hukum dalam bahasa Malaysia, kemudian semua rakyat Malaysia yang terhukum itu ataupun yang dibicarakan itu memahami bahasa Malaysia kita, kecuali barangkali orang pendatang ke negara kita yang tidak memahami bahasa kita bolehlah kita guna jurubahasa. Apa bezanya datuk hakim kata "saya hukum awak tiga tahun," dia pun pi bisik telinga kawan itu "awak kena tiga tahun." Pasal apa, kalau hakim itu sudah boleh guna bahasa ibunda kita dan yang dibicara pun memahami bahasa Malaysia, bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kasihan dia, kasihan dia, dia dok 'mamun' lagi pasal naik kapal terbang.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Nampaknya dari perbincangan, perbahasan kita hari ini kita menjurus kepada pengaruh bahasa dalam sistem perundangan ataupun mahkamah kita di mana kita pula menjurus kepada bahasa Inggeris, penggunaan bahasa Inggeris dalam mahkamah dan bahasa Inggeris yang dibahasa-Malaysiakan dan sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang pengaruh bahasa-bahasa luar ini bukan sahaja terdiri daripada bahasa Inggeris, bahkan bahasa Arab, 'lughatul-Arabii' ini pun memainkan peranan juga di dalam sistem perundangan kita.

Perkataan 'hakim' itu sendiri sebenarnya datang daripada bahasa Arab, dan bahasa Arab juga adalah merupakan bahasa yang pernah menular di negara kita satu ketika dahulu. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang penggunaan bahasa-bahasa ini dan pengaruhnya di dalam bahasa Malaysia kita dan bagaimanakah kita dapat mengatasinya dengan cara mengadakan satu istilah baru selain daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris ini? Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya bersetuju kerana sebenarnya yang jadi macam ini, bahasa kita campuran bahasa India, campuran bahasa Cina, campuran bahasa Arab, kerana ia berasal daripada pedagang-pedagang zaman dahulu, Tangga Batu. Macam perkataan 'yakin' itu adalah bahasa Arab. Ada lagi dua tiga perkataan macam bahasa Sanskrit daripada Kerajaan India. Kadang-kadang bahasa Cina pun ada juga diselitkan dengan bahasa-bahasa Melayu, 'cincai' [*Bercakap dalam bahasa Cina*], dengan izin, bermakna "buat kerja main-main".

Jadi, di sini kerana disebabkan oleh asalnya bahasa kita. Jadi, sekarang ini kita hendak modenkan bahasa kita. Kita hendakkan semua rakyat ini menghormati bahasa kita. Kita berasa bangga bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Nanti sat, tengah dok naik semangat ni. Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:adalah bahasa jiwa kita, bahasa jiwa bangsa kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, hendak bagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, saya berharap Yang Berhormat balik ke rumah fikir dengan masak-masak. Saya mengalu-alukan semua dialek ataupun loghat daripada Kedah. Kedah sendiri pun, kita daripada Utara, Selatan, Timur dan Barat pun tak serupa juga. Ini memang kekayaan bahasa. Kalau hendak kira menyerapkan bahasa-bahasa yang lain, seperti 'kong kali kong' macam mana kita hendak tukarkan lagi. Kita sudah terima. Jangan lakukan 'kong kali kong', perkataan itu kita sudah terima, macam mana kita hendak tukar lagi, 'tanglong' macam mana kita hendak tukar lagi, 'tetuang udara' radio, macam mana kita hendak tukarkan lagi. Masalah itulah.

Saya mencadangkan supaya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka setakat kita bakukan bahasa ini di semua peringkat dan sebagainya, tetapi kita benarkan loghat-loghat dan sebagai penyerapan bahasa-bahasa yang lain. Seperti sekarang di Melaka ada satu perkataan baru 'graha', walhal kita ada 'wisma', 'bangunan' dan sebagainya tetapi orang di situ bekas Menteri Besar kata tak mahulah kita hendak gunakan 'graha' kerana bahasa Sanskrit 'graha' itu tak guna. Dia guna 'graha' itu di Jalan Graha Makmur adakan di Melaka yang baru itu. Adakah Yang Berhormat tidak setuju dengan itu. Saya memang tak setuju kerana ini bahasa rasmi. Jalan kita, papan tanda kita, kita mesti menggunakan bahasa yang perkataan itu boleh diperlihatkan di dalam kamus kita. Kalau Kamus Dewan kita cari 'graha – g-r-a-h-a' tidak ada, memang tidak ada.

Yang Berhormat, kita mestilah mendalami masalah ini dengan betul, jangan cakap sahaja. Bahasa ini rumit. Orang Perancis ada *tourist* yang mengagungkan keaslian bahasa Perancis, tetapi saya nampak bahasa luar daripada Amerika terutamanya masuk ke dalam bahasa Perancis juga. Ini masalah bahasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong. Sebenarnya kitalah sendiri sebagai rakyat Malaysia kena menggunakan bahasa kita dengan betul. Dewan Bahasa adalah pusat bahasa kita. Sebenarnya saya sudah hendak mencadangkan supaya diadakan undang-undang. Macam sekarang ini syarikat, dia hendak tubuh syarikat dia kena tulis dekat ROC, Pendaftaran Syarikat sama ada nama ini boleh atau tidak boleh digunakan.

Begitu juga apabila kita hendak membuat sesuatu, hendak membuat binaan, membuat jalan, hendak bagi nama jalan, apa salahnya agensi-agensi kerajaan, badan-badan kerajaan ataupun jabatan-jabatan kerajaan rujuk dahulu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka supaya Dewan akan memberi sama ada nama yang hendak dicadangkan itu sesuai atau tidak sesuai, sama ada ia mencemar atau tidak mencemar bahasa kita itu. Kadang-kadang kita tidak buat itu, kita ambil tak kisah. Akhirnya bila sudah terbentang nama itu, ia jadi satu gurauan, satu mainan. Sebenarnya itu adalah satu penghinaan, kalau kita menghina bahasa kita, kita menghina diri kita. Kita tidak boleh menghina bahasa kita, kerana itu diri kita, kerana kita mengamalkan bahasa kita..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jerai. Kita bercakap soal bahasa ini, saya tengok dalam pindaan ini ada juga disebut pindaan Seksyen 22 itu digantikan dengan menggantikan noktah, di

hujung subperenggan dengan koma bernoktah, maknanya tanda-tanda dalam ayat ini juga penting, misalnya saya bagi contoh Yang Berhormat hendak minta penjelasan 'Mat, itu buruk', maknanya hendak beritahu Mat ada buruk, tetapi kalau 'Mat itu buruk', tidak ada koma, bermakna Mat itu buruk atau Mat buruk, maknanya Mat itu digelarkan buruk.

Tetapi kalau buruk Mat, jadi buruk itu Mat punya atau buruk tanda seruan! Mat, hendak bagi amaran (*caution*) kepada Mat bahawa ada buruk, jadi maknanya tanda-tanda ini selain penggunaan bahasa, tanda koma, noktah dalam mahkamah ini sangat-sangat mustahak, silap koma, silap noktah, silap tanda boleh jadi yang mati boleh jadi hidup, yang jatuh hukum mati boleh lepas, boleh bersetuju dengan saya Yang Berhormat, soal tanda-tanda?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Kes nyawa saya bersetuju sangat Yang Berhormat pasal ini perundangan, saya setuju Yang Berhormat kata iaitu kena betul-betul yang ini, jadi kita jangan anggap bahawa kita ini ketandusan ahli-ahli bahasa Yang Berhormat Kepong, kita cukup banyak ahli bahasa. Cumanya ahli-ahli bahasa ini kadang-kadang tidak diberi satu penghormatan untuk kita menimba ilmu daripada mereka, kita tidak mahu merujuk kepada mereka. Kita anggap mereka ini menyusah nanti dia komen itu, komen ini. Tetapi mereka ini adalah ahli dan pakar bahasa yang kadang-kadang saya sendiri pun tidak memahami dan bahasa Inggeris pun ada dua benda, kalau kita kata *peace*, macam ini *peace*, lagi satu *miss* itu buang air, *peace* juga bahasa kan. Jadi, bukan setakat bahasa Melayu sahaja problem, bahasa lain pun problem, jadi yang di sinilah saya minta bahawa di mahkamah kalau apa sekalipun kita ada Dewan Bahasa dan Pustaka tempat rujukan bahasa.

Jadi, saya minta di penghujung perbahasan saya ini supaya sempena dengan kemerdekaan kita, kita merdekakanlah bahasa kita itu dengan sebaik-baiknya, kita mendaulatkan bahasa kita itu dengan sebaik-baiknya dan kita jagalah bahasa kita itu seperti kita menjaga anak kandungan kita, kerana bahasa itu Tuan Yang di-Pertua, adalah menunjukkan identiti kita dan identiti ini kita sendirilah yang kena menjaganya, tidak orang lain yang boleh menjaga identiti ataupun diri kita sebagai bangsa Malaysia. Jadi saya berharap dengan rang undang-undang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya. Okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat Jerai, boleh saya teruskan. Bahasa jiwa bangsa, bahasa jiwa bangsa merujuk Malaysia ialah Bahasa Kebangsaan yang ditukar nama untuk dinasionaliskan yang berasal daripada bahasa Melayu. Yang menjadi masalah orang Melayu pun tidak cinta bahasanya, orang Melayu sudah tak cinta pada bangsanya, sudah tidak cinta pada bahasanya ini menjadi masalah, kalau bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan tidak dicintai oleh peribumi orang Melayu sendiri, bagaimana kita hendak mengharapkan suku yang lain menghormati bahasa ini.

Soal penggunaan dalam mahkamah, soal penggunaan dalam lapangan-lapangan yang lain. Mak cik, saya di kampung dah takut hendak datang ke Kuala Lumpur ini, sudah takut, dia kena bawa teman anak saudaranya yang fasih berbahasa Inggeris, dia rasa Kuala Lumpur ini bukan sebahagian daripada tanah Malaysia yang berasal daripada Tanah Melayu. Kuala Lumpur ini sudah asing bagi mak cik saya yang di kampung, takut dia, kerana orang menggunakan bahasa yang dia tidak faham. Jadi, hendak datang ke Kuala Lumpur dia kena bawa anak saudara dia yang pandai bahasa Inggeris, begitulah bagaimana penghinaan bahas Melayu – Bahasa Kebangsaan dalam negaranya sendiri, ini masalahnya. Sebab itu pejuang-pejuang bahasa sudah rasa macam putus asa, sudah rasa kecewa kerana melihat tingkah laku dan kerenah orang Melayu itu sendiri tentang bahasanya sendiri.

Menteri sudah campur bahasa, saya hendak tanya Yang Berhormat Jerai, ada Menteri cakap satu hari satu malam 24 jam, *hundred percent* atau seratus peratus bahasa Melayu? Bercampur dia, bercampur. Saya tengok di pusat membeli-belah, sengaja datin ini bercakap Inggeris dengan anak dia seolah-olah bahasa Inggeris itu menjadi status yang boleh memuliakan dia. Hai, baru engkau datin sahaja, sudah hilang Melayu dia, hendak memperagakan, baru dia orang yang moden, orang yang maju, orang yang,..... sikap inilah dan kalau anak-anak kita dah kita gunakan bahasa yang bukan bahasa kita, apakah yang kita harapkan apabila mereka membesar.

Ini, soal swasta menggunakan bahasa, ada seorang pengundi saya bangsa China datang jumpa saya dia mengeluh kerana dapat surat *warning*, surat amaran daripada *lawyer* menggunakan bahasa Inggeris yang dia pun tidak faham. *Lawyer* Cina beri surat kepada Cina gunakan bahasa Inggeris dia mengeluh kerana katanya, kalau gunakan bahasa Melayu merangkak-rangkak pun dia faham. Ini rintihan.

Jadi, kedaulatan bahasa Melayu di negara ini sebenarnya semakin lama semakin muram dan orang-orang di Dewan Bahasa dan Pustaka saya ingat lama-lama dia cuma akan jadi 'gajah putih' sahajalah – satu institusi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga bahasa, tetapi kerana arus perdana yang menggunakan bahasa Inggeris lebih didaulatkan, maka bahasa Melayu akan terus terpinggir. Inilah masalah di hadapan kita, kita bukan anti bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Jerman, bahasa Perancis belajarliah, kita menggalakkan rakyat kita mempelbagaikan penggunaan bahasa-bahasa di dunia ini, bahasa utama, sila. Tetapi, kenapa kedaulatan bahasa sendiri dikesampingkan, jadi apa pandangan Yang Berhormat Jerai. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Sri Gading, bukan mak cik Yang Berhormat sahaja takut mari ke Kuala Lumpur, saya sendiri pun naik takut mari ke Kuala Lumpur ini dan saya bersetuju dengan pandangan Sri Gading, bukannya saya anti kepada bahasa-bahasa lain, memang lebih banyak bahasa kita pelajari lebih baik untuk diri kita, kerana dalam Islam dia kata menuntutlah ilmu hingga ke negeri Cina, Rasulullah pun suruh pergi sampai ke negeri Cina belajar, sebab itu saya boleh sikit bahasa Cina.

Jadi, dia suruh bukan kata larang dan kita pun bersetuju bukan tidak bersetuju. Tetapi kita daulatkan bahasa kita, saya bersetuju dengan kerajaan hendak suruh anak-anak kita belajar bahasa Inggeris, belajar bahasa Arab itu bagus, bagus, bagus tidak ada siapa yang membangkang kerana satu hari nanti kalau dia hendak pergi melanjutkan pelajaran, menimba ilmu mudah bagi mereka, kita belajar bahasa Korea, belajar bahasa Jepun bagus bagi mereka, tetapi jangan kita tinggalkan bahasa ibunda kita, bahasa yang kita persetujui bersama dalam Perlembagaan, kerana hendak meletakkan taraf kedudukan kita konon lebih tinggi kalau kita boleh bercakap dalam bahasa Inggeris. Kalau Tuan Yang di-Pertua, tengok TV kadang-kadang saya merasa sedih.

Juruacara itu bercakap pula dalam bahasa Inggeris dengan dia, keluar pula *subtitle* di bawah itu. Tidak tahu dipanggil apa dalam bahasa Melayu [*Disampuk*] tulis dalam bahasa Melayu. Kalau dia tidak boleh bercakap bahasa Melayu, yang hang ambil mai *interview* buat apa. Orang lain banyak lagi. Jadi, yang ini yang kita lihat.

Kemudian kita lihat, bukanlah saya anti kepada *shows* ini, tetapi kita tengok macam mana *show* itu ditunjukkan, dipamerkan dengan menggunakan bahasa cacamarba, kalang kong kali kong, gunakan bahasa-bahasa yang kadang-kadang kita nampak – Yalah, generasi muda kata, "*Dato', yang itu zaman Dato', tidak bolehlah. Zaman kami different, berbeza*", dia kata.

Yalah, berbeza apa kalau juruacara pun lelaki tidak, perempuan pun tidak, lembut sahaja. Itu pun orang seronok. Kalau hendak yang lembut betul, ambil perempuan, kalau hendak keras betul, ambil lelaki. Apa ambil juruacara yang setengah lembut, setengah keras ini. [*Ketawa*] Dengan rambut terpacak tidak tentu fasal. Jadi, saya pun

Itu yang kita hendak bina generasi bangsa Malaysia macam mana? Kalau dok mai macam ini, Tuan Yang di-Pertua, susah hati saya ini, cukup susah hati. Jadi, pakat-pakat bertanggungjawablah, kementerian-kementerian pun bertanggungjawab, Kementerian Belia dan Sukan pun, Menteri Kementerian Belia dan Sukan pun ada, bertanggungjawab. Binakan generasi-generasi belia ini menjadi belia yang sayangkan bahasa, sayangkan negara.

Janganlah sana ada *show*, sini ada *show*, dia keluar, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tengok naik susah hati. Saya ada anak, anak saya tengok TV, saya kata tutup, hak ini jangan tengok. Pakai SMS 15 juta. Apa *show* itu? [*Disampuk*] Bukan '*Sure Heboh*', '*Fantasi*'....

Seorang Ahli: '*Fantasia*'.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: '*Fantasia*' [*Ketawa*]. Empat, lima orang dok wat wit-wat wit, seriau, sini dok tekan. Lepas itu minta duit pada emak bapa. Pembaziran. Kita kena latihlah anak kita jangan membazir. Apa yang kita dok membazir itu.

Jadi, di sini kita pun sebagai agensi-agensi kerajaan, jabatan kerajaan, hendak fokus apa pun, hendak buat apa pun, dia timbanglah. Bukanlah saya kata kita ini

antisosial, kita tidak mahu negara kita maju, tidak semestinya. Pakai selalu *jeans*, elok-elok dikoyak lepas itu ditampung, yang itu kemajuan? Tidak semestinya pakai selalu *jeans* sekerat, pakai baju sekerat, nampak pusat muih keluar, itu kemajuan?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Yang Berhormat bagi Ledang. Sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Nampaknya walaupun kita sedang berbincang tentang Rang Undang-Undang Mahkamah Rendah, isu bahasa menjadi sangat kritikal. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai setuju, jika saya katakan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka lebih dituntut untuk membetulkan keadaan dan dalam hal ini Dewan Bahasa dan Pustaka perlu ada individu-individu yang terlibat dalam hal bahasa yang datangnya daripada profesion-profesyon tertentu.

Dalam bidang undang-undang misalnya mesti ada wakil-wakil daripada bidang perundangan, terutamanya mereka yang berpengalaman, dalam bidang kejuruteraan dan sebagainya. Maknanya, ada peguam yang berpengalaman, ada wakil peguam yang berpengalaman, ada wakil hakim-hakim yang berpengalaman dan sebagainya supaya bahasa yang akan digunakan lebih tepat dan ertinya, atau tafsiran kepada sesuatu undang-undang misalnya, juga lebih tepat supaya sesuatu hukuman yang akan dijatuhkan juga tepat, supaya sesuatu perbicaraan juga lebih tepat.

Begitu juga dalam bidang-bidang yang lain, sebab kesannya sangat besar. Pada masa yang sama, adakah Yang Berhormat setuju, sekiranya Dewan Bahasa dan Pustaka gagal berperanan, rakyat akan menghukumnya, seperti dalam pilihan raya. Kalau parti kurang berperanan, rakyat yang menghukumnya. Dalam soal bahasa, sekiranya Dewan Bahasa dan Pustaka tidak berwibawa, rakyat akan mendahului Dewan Bahasa dan Pustaka dalam hal-hal bahasa.

Keluarlah perkataan-perkataan ataupun apa-apa juga yang lebih dahulu daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak ada pilihan membetulkan keadaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya buat apa pun tidak apa. Hendak suruh buat apa pun tidak apa. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat kerana kalau kita tidak jaga bahasa kita, sepertilah kita tidak jaga diri kita. Jadi, saya menyarankan, pada penghujung ucapan saya ini, sekali lagi supaya setiap individu yang dinamakan rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan, bangsa dan kaum, kita berpakat untuk kita jaga bahasa kita ini tanda mercu maruah bangsa Malaysia ini.

Semua bertanggungjawab. Dari segi bahasa, dari segi akhlak, anak-anak kita, generasi yang akan datang, maknanya kalau dia seorang pegawai, dia pastikan apa yang dilakukan itu adalah untuk kebaikan. Kalau dia seorang *programmer* ataupun yang membuatkan program-program di TV pastikan bukan hanya untuk mengaut keuntungan, tetapi juga jangan keuntungan itu merugikan bangsa, merosakkan akhlak, menjatuhkan maruah, imej negara kita.

Jangan kita merasa bangga dengan budaya Barat yang merosakkan kita, merosakkan generasi anak bangsa kita. Budaya Barat diperalatkan mereka untuk merosakkan generasi kita. Mereka cuba menguasai politik dunia, mereka cuba menguasai ekonomi dunia, dan mereka akan cuba menguasai budaya dunia, supaya kita ikut telunjuk mereka, menjadi bangsa yang menunduk kepada bangsa Barat di negara kita yang merdeka ini.

Apa erti kemerdekaan, Tuan Yang di-Pertua, kalau bangsa kita ini menjadi bangsa yang terhina di atas muka bumi Allah ini. Jadi, itulah ucapan saya dan saya menyokong

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okaylah. Sekejap lagi saya *stop* terus. Sila, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Hebat Jerai ini, hebat. Hebat Jerai ini, sehebat Gunung Jerai itu sendiri. Saya kagum.

Menyentuh tentang cetusan yang terakhir Yang Berhormat bagi Jerai, soal anak muda yang boleh merosakkan bangsa. *Akademi Fantasia* saya ingat, salah satu lagi cabang yang boleh merosakkan generasi akan datang. Saya tidak nampak *Akademi Fantasia* boleh menolong apa yang hendak dihasratkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi.

Saya kadang-kadang sebagai orang Melayu, rasa begitu pilu, sedih, lagu-lagu yang diperdengarkan oleh penuntutnya terutama dipertandingan akhirnya, *diakhirnya*, entah apa-apa lagu. Entah apa-apa lagu.

Saya juga peminat seni dan saya mengikuti secara dekat seni ini, entah apa-apa lagu. Lagu yang tidak menepati kalau Allahyarham Tan Sri P. Ramlee hidup, Zubir Ahmad hidup, Jaafar Ahmad hidup dan mungkin Kassim Masdur hari ini mungkin Dato' ke apa, pengubah lagu, tidak masuk lagu-lagu itu sebab dalam kategori lagu, di mana iramanya? Iramanya di mana? Tidak ada? Melodinya itu di mana, tidak ada kemelayuan, tidak "cocok", kata orang Indonesia dengan telinga kita. Entah apa-apa gendang perang, lebih tepat kita katakan macam "gendang perang". Macam *Akademi Fantasia*, apa salahnya lagu-lagu akhir yang dinyanyikan, jemputlah pengubah-pengubah lagu yang terkenal supaya mutu lagu yang diperdengarkan di saat akhir yang mendapat liputan yang meluas dan menjadi ikutan jutaan, jemput pengubah lagu yang terkenal Indonesia, Bong.

Apakah tidak harus kamu mengubah saya satu lagu untuk dijadikan lagu wajib bagi peserta di saat akhir? Pergi ke Singapura cari Kassim Masdur umpamanya, pergi ke mana pengubah-pengubah lagu yang terkenal? Adalah mutu, melodinya, seni katanya dan sebagainya. Ini kita hanyut sebenarnya, seni kita sedang dihanyutkan oleh konon orang-orang yang mendukung seni tanah air ini. Tetapi sebenarnya pengkhianat kepada seni tanah air itu sendiri dan *Akademi Fantasia* ini adalah salah satu daripada cabang yang merosakkan seni budaya dalam negara. Ini belum soal lagi yang sudah kalah masuk balik ini? Mana ada sudah kalah masuk balik? Ini soal SMS berjuta? Kenapa tidak bagi sebahagian daripada keuntungan itu kepada peserta-peserta? Dapat RM10,000 sahaja, RM5,000 sahaja berilah 50% agaknya kepada peserta-peserta. Kata dapat RM7 juta lebih, kenapa? Dan siapa yang menentukan SMS seseorang itu dapat sekian markah, siapa yang menentukan? Tidak ada siapa yang menentukan, dia tidak telus.

Jadi ini perkara-perkara, tidak tahu kementerian mana yang harus menjaganya. Jangan kita biarkan benda-benda seperti ini hanyut membawa arus keruntuhan kepada akhlak anak-anak muda kita. Selepas itu kita menangis, kenapa akhlak anak-anak muda kita runtuh, tetapi dalam masa yang sama kita membenarkan benda-benda yang bercanggah ini, apa hendak tengok jam, kalau tidak cukup masa, kita sambung esok. Kalau esok tidak cukup masa, kita sambung lusa, tidak ada apa masalah. Ini sedikit cetusan, saya hendak berkongsi sama-sama rasa semangat juang Jerai, segagah gunung Jerai itu biarlah saya merasainya sedikit. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Sri Gading, tergugurnya wira bangsa, tiada titisan air mata, mungkin hanya keluarga terdekat sanak-saudara, tetapi tertewasnya seorang penyanyi dalam *Akademi Fantasia*, meleleh air mati satu dewan, teriak, adik-beradik pun hendak, saudara pun hendak. *[Ketawa]*

Saya tidak faham dunia anda Sri Gading, saya dah tidak faham. Pasal kawan itu tidak terlekat hendak menyanyi pula, pakat teriak habis dan celah itu pula ada mak long, mak ngah datang tumpang sama. *[Ketawa]* Yang sudah ranum itu pun, tak kira datang dengan cucukah atau dengan siapakah, bawa nama, ini dia! Mengapa tidak angkat nama pemimpin besar kita? Mengapa tidak angkat nama ini? Yang asyik di angkat nama 'Pak Wak Wi', 'Wak Wi', ini apa? Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan budaya yang tanpa kita sedari memasuki dalam jiwa sanubari bangsa kita, merosakkan bangsa kita dalam masa mereka mengkhayalkan anak-anak bangsa kita dengan kegembiraan.

Jadi di sini saya bersetuju dengan Sri Gading bahawa kalau benda ini tidak kita.... bukanlah kita anti kepada keseronokan ini, kita pun hendak seronok dan ceria Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tidak ceria, monyok sahaja ini susah juga hidup macam Kepong asyik monyok sahaja, macam orang mimpi sahaja. *[Ketawa]* Masuk

Dewan 'tercangak-cangak' apa hal? Kita hendak juga hidup ini aman, ceria dan seronok. Tetapi jangan keseronokan itu mematikan budaya kita, mematikan bahasa kita. Kalau Yang Berhormat, Yang Berhormat sekalian pergi melihat saya dan tengok juga Akademi Fantasia, itu pasal mereka kata Dato' ini tidak usah kalut pergi tengoklah ini, tak usah pergi bercakap dalam Dewan Rakyat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu, Tangga Batu minat juga Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu berminat juga Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tangga Batu baru balik daripada Umrah ini...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hah! Dia baru balik daripada Umrah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalankah atau tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia terkejut fantasia itu, dia pergi Umrah baru balik.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Kalau kita dapat lihat apabila kita bercakap tentang i, AFUNDI Akademi Fantasia ini, di Dewan Parlimen ini mungkin kita popular di sini Yang Berhormat Jerai. Tetapi kalau kita berada dalam dewan itu mungkin kita jadi tidak popular di situ kerana di dalam dewan itu 99% adalah terdiri daripada orang-orang muda di bawah umur 25 tahun dan naluri mereka serta cita rasa mereka mungkin berbeza dengan cita rasa kita di sinilah.

Yang Berhormat Jerai saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Jerai tentang satu stesen radio yang mungkin telah menyebabkan kesilapfahaman di kalangan pendengar-pendengar, iaitu betul salah nama stesen radio itu? Betul salah stesen radio itu? Jadi soalan yang dikemukakan oleh DJ radio tersebut kemudian jawapannya kalau betul perlu dijawab salah oleh pendengar. Pendengar perlu telefon stesen radio itu kalau betul kena jawab salah, jadi mungkinkah berlaku kesilapfahaman masalah komunikasi sekali lagi. Contohnya Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pendengar kena jawab salah kalau benda itu betul, salah. Oh! Betul. Jadi perkara ini berlaku dan amat diminati oleh pendengar-pendengar, contohnya parti yang memerintah negara kita Barisan Nasional salah, dijawab oleh pendengar. Oh! Betul dia kata. Maksudnya kalau dia jawab salah, betul dan kalau dia jawab betul, salah. Pernah tidak Yang Berhormat Jerai dengar stesen radio ini dan bila saya dengar pun saya jadi pelik.

Puan Chong Eng: Saya pun ada dengar!

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Pernah dengar? Hah! Pembangkang pun setuju dengan saya, jadi ini mungkin akan menyebabkan berlakunya penyalahgunaan, kesilapfahaman dan sebagainya. Minta Yang Berhormat Jerai beri penjelasan, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak pernah dengar Tuan Yang di-Pertua, pasal saya asyik menelaah Dewan bersidang ini, tetapi kalau ada juruhebah yang begitu, juruhebah itu bermakna tekanan jiwa dia tidak betul. *[Dewan menjadi riuh dengan sorakan ketawa]* Tidak betul, dia kata tidak betul, yang tidak betul pergi kata betul ini, dia tidak betullah! *[Ketawa]* Bermaksudnya jiwanya kalut. Orang yang menjadi juruhebah itu jiwa dia kelam-kabut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Harus diberhentikan ataupun harus dikaunselingkan.

Seorang Ahli: Kaunselkan!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kaunselkan, mari datang pada sayakah, ke Araukah, kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak habiskan hari ini atau hendak sambung esok bercakap?

Beberapa Ahli: Sambung esok! *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal mereka ini Tuan Yang di-Pertua, banyak ini bahasa

Beberapa Ahli: Kita sambung esoklah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam mana ini, hendak bagi ataupun hendak sambung?

[Dewan menjadi riuh]

Beberapa Ahli: Sambung!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta sambung. *[Ketawa]* Atas permintaan ramai!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak tolak pun kasihan pada mereka, bukan saya tidak mahu...sekejap lagi mereka teriak macam Akademi Fantasia pula! *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamd bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Jerai. Ulama pernah berpesan antara musuh kepada generasi ialah hiburan yang keterlaluan. Dalam semua abad, bimbang saya. Kalau kita membenarkan generasi kita didedahkan dengan hiburan yang tidak ada batasan sehingga kita lalai dengan hiburan, bangsa ini akan lenyap. Saya rasa tidak sampai 30 tahun akan datang. Oleh yang demikian, dengan rasa penuh tanggungjawab kita kena ambil, hiburan tidak menjadi salah kalau diambil secara berpatutan, tetapi kalau sudah keterlaluan anak muda didedahkan dengan begitu berleluasalah orang kata, kita bimbang generasi kita akan datang akan pupus segala-galanya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai buat kajianlah Yang Berhormat Jerai. Esok boleh jawab ulas panjang lagilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya akan menelaah lagi, saya akan menelaah lagi dan kita akan sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai sambung esok.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat waktu sekarang ialah jam 5.30 petang, sesi sidang hari ini telah selesai. Oleh itu saya tangguh Dewan yang mulia ini sehingga jam 10.00 pagi esok, Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.